

Bil. 6

**Rabu
14 April 1999**



MALAYSIA

**PENYATA RASMI PARLIMEN
DEWAN RAKYAT**

**PARLIMEN KESEMBILAN
PENGAL KELIMA
MESYUARAT PERTAMA**

KANDUNGAN

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN	(Ruangan 1)
RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT	(Ruangan 16)
USUL:	
- Ucapan Terima Kasih Kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. - <i>Y.B. Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob (Sipitang)</i>	(Ruangan 17)

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Tun Mohamed Zahir bin Haji Ismail, S.S.M., P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K. J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Dato Seri Dr. Mahathir bin Mohamad, D.K.(Brunei), D.K.(Perlis), D.K.(Johor), D.U.K., S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P. (Sarawak), D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.M.N., P.I.S. (Kubang Pasu)

“ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi, D.G.P.N., D.S.S.A., D.M.P.N., D.J.N., K.M.N., A.M.N. (Kepala Batas)

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, Dato' Seri Dr. Ling Liong Sik, D.G.S.M., S.P.M.P., D.P.M.S., D.P.M.P. (Labis)

“ Menteri Kerja Raya, Dato' Seri S. Samy Vellu, S.P.M.J., S.P.M.P., DPMS, PCM, AMN (Sungai Siput)

“ Menteri Perusahaan Utama, Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik, D.G.P.N., S.P.M.P., D.P.C.M. (Beruas)

“ Menteri Tugas-tugas Khas dan Menteri Kewangan I, Tun Daim Zainuddin, S.S.M., S.P.M.S., D.H.M.S., S.S.A.P. (Merbok)

“ Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia, Datuk Leo Moggie anak Irok, P.N.B.S. (Kanowit)

“ Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Seri Rafidah Aziz, S.P.M.P., S.P.M.T., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar)

“ Menteri Pertanian, Datuk Seri Amar Dr. Haji Sulaiman bin Haji Daud, S.I.M.P., D.A., D.S.S.A., P.N.B.S., J.B.S. (Petra Jaya)

“ Menteri Pendidikan, Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak, S.S.A.P., S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., P.N.B.S. (Pekan)

“ Menteri Penerangan, Datuk Seri Mohamed bin Rahmat, D.G.S.M., S.P.M.J., S.I.M.P., S.P.D.K., S.S.S.A., S.P.M.T., S.S.I.J., D.P.M.J., D.P.M.S., P.N.B.S., K.M.N., P.I.S., B.S.I. (Pulai)

“ Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato' Seri Sabbaruddin Chik, S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., S.M.S. (Temerloh)

“ Menteri Sumber Manusia, Dato' Lim Ah Lek, S.I.M.P., D.S.A.P., S.M.T., J.P. (Bentong)

“ Menteri Pertahanan, Dato' Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha, D.S.A.P., P.N.B.S., D.P.T.J., J.M.N. (Kuala Rajang)

“ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Datuk Law Hieng Ding, P.N.B.S., K.M.N., P.B.S., P.B.J. (Sarikei)

- Yang Berhormat Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato' Dr. Ting Chew Peh, D.P.M.S., D.P.M.P. (Gopeng)
- “ Menteri Luar Negeri, Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar, S.P.D.K., D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Kota Tinggi)
- “ Menteri Pembangunan Luar Bandar, Dato' Haji Annuar bin Haji Musa, S.I.M.P. (Peringat)
- “ Menteri Belia dan Sukan, Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin, P.S.M., S.P.M.J., S.M.J., P.S.I., B.S.I. (Pagoh)
- “ Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail, D.P.M.S., S.M.S, K.M.N (Gombak)
- “ Menteri Kesihatan, Dato' Chua Jui Meng, S.I.M.P, S.M.J, P.I.S (Bakri)
- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Paduka Dr. Haji Abdul Hamid bin Haji Othman, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., P.P.T (Sik)
- “ Menteri Pembangunan Usahawan dan Menteri Kewangan II, Dato' Mustapa bin Mohamed, D.P.M.S. (Jeli)
- “ Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Seri Megat Junid bin Megat Ayob, S.P.D.K., S.P.M.P., D.P.M.K., D.S.S.A, D.S.A.P., D.P.C.M., A.M.P., A.M.K (Pasir Salak)
- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Dr. Siti Zaharah binti Haji Sulaiman, D.I.M.P. (Paya Besar)
- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali, D.P.M.P., A.M.P. (Gerik)
- “ Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Ong Tee Keat, P.J.N., S.M.S. (Ampang Jaya)
- “ Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin, P.G.D.K (Kinabatangan)
- “ Timbalan Menteri Belia dan Sukan, Dato' Loke Yuen Yow, D.P.M.P., A.M.P. (Tanjong Malim)
- “ Timbalan Menteri Kerja Raya, Datuk Railey bin Haji Jaffrey, P.G.D.K., J.M.N. (Silam)
- “ Timbalan Menteri Pendidikan, Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus, D.S.N.S. (Jempol)
- “ Timbalan Menteri Luar Negeri, Datuk Dr. Leo Michael Toyad, P.G.B.K., J.B.S. (Mukah)
- “ Timbalan Menteri Pertahanan, Dato' Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan, D.P.C.M., P.C.M. (Bukit Gantang)

Yang Berhormat Timbalan Menteri Penerangan, Dato' Drs. Suleiman bin Mohamed,
D.P.M.S. (Titiwangsa)

“ Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato' Teng
Gaik Kwan, D.I.M.P., A.M.N., P.P.N. (Raub)

“ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Peter Chin
Fah Kui, P.B.S., A.B.S. (Miri)

“ Timbalan Menteri Dalam Negeri, Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh
Fadzir, D.S.D.K., A.M.K. (Kulim-Bandar Baharu)

“ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Kerk
Choo Ting, D.P.M.P. (Taiping)

“ Timbalan Menteri Pertanian, Dato' Dr. Haji Tengku Mahmud bin
Tengku Mansor, S.P.M.T., D.P.M.T., K.M.N., P.J.C., J.P., P.J.K. (Setiu)

“ Timbalan Menteri Kewangan, Dato' Wong See Wah, D.S.N.S. (Rasah)

“ Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat,
Datuk Peter Tinggom anak Kamarau, P.N.B.S., J.B.S., K.M.N., P.B.S.,
A.M.N., P.P.C. (Saratok)

“ Timbalan Menteri Pendidikan, Datuk Dr. Fong Chan Onn, D.M.S.M.
(Selandar)

“ Timbalan Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia, Dato' Chan
Kong Choy, D.S.A.P., D.P.M.S. (Selayang)

“ Timbalan Menteri Dalam Negeri, Dato' Ong Ka Ting D.P.M.P. (Pontian)

“ Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar, Dato' K. Kumaran,
D.P.M.P., K.M.N., J.S.M., P.M.P., P.P.T., J.P. (Tapah)

“ Timbalan Menteri Sumber Manusia, Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar,
D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., B.C.K. (Padang Terap)

“ Timbalan Menteri Pengangkutan, Datuk Dr. Ibrahim bin Saad, D.M.S.M.
(Tasek Gelugor)

“ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Dato' Abu Bakar
bin Daud, D.S.M.T., D.S.A.P., D.P.M.T., J.M.N., P.J.C., P.J.K. (Kuala
Terengganu)

“ Timbalan Menteri Kesihatan, Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam,
D.C.S.M., D.M.S.M., D.S.M., P.B.M. (Batu Berendam)

“ Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna,
Dato' S. Subramaniam, D.S.N.S., D.P.M.J., S.M.J. (Segamat)

“ Timbalan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Dr. Goh Cheng
Teik (Nibong Tebal)

Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan, Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz, D.M.S.M., A.M.P., B.K.T. (Chenderoh)

- “ Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan, Dato' Idris bin Jusoh, P.J.K. (Besut)
- “ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, Dato' Hishamuddin bin Tun Hussein, D.P.M.J. (Tenggara)
- “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato' Azmi bin Khalid, D.P.M.P., S.M.P., P.J.K. (Padang Besar)
- “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman, D.I.M.P., A.M.P., P.P.N. (Kuantan)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, Dato' M. Mahalingam, D.P.M.S., J.M.N., J.P. (Subang)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato' Mohd. Noh bin Rajab, D.S.N.S. (Tampin)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar, Datuk Douglas Uggah Embas, A.B.S., P.B.S. (Betong)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kerja Raya, Tuan Yong Khoon Seng (Padawan)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi, Puan Ainon Khariyah binti Dato' Mohd. Abas, P.M.P., A.M.P. (Parit)
- “ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Haji Muhammad bin Abdullah, D.I.M.P., S.M.P., P.J.K. (Maran)
- “ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Othman bin Abdul, D.S.S.A., A.M.P., P.P.T. (Pendang)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan, Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh, D.S.S.A., S.M.S., S.S.A., K.M.N. (Kuala Langat)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pengangkutan, Dato' Chor Chee Heung, D.S.D.K. (Alor Setar)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Tuan Ahmad Kamaruzaman bin Mohamed Baria (Jerantut)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian, Dato' Abu Bakar bin Taib, D.S.D.K., K.M.N., B.C.K., P.J.K. (Langkawi)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Tan Chai Ho, P.J.N., K.M.N., A.M.N. (Bandar Tun Razak)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal, P.G.D.K. (Semporna)

Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan, Dato' Shahrizat binti Abdul Jalil, D.I.M.P. (Lembah Pantai)

- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Tuan G. Palanivel, P.J.K. (Hulu Selangor)
- “ Datuk Abdol Mulok bin Haji Awang Damit (Labuan)
- “ Tuan Abdul Aziz bin Mohd. Yassin (Muar)
- “ Tun Abdul Ghafar bin Baba, S.S.M. (Jasin)
- “ Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang (Marang)
- “ Tuan Haji Abdul Hamid bin Abdul Rahman (Sungai Benut)
- “ Tuan Abdul Rahin bin Dato' Mohd. Said (Kuala Nerus)
- “ Tuan Abdul Rahman bin Haji Sulaiman, S.S.A., A.M.N., A.M.S., A.M.P., A.D.K. (Parit Buntar)
- “ Datuk Patinggi Tan Sri Haji Abdul Taib Mahmud, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K., S.S.A.P. (Kota Samarahan)
- “ Datuk Wira Abu Seman bin Haji Yusof, D.M.S.M., J.P., B.K.T. (Alor Gajah)
- “ Dato' Haji Abu Zahar bin Dato' Nika Ujang, D.S.N.S., A.M.N. (Kuala Pilah)
- “ Tuan Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah, P.P.T., A.M.P. (Tambun)
- “ Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi, D.M.S.M., P.P.T., P.J.K. (Bagan Datok)
- “ Tuan Akbarkhan bin Abdul Rahman (Libaran)
- “ Tuan Amihanzah bin Ahmad (Lipis)
- “ Datu Amirkahar bin Tun Datu Haji Mustapha (Marudu)
- “ Dato' Seri Anwar bin Ibrahim, S.P.M.P., S.P.C.M., S.S.A.P., D.U.P.N., S.S.S.A., D.G.S.M., S.P.N.S., S.P.D.K., D.M.P.N. (Permatang Pauh)
- “ Raja Dato' Ariffin bin Raja Sulaiman, D.S.D.K., S.M.S. (Baling)
- “ Tuan Asmat Nungka (Beluran)
- “ Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin, D.S.D.K., B.K.M., P.J.K. (Yan)
- “ Tuan Haji Badrul Hisham bin Abdul Aziz, A.S.A. (Hulu Langat)
- “ Tuan Billy Abit Joo (Hulu Rajang)

Yang Berhormat Tuan Haji Buniyamin bin Yaakob (Bachok)

- “ Tuan Chang Kon You (Ipoh Timor)
- “ Tuan Chang See Ten (Gelang Patah)
- “ Che Ibrahim bin Mustafa, P.J.K. (Sungai Petani)
- “ Tuan Chia Kwang Chye (Bukit Bendera)
- “ Tuan Chiew Chiu Sing (Bintulu)
- “ Dato' Joseph Chong Chek Ah, D.S.P.N. (Batu)
- “ Puan Chua Soon Bui (Tawau)
- “ Tuan Fu Ah Kiow (Mentakab)
- “ Tuan Hamzah bin Ramli (Sri Gading)
- “ Dato' Haji Hanafi bin Ramli, D.S.D.K., S.M.S., K.M.N., A.M.K., A.M.N., P.P.N., P.J.K., J.P. (Jerlun)
- “ Tuan Hashim bin Ismail, P.P.N., P.I.S. (Ledang)
- “ Tuan Haji Hashim bin Jasin (Arau)
- “ Tuan Henrynus Amin, A.D.K. (Kinabalu)
- “ Dato' Hew See Tong, D.P.M.P., J.P., P.M.P. (Kampar)
- “ Tuan Ho Cheong Sing, A.M.N. (Ipoh Barat)
- “ Dato' Hon Choon Kim, D.S.N.S. (Seremban)
- “ Tuan Hoo Seong Chang (Kluang)
- “ Tuan Haji Ibrahim bin Mahmood (Kuala Krai)
- “ Tuan Ibrahim bin Pateh Mohamad (Tanah Merah)
- “ Puan Hajah Ilani binti Dato' Haji Isahak (Kota Bharu)
- “ Tuan Jacob Dungau Sagan, P.P.B. (Baram)
- “ Dato' Jamaluddin bin Adnan (Kuala Selangor)
- “ Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis, D.I.M.P., S.A.P. (Rompin)
- “ Tuan James Jimbun Anak Pungga, P.B.S. (Kapit)
- “ Tuan Jawah Anak Gerang (Lubok Antu)

Yang Berhormat Tuan Jimmy Lim @ Jimmy Donald (Sri Aman)

- “ Tuan Joseph Mauh Anak Ikeh (Selangau)
- “ Datuk Seri Joseph Pairin Kitingan, P.G.D.K., P.N.B.S., S.S.A.P., S.P.D.K. (Keningau)
- “ Dato' Dr. Kamal bin Salleh, D.S.P.N., K.M.N., P.K.T., J.M.N. (Wangsa Maju)
- “ Tuan R. Karpal Singh (Jelutong)
- “ Dr. L. Krishnan, P.M.C., A.M.N. (Telok Kemang)
- “ Datuk Lau Ngan Siew, A.D.K. (Sandakan)
- “ Dr. Lee Chong Meng (Bukit Bintang)
- “ Dr. G. Leelavathi, A.M.N. (Kapar)
- “ Tuan Liew Ah Kim (Seputeh)
- “ Tuan Lim Hock Seng (Bagan)
- “ Tuan Lim Kit Siang (Tanjong)
- “ Tuan Vincent Lim Kuo Phau (Petaling Jaya Utara)
- “ Puan Lim Lay Hoon, P.P.N., B.K.M. (Padang Serai)
- “ Tuan Lim Siang Chai (Petaling Jaya Selatan)
- “ Datuk Lim Si Cheng, P.I.S. (Senai)
- “ Dato' Haji Mahbud bin Haji Hashim, D.S.S.A., A.S.A., P.J.K. (Sabak Bernam)
- “ Tuan Mansor bin Masikon (Batu Pahat)
- “ Dr. Maximus Johnity Ongkili, A.S.D.K., J.P. (Bandau)
- “ Tuan Md. Isa bin Sabu (Kangar)
- “ Tuan Michael Lisa Kaya, B.B.S. (Bukit Mas)
- “ Tuan M. Kulasegaran a/l V. Murugeson (Teluk Intan)
- “ Tuan Haji Mohamad bin Sabu (Kubang Kerian)
- “ Tuan Haji Mohamed bin Haji Abdullah (Pasir Puteh)
- “ Tuan Mohamed Khaled bin Nordin P.I.S. (Johor Bahru)
- “ Datuk Mohd. Salleh bin Tun Said, P.G.D.K. (Kota Belud)

Yang Berhormat Dato' Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan, D.I.M.P., P.M.P.,
A.M.P., J.P. (Larut)

- “ Tuan Mokhtaruddin bin Wan Yusof (Dungun)
- “ Tuan Haji Mustafa bin Muda, A.M.N., A.M.T., P.P.N., P.J.K. J.P. (Hulu Terengganu)
- “ Tuan Haji Nik Mohd. Amar bin Haji Nik Abdullah (Pengkalan Chepa)
- “ Tuan Haji Noh bin Omar, P.J.K. (Tanjong Karang)
- “ Dr. Nungsari bin Ahmad Radhi (Balik Pulau)
- “ Datuk Nurnikman bin Abdullah (Beaufort)
- “ Datuk Osu bin Haji Sukam, P.G.D.K. (Papar)
- “ Dr. Patau Rubis, P.B.S. (Mas Gading)
- “ Tuan Paul Nointien, A.D.K. (Penampang)
- “ Datuk Philip Yong Chew Lip, A.D.K. (Gaya)
- “ Dato' Haji Qamaruz Zaman bin Haji Ismail, D.P.M.P., P.C.M., K.M.N., B.C.K., P.J.K. (Bagan Serai)
- “ Tuan Radin Malleh (Tenom)
- “ Dr. Ramli bin Taib (Kemaman)
- “ Mulia Tan Sri Tengku Razaleigh Hamzah, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang)
- “ Tuan Richard Riot Anak Jaem (Serian)
- “ Tuan Robert Lau Hoi Chew (Sibu)
- “ Puan Rohani binti Haji Abd. Karim, P.P.B. (Santubong)
- “ Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad, P.I.S. (Parit Sulong)
- “ Dato' Salamon bin Selamat, D.P.M.S., S.S.A., A.M.S., P.J.K. (Shah Alam)
- “ Dr. Sanusi bin Daeng Mariok (Rantau Panjang)
- “ Puan Seripah Noli binti Syed Hussin (Sepang)
- “ Cik Siti Zainab binti Abu Bakar, S.M.J. (Tebrau)
- “ Datuk S'ng Chee Hua, D.S.N.S., P.G.D.K. (Julau)
- “ Datuk Song Swee Guan, P.G.D.K. (Bandar Kuching)

Yang Berhormat Cik Sukinam Domo (Batang Sadong)

- “ Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed, D.J.M.K., J.P. (Machang)
- “ Dr. Tan Chong Keng (Bukit Mertajam)
- “ Dr. Tan Kee Kwong (Segambut)
- “ Tuan Tan Kok Wai (Cheras)
- “ Dr. Tan Seng Giaw (Kepong)
- “ Dr. Tan Yee Kew (Kelang)
- “ Tuan Tiong Thai King (Lanang)
- “ Tuan Haji Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman, B.K.M. (Pokok Sena)
- “ Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar, P.B.S. (Batang Lupar)
- “ Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood (Tumpat)
- “ Tuan Wong Kam Hoong, K.M.N. (Bayan Baru)
- “ Dato' Yap Pian Hon, D.M.P.S., A.M.N., P.J.K. (Serdang)
- “ Dr. Yap Yit Thong, A.M.P., A.M.N. (Lumut)
- “ Dr. Yee Moh Chai (Tanjong Aru)
- “ Tuan Yeong Chee Wah (Batu Gajah)
- “ Tuan Yunof Edward Marinking (Tuaran)
- “ Tuan Yunus bin Rahmat (Jelebu)
- “ Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob, P.G.D.K., A.D.K. (Sipitang)
- “ Tuan Zainal Abidin bin Osman (Mersing)
- “ Tuan Haji Zainuddin bin Haji Mohamad Nor, S.M.K. (Pasir Mas)
- “ Dato' Haji Zakaria bin Mohd. Said, D.S.D.K., S.M.K., K.M.N., P.J.K. (Kuala Kedah)

DEWAN RAKYAT**PEGAWAI-PEGAWAI KANAN**

Setiausaha Dewan Rakyat	:	Datuk Mohd. Salleh bin Haji Hassan, P.S.D., J.S.D., K.M.N.
Ketua Penolong Setiausaha	:	Zamani bin Haji Sulaiman Haji Mustakin bin Salamat
Penolong Setiausaha	:	Nor Hayatee binti Abdullah Haji Mustafa bin Abdul Rahman Ruhana binti Abdullah

CAWANGAN DOKUMENTASI

Pegawai Penerbitan	:	Azhari bin Hamzah Monarita binti Mohd. Hassan
Pelapor Perbahasan Parlimen	:	Hajah Shamsiah binti Mohd. Yusop, P.P.N. Hajah Supiah binti Dewak Mohd Saleh bin Mohd. Yusop Mohamed bin Osman Hajah Norishah binti Mohd. Thani Shamsina binti Janor Nora'ini binti Hetam Ramlah binti Mohd. Yusuff Miskiah binti Hassan Rosnani binti Ahmad
Pembaca Pruf	:	Abu Bakar bin Hasan

CAWANGAN BENTARA

Bentara Mesyuarat:	:	Mejar (B) Abdul Halim bin Haji Ali Mejar (B) Zakaria bin Salleh Mejar (B) Kamaruddin bin Abdullah
--------------------	---	---

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

Rabu, 14 April 1999

Mesyuarat dimulakan pada 10.00 pagi

DOA

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Ong Tee Keat) *mempengerusikan Mesyuarat*]**PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN**

1. Tuan Yunus bin Rahmat [Jelebu] minta Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan menyatakan:-

- (a) peranan kementerian dalam menjayakan Tahun Melawat Negeri Sembilan (TMNS 1999) dari segi penyaluran peruntukan (nyatakan jumlah RM) untuk membangunkan tempat kunjungan dan rekreasi di Negeri Sembilan; dan
- (b) bagaimanakah sambutan pelancong luar dan dalam negeri terhadap TMNS '99 sehingga kini.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan [Dato' Mohd. Noh bin Rajab]: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Di dalam menjayakan Tahun Melawat Negeri Sembilan (TMNS '99) Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan telah menyalurkan peruntukan-peruntukan yang diperlukan oleh Kerajaan Negeri Sembilan bagi membangunkan kemudahan-kemudahan infrastruktur, mempertingkatkan serta menaik taraf tempat-tempat pelancongan sedia ada serta menyediakan produk-produk pelancongan yang baru. Keseluruhan peruntukan untuk projek-projek bagi Negeri Sembilan di bawah Rancangan Malaysia Ketujuh ialah sebanyak RM27,152,937 dan sehingga kini sebanyak RM6,186,719 telah pun dibelanjakan.
- (b) Adalah terlalu awal bagi kementerian untuk menentukan sambutan pelancong-pelancong sempena Tahun Melawat Negeri Sembilan, kerana TMNS '99 baru sahaja dilancarkan. Mengikut maklumat yang diterima daripada pihak hotel di Negeri Sembilan sehingga bulan Februari yang lalu terdapat kenaikan dari segi bilangan pelancong yang melawat Negeri Sembilan. Kadar purata penginapan hotel-hotel atau resort di Port Dickson adalah di antara 40% hingga 50% berbanding dengan kadar purata penginapan sebanyak 32% pada tempoh yang sama dalam tahun 1998. Pada penghujung minggu, kadar purata penginapan meningkat antara 70% hingga ke 100%.

Walau bagaimanapun, pada bulan Mac 1999 ini terdapat beberapa pembatalan tempahan yang dibuat oleh pelancong

berikutan berlakunya wabak Japanese Encephalitis (JE) di Negeri Sembilan. Pada masa ini kerajaan Negeri Sembilan sedang mengumpul data-data mengenai kadar purata penginapan pelancong bagi bulan Mac dan juga kedudukan mengenai penempahan yang dibatalkan. Keberkesanan program Tahun Melawat Negeri Sembilan 1999 akan lebih jelas selepas suku tahun ketiga pada tahun 1999 ini juga apabila maklumat-maklumat di atas dapat diperolehi.

Tuan Yunus bin Rahmat: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apabila JE didapati merebak di Negeri Sembilan iaitu di Bukit Pelandok dan didapati beratus orang telah pun meninggal dunia, adakah Yang Berhormat bersetuju sekiranya dinyatakan bahawa wabak JElah yang menyebabkan banyak program Tahun Melawat Negeri Sembilan terbatal dan menyebabkan pelancong tidak datang? Ditambah pula dengan fokus yang telah disiarkan oleh akhbar dan sebagainya yang menekankan bahawa Port Dicksonlah yang menjadi tempat ataupun punca tersebarnya penyakit virus JE ini. Di samping itu, mengapakah terdapat kelembapan dari segi penyediaan prasarana tempat tumpuan pelancong walaupun peruntukan telah disalurkan banyak tetapi hanya RM6.7 juta sahaja dibelanjakan dan didapati banyak tempat yang menjadi tumpuan tidak lengkap dan tidak cukup kemudahannya. Adakah ini menyebabkan pelancong-pelancong juga tidak berminat untuk datang ke Negeri Sembilan?

Dato' Mohd. Noh bin Rajab: Tuan Yang di-Pertua, minat pelancong untuk pergi ke Port Dickson itu sentiasa ada. Tetapi satu perkara yang kementerian faham bahawa pelancong ini selalunya ada pilihan dan mereka pergi ke tempat-tempat yang memberi pulangan kepuasan yang terbaik. Jadi, kalau dipandang dari segi itu, dari maklum balas yang kita didapati bahawa apabila terdapat satu-satu perkara yang kurang menyenangkan perasaan pelancong, maka pelancong pergi ke tempat lain.

Berkenaan dengan penggunaan peruntukan, kementerian difahamkan bahawa kelewatan pelaksanaan projek-projek yang telah diluluskan itu selalunya berkaitan dengan hal tanah, kerana satu-satu projek itu tidak dapat dimulakan selagi masalah tanah itu tidak beres. Oleh yang demikian, terdapat daripada angka tadi untuk Negeri Sembilan sahaja 2/3 boleh dikatakan belum dibelanja, sedangkan Rancangan Malaysia Ketujuh sudah hampir sampai ke penghujungnya. Sememangnya Kerajaan Pusat pada keseluruhannya telah menggalakkan pihak-pihak yang berkaitan dengan pembangunan ini supaya mempercepatkan urusan-urusan penggunaan peruntukan ini.

Berkenaan dengan wabak itu sendiri kita di Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan kurang arif. Mungkin kementerian-kementerian yang lain dapat memberi jawapan yang lebih tepat.

Dato' Abu Zahar bin Dato' Nika Ujang: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya telah mendengar penjelasan daripada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen sebentar tadi, saya ucap terima kasih di atas penjelasan tersebut. Soalan saya sekarang ini ialah berkaitan dengan Pusat Budaya Ulu Bendul yang mana saya percaya Yang Berhormat sedia maklum, apakah bentuk komitmen yang terperinci dan juga bantuan yang diberi oleh kementerian untuk mempertingkatkan pusat ini yang mana kementerian telah komited berjuta ringgit juga supaya ia menjadi satu kawasan pusat bagi pelancong-pelancong di kawasan Negeri Sembilan ini. Kerana sekarang ini sebagaimana Yang Berhormat sedia maklum tempat itu memang indah, tetapi apakah bentuk pendekatan kementerian kepada masyarakat kawasan itu supaya mereka bersedia menerima segala perancangan kementerian dari segi menjadikan pusat pelancong di kawasan tersebut?

Dato' Mohd. Noh bin Rajab: Tuan Yang di-Pertua, kementerian memang sedar bahawa Sri Menanti memangnya salah satu destinasi pelancongan yang dapat menarik minat pelancong-pelancong untuk pergi ke Negeri Sembilan. Pusat Kebudayaan sememangnya adalah satu tempat yang ditumpukan oleh kementerian untuk dipertingkatkan supaya unsur-unsur kebudayaan itu juga memainkan peranan bagi menarik pelancong-pelancong. Khusus bagi pusat budaya di Kuala Pilah ini kita tidak mempunyai maklumat yang terperinci. Walau bagaimanapun, dari segi dasarnya bahawa kementerian sememangnya sentiasa mempertimbangkan permohonan-permohonan daripada kerajaan negeri untuk mempertingkatkan mana-mana tempat pelancongan yang boleh dibangunkan sama ada dari segi infrastrukturnya mahupun pengisiannya sendiri.

2. **Tuan Hoo Seong Chang [Kluang]** minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan:-

- (a) apakah pengubahsuaian akan dibuat terhadap Pelan Induk Perindustrian Kedua (IMP2) untuk memastikan ia dapat membantu mempercepat pengukuhan ekonomi negara; dan
- (b) adakah kita mencapai sasaran menarik pelaburan langsung asing (FDI) sejak IMP2 diperkenalkan sehingga hari ini.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri [Tuan Ahmad Kamaruzaman bin Mohamed Baria]: Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menjawab soalan ini bersama-sama soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat dari Bintulu dan Yang Berhormat dari Senai yang perlu dijawab pada 20 April dan 4 Mei 1999 kerana ketiga-tiga soalan ini adalah berkaitan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Baiklah.

Tuan Ahmad Kamaruzaman bin Mohamed Baria: Tuan Yang di-Pertua, Pelan Induk Perindustrian Kedua (IMP2) adalah pelan jangka panjang negara yang menggariskan haluan pembangunan perindustrian negara. Strategi-strategi khusus telah dirangka supaya sektor perkilangan Malaysia menjadi lebih berdaya saing dan berdaya tahan. IMP2 telah mengenal pasti lapan kumpulan industri utama seperti berikut; elektronik dan elektrik, pengangkutan, kimia, tekstil dan pakaian, industri berasaskan sumber, industri bahan dan bahan termaju, industri berasaskan pertanian dan produk makanan dan mesin dan kelengkapan. Industri utama ini berpotensi untuk dibangunkan pada 22 kelompok industri. Pelan tindakan khusus telah juga digariskan untuk pembangunan kesemua lapan industri utama ini.

Tuan Yang di-Pertua, di peringkat pelaksanaan, IMP2 memberi penekanan kepada kerjasama sektor awam/swasta dan pendekatan yang melibatkan proses perancangan dan kajian semula secara berterusan. Kaedah ini akan memastikan teras pembangunan perindustrian boleh diubahsuai dan memberi response yang segera kepada perubahan-perubahan persekitaran domestik dan antarabangsa.

Rangka kerja institusi bagi pelaksanaan IMP2 merangkumi Majlis Penyelarasan Perindustrian (ICC), Kumpulan Kerja Kelompok dan Pasukan Petugas. ICC yang dipengerusikan oleh Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri telah diwujudkan untuk memberi panduan dan arah tuju bagi pelaksanaan IMP2. ICC sedang mengkaji semula pelan IMP2 dengan tujuan memastikan IMP2 adalah relevan dalam situasi semasa, mengenal pasti arah tuju baru agar industri ataupun sektor tidak hilang daya tahan dalam keadaan pasaran menurun, meninjau kesan ke atas industri dari segi peningkatan kos terutama industri yang mempunyai import yang tinggi dan meningkatkan lagi daya tahan sektor pengilangan.

Di samping ini, Kumpulan Kerja Kelompok yang dipengerusikan bersama oleh sektor swasta telah diwujudkan untuk memastikan pembangunan kelompok industri yang berdaya saing. Maklum balas yang diperolehi dari sektor swasta termasuk masalah yang dihadapi oleh pihak industri serta implikasi kepada industri akibat dasar semasa yang dilaksanakan oleh kerajaan. Maklum balas ini akan membantu pihak kerajaan untuk mengambil tindakan sama ada dalam penyediaan dasar dan arah tuju baru atau mengemas kini dasar dan strategi yang sedia ada ke arah memantapkan lagi pembangunan sektor perkilangan.

Tuan Yang di-Pertua, pihak negeri juga menyediakan pelan perindustriannya serta strategi-strategi khusus untuk pembangunan perindustrian negeri masing-masing selaras dengan teras pembangunan perindustrian di bawah IMP2. Pihak MITI juga bersedia membantu pihak negeri yang berkenaan dalam penyediaan pelan perindustrian.

Tuan Yang di-Pertua, dalam tempoh pelaksanaan IMP2 dari 1996 hingga 1998 jumlah pelaburan yang diluluskan adalah sebanyak RM86.5 bilion iaitu melebihi 15.3% dari sasaran pelaburan IMP2 sebanyak RM25 bilion setahun. Dari jumlah pelaburan tersebut RM41.7 bilion atau 48.2% adalah pelaburan daripada luar negara.

Tuan Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah: Tuan Yang di-Pertua, mengenai dengan FDI ini selain daripada mereka mendirikan industri dan membantu meningkatkan eksport dalam IMP2, apakah peranan yang kita harapkan daripada FDI dari segi untuk membantu pembinaan industrialis tempatan, apakah strategi-strategi dan perancangan-perancangan yang telah ditetapkan oleh kerajaan bagi memastikan pencapaian matlamat tersebut dan setelah menghadapi kegagalan pada masa lalu. Kali ini apakah yang membuat kerajaan yakin bahawa FDI akan membantu dalam pembinaan industrialis tempatan?

Tuan Ahmad Kamaruzaman bin Mohamed Baria: Berapa soalan – tiga. [Ketawa] Tuan Yang di-Pertua, pada masa dahulu di awal tahun 1970-an mahupun pertengahan 60-an apabila sesebuah syarikat daripada luar negara melabur ke dalam negara kita, kita boleh jadi tidak bersedia oleh kerana pada masa itu kita berada dalam agrarian economy. Jadi, maknanya kita masih belum bersedia untuk menerima pelaburan yang berbentuk pembuatan (manufacturing) dan para industrialis tidak wujud di dalam negara kita. Tetapi sejak kebelakangan ini apabila sesebuah syarikat itu hendak melabur di dalam negara, mereka akan bertanyakan khususnya kepada pihak MIDA berkenaan dengan rakan kongsi yang boleh didapati dalam negara sendiri dan ini boleh kiranya menyebabkan wujud para industrialis yang datangnya dari kalangan orang-orang Malaysia sendiri. Jadi, dengan cara di mana syarikat-syarikat besar ini datang ke negara kita untuk membina kilang dan mengadakan berbagai-bagai projek, maka rakyat dalam negara kita boleh menjadi usahawan, boleh menjadi industrialis secara tidak langsung dengan adanya projek usahasama ataupun projek-projek joint venture ini.

Tuan Hoo Seong Chang: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin mengucapkan tahniah kepada kementerian yang melaksanakan IMP2 untuk memantapkan industri negara kita. Jadi, saya ingin tahu pada keseluruhannya iaitu dari tahun 1995 hingga 1998 ke tahap manakah pencapaian sektor industri negara kita terjejas ekoran daripada kegawatan ekonomi dan antara industri utama yang telah disebutkan oleh Yang Berhormat Setiausaha Parlimen tadi, mana satu sektor industri negara kita yang masih merupakan paling berdaya saing dengan negara-negara lain di pasaran antarabangsa? Sekian, terima kasih.

Tuan Ahmad Kamaruzaman bin Mohamed Baria: Tuan Yang di-Pertua, dari segi kegawatan ekonomi yang berlaku mulai bulan Julai 1997 memang terdapat sektor-sektor tertentu yang terlibat dengan kegawatan ekonomi ini tetapi secara menyeluruh kita

masih lagi dapat bersaing di peringkat antarabangsa dan ini kita dapat lihat daripada jumlah eksport berbanding dengan jumlah import dalam negara kita sehingga membolehkan kita mendapat lebih dagangan di dalam tahun 1998 yang berjumlah lebih daripada RM54 bilion.

Jadi, sektor macam elektrik dan elektronik masih lagi dapat bersaing. Sektor macam tekstil dan pakaian (garments and textiles) masih lagi dapat bersaing di peringkat antarabangsa dan termasuk juga boleh jadi sektor-sektor yang tidak mempunyai import contain yang tinggi dan ini dapat bersaing lagi di peringkat antarabangsa. Jadi, walaupun ada kegawatan ekonomi yang melanda negara kita secara menyeluruh, kita dapat lagi bersaing di peringkat antarabangsa oleh kerana kita mempunyai pengeluaran yang baik dan kualiti yang dapat bersaing di peringkat international. Terima kasih.

3. Tuan Lim Hock Seng (Bagan) minta Menteri Dalam Negeri menyatakan mengapakah masih ramai pemohon tidak berjaya mendapat pasport yang dilaporkan hilang, senarai hitam dan juga bekas tahanan walaupun kes-kes telah berlalu 10 tahun. Apakah cara yang baik boleh diambil oleh pemohon sedemikian untuk mendapat hak mereka.

Timbalan Menteri Dalam Negeri [Dato' Ong Ka Ting]: Tuan Yang di-Pertua, pemohon yang tidak berjaya mendapat pasport yang dilaporkan hilang adalah sebab pemohon hilang pasport secara cuai atau tidak dapat membuktikan kehilangan itu berlaku secara di luar kawalannya. Biasanya kehilangan pasport berpunca daripada kecuai, pengeluaran pasport gantian boleh ditangguh satu tempoh masa. Bagi mereka yang disenaraikan di dalam senarai syak atas permintaan agensi penguatkuasaan kerajaan yang lain, pemohon perlu terlebih dahulu menyelesaikan masalah atau kesalahan mereka dengan agensi kerajaan berkenaan.

Selain daripada kes-kes yang disebutkan di atas, Jabatan Imigresen juga menangguh pengeluaran pasport ke atas orang-orang yang dipercayai boleh mengancam keselamatan akan menjejaskan nama baik kerajaan. Misalannya mereka yang terlibat dengan kesalahan pengedaran dadah, penahanan pasportnya dilanjut sehingga 10 tahun. Memandangkan pemohon-pemohon telah mengadu bahawa menghadapi kesulitan semasa hendak memohon pasport gantian pada masa yang lalu, Ibu Pejabat Jabatan Imigresen telah menetapkan piagam kerja supaya semua permohonan yang lengkap untuk mendapat pasport gantian akan diproses dan memaklumkan keputusannya kepada pemohon dalam tempoh 3 bulan dari tarikh permohonannya diterima.

Tuan Md. Isa bin Sabu: Tuan Yang di-Pertua, minta penjelasan tambahan. Setakat ini berapa banyakkah yang dikesan oleh pihak Imigresen, kes-kes permohonan pasport baru yang ditangguh disebabkan kehilangan dan apakah sebabnya punca-punca yang menyebabkan pasport itu hilang atau dihilangkan dan kebanyakannya berlaku di negara mana? Apakah langkah-langkah yang dapat diambil oleh pihak Imigresen untuk mengurangkan kes-kes begini?

Dato' Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, mengikut statistik yang ada pada saya, mereka yang melaporkan hilang pasport dan cuba memohon untuk mendapatkan gantian bagi tiga tahun yang lalu iaitu tahun 1996 sebanyak 6,063 permohonan; 1997 sebanyak 6,141 permohonan diterima; dan pada tahun yang lalu sebanyak 5,652 jumlah permohonan pasport yang dikatakan hilang. Yang benar-benar hilang, tidak datang untuk memohon kita tidak tahu.

Faktor yang selalunya kita dapat terima ialah seolah-olah mereka cuai, dia kata cicir, tidak tahu pasport letak di mana, pergi luar negeri pasport dia letak di tempat yang tidak selamat, kena curi dan sebagainya. Jadi, sebagai satu deterrent, dengan izin, kerajaan

menanggung pengeluaran pasport gantian supaya mereka tidak senang sangat hilangkan pasport kerana kita juga tahu ada di antara mereka itu sengaja hilangkan terutamanya di luar negeri kerana dia boleh jual pasport itu.

Dia jual untuk satu harga, balik dia lapor hilang, dia dapatkan pasport gantian tetapi pada satu masa kemudian pasport yang hilang itu terjumpa dengan sindiket melakukan sesuatu di tempat lain. Ini yang kita tidak hendak tengok. Berapa angka yang sebenarnya terlibat dalam kegiatan ini, tidak dapat kita pasti tetapi kita tahu ada kegiatan macam itu.

Tuan Lim Hock Seng: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Masalah sangat rumit dihadapi oleh pemohon-pemohon seperti ini, iaitu apabila mereka pergi ke sesuatu pejabat Imigresen, misalnya di Pulau Pinang, mereka diberitahu bahawa nama telah disenaraihitamkan dalam komputer dan dinasihatkan datang ke Kuala Lumpur iaitu ibu pejabat untuk membuat pertanyaan. Apabila mereka sampai di Kuala Lumpur, mereka diberitahu bahawa mereka tidak boleh buat dan mereka kena patah balik, berulang alik beberapa kali dan sampai mereka pun putus asa. Sebab itulah saya tanya, bahagian yang kedua, apa cara yang baik patut diambil oleh pemohon sedemikian untuk mendapatkan balik pasport ini? Saya berharap Yang Berhormat boleh memberi satu keterangan yang menyeluruh supaya orang-orang dari Pulau Pinang, Sabah atau Sarawak tidak perlu datang ke Kuala Lumpur untuk membuat pertanyaan atau untuk memohon.

Dato' Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, saya ada terangkan sedikit sebanyak dalam jawapan asal saya. Seseorang itu disenaraiyakkan atas permintaan agensi-agensi penguatkuasaan yang lain, antara lain, seperti mereka yang muflis ataupun mereka yang ada hutang hasil pendapatan ataupun ada lari cukai dan sebagainya. Agensi-agensi lain yang ada kes jenayah dan sebagainya ataupun ada masalah dari segi dia punya dokumen-dokumen yang lain. Mereka ini semua, pihak agensi telah pun minta Jabatan Imigresen disenaraiyakkan yang mereka ada masalah. Mereka sendiri lebih tahu apa masalahnya, mereka kena selesaikan masalah itu dengan agensi yang berkenaan.

Saya juga tahu, ada bekas atau penjenayah yang pernah melakukan kesalahan, mereka ingat sudah lama, 10 tahun. Katakan pengedar dadah, dia ingat dia sudah 10 tahun tidak ambil pasport jadi selepas 10 tahun dia pergi automatik dia dapat. Sebenarnya bukan begitu, orang itu kena pohon dan dari masa dia pohon, dia tidak dapat, kemudian Jabatan Imigresen rujuk kepada Jabatan Narkotik dan mengesahkan dia punya keadaan. Dan dari masa dia pohon sampai dia dapat, dia ambil satu masa yang lama dan bukan dia tidak pergi pohon. Jadi dia tunggu 10 tahun, dia ingat bila 10 tahun sudah cukup, lepas itu dia hendak pasport. Tidak boleh macam itu kerana 10 tahun itu adalah daripada masa sah dia tidak dibenarkan sampai dia dapat. So, kalau kehilangan yang biasa ataupun senarai syak yang kalau ada silap selalunya bukan kesilapan, kalau ada pun boleh dibetulkan dengan rayuan, mereka boleh buat rayuan kepada Kementerian Dalam Negeri sekiranya Jabatan Imigresen tidak dapat memuaskan pertanyaan mereka.

4. **Tuan Abdul Rahman bin Haji Sulaiman [Parit Buntar]** minta Menteri Kesihatan menjelaskan:-

- (a) takrif pengamal perubatan tradisional dan ubatan-ubatan tradisional; dan
- (b) sama ada bomoh, tukang urut, bidan-bidan kampung, makjun, air jampi dan tangkal termasuk dalam takrif tersebut.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan [Dato' M. Mahalingam]: Tuan Yang di-Pertua menjawab soalan:

- (a) Takrif pengamal perubatan tradisional mengikut Akta Perubatan tahun 1971 dari seksyen 34(1) adalah sebagai seorang yang mengamalkan sistem mengubati penyakit semata-mata mengikut perubatan Melayu, China, India dan lain-lain cara keaslian. Takrif ubat-ubatan tradisional merangkumi bahan-bahan tumbuhan atau binatang yang digunakan oleh seseorang pengamal sistem rawatan tradisional dan tidak termasuk dalam senarai ubat-ubat di bawah Akta Racun.
- (b) Bomoh, tukang urut, bidan-bidan kampung adalah termasuk dalam takrif pengamal perubatan tradisional manakala makjun, air jampi dan tangkal adalah termasuk dalam takrif ubat-ubatan tradisional.

Tuan Abdul Rahman bin Haji Sulaiman: Soalan tambahan, saya ingin tahu sama ada kementerian sedar atau tidak sesetengah daripada pengamal perubatan tradisional ini yang misalnya mengeluarkan air jampi-air jampi termasuk sebagai ubat tradisional? Setengah daripada mereka adalah lebih popular daripada pengamal perubatan moden. Saya dimaklumkan ada satu dua kes di Kuala Lumpur ini kalau hendak jumpa seseorang ini kita terpaksa kena ambil nombor macam di bank, ada mesin untuk ambil nombor, kalau datang pagi dalam pukul 9.00 pagi, pukul 12.00 tengah malam baru dapat jumpa. Begitulah ramainya orang nak jumpa pengamal ubat tradisional ini. Tetapi pada masa yang sama kita dapati banyak daripada pengamal-pengamal ini dia menjalankan penipuan, sudah banyak kes yang dibawa ke mahkamah, kita ada baca dalam surat khabar. Apakah langkah yang akan kementerian ambil untuk memastikan yang pengamal ubat-ubatan tradisional ini betul-betul mengamalkan perubatan tradisional ataupun dia mengamalkan benda-benda yang lain yang pernah kita temui dalam banyak-banyak kes yang telah dibawa ke mahkamah.

Dato' M. Mahalingam: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Kesihatan Malaysia telah mengadakan beberapa perjumpaan dengan persatuan pengamal perubatan tradisional Melayu, Cina dan India serta persatuan pengamal perubatan complimentary untuk memastikan standard-standard amalan dan standard-standard latihan bagi pengamal perubatan tradisional. Complimentary diwujudkan bagi menjamin keselamatan pengguna, tetapi kita tidak ada satu universiti mana kita boleh beri mereka satu training ke kita tidak ada. Ini orang yang kunjungi, orang mahu jaga macam ubat-ubat makjun, air jampi dan tangkal adalah tiga cara ubat yang digunakan oleh pengamal perubatan. Makjun diberi daripada bahan tumbuhan dan air jampi adalah air yang telah dibaca ayat-ayat Quran yang sering digunakan berhubung dengan factors spiritual. Masa kecil emak kita pun hantar pergi berjumpa orang ini juga, so ini yang jadi masalahnya. *[Ketawa]*.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan, adakah pihak kementerian bercadang untuk kita ada sikit kawalan, kerana kita lihat, Tuan Yang di-Pertua, kadang-kadang dia orang jual ubat-ubat tradisional ini di merata-rata tepi jalan. Adalah ubat macam tongkat ali untuk mengeraskan yang lembut. Saya khabar yang itu benda yang lembut boleh keras, Tuan Yang di-Pertua, makan tongkat ali dan sebagai, kemudian ada ubat-ubat yang kita sapu boleh baik pinggang dan sebagainya, tetapi kadang-kadang benda ini tidak sebenarnya mendatangkan kebaikan dan ia kadang-kadang mendatangkan kemudaratan kepada pengguna-pengguna tersebut. Jadi adakah pihak kementerian hendak memastikan bahawa setiap ubat-ubat tradisional yang hendak dikeluarkan dalam pasaran mesti mendapat kelulusan daripada pihak kementerian, tak kiralah apa jenis makjun pun. Kadang-kadang untuk orang perempuan itu, Tuan Yang

di-Pertua, makjund hendak bagi kulit kedut jadi cerah, Tuan Yang di-Pertua. Viagra bila kerajaan hendak pasarkan kerajaan buat kajian, supaya jangan orang makan viagra hak yang sakit jantung dia boleh collapse.

Jadi adakah pihak kementerian hendak buat yang ini, kerana banyak, Tuan Yang di-Pertua, bomoh kita ini kadang-kadang dia bubuh kepala rusa, kepala harimau sambil itu dia jual ubat dia, jadi orang akan terpengaruh, ini adalah satu lagi kempen publisiti yang tidak sihat dan ini akan memudaratkan pihak-pihak pengguna. Dan adakah pihak kementerian juga akan mendaftar semua bomoh hak yang dok menurun-menurun itu, bomoh-bomoh yang dok jampi itu. Soalannya adakah kerajaan hendak mendaftar bomoh-bomoh ini, termasuk bomoh-bomoh yang dok menurun nombor ekor, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih.

Dato' M. Mahalingam: Tuan Yang di-Pertua, semua ubat yang dipasarkan di Malaysia memang berdaftar dengan pihak berkuasa kawalan dadah. Kementerian Kesihatan menerima sebanyak 16,429 permohonan untuk mendaftarkan ubat-ubat tradisional, dari jumlah ini sebanyak 7,799 keluaran ubat-ubat tradisional Melayu, Cina, India, Barat dan homeopati telah berdaftar dengan pihak berkuasa kawalan dadah. Saya tidak tahu macam mana mahu mendaftarkan bomoh, siapa yang bomoh, siapa yang tidak bomoh, kita pun tidak tahu, kita tidak ada satu chart, kita mahu cari satu jalan macam mana kita mahu aturkan ataupun bagi mereka yang jadi bomoh, saya ingat tidak boleh sekarang dalam masalah ini.

5. **Tuan Chia Kwang Chye [Bukit Bendera]** minta Menteri Kewangan menyatakan setakat ini berapa firma industri kecil sederhana (SMI) menghadapi masalah kewangan dan memerlukan pinjaman dari tabung SMI. Berapa industri kecil sederhana (SMI) yang telah membuat permohonan dan jumlah nilai ringgitnya. Berapakah permohonan dan jumlah dalam nilai ringgit yang telah diluluskan.

Timbalan Menteri Kewangan [Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz]: Tuan Yang di-Pertua, sehingga 31.3.1999 sebanyak 1,372 permohonan yang bernilai RM1,230.3 juta telah diluluskan oleh institusi-institusi kewangan yang menyertai Skim Tabung Industri Kecil dan Sederhana ataupun TIKS. Kementerian Kewangan tidak mempunyai rekod mengenai firma industri kecil dan sederhana yang menghadapi masalah kewangan dan memerlukan pinjaman dari TIKS. Kerajaan juga telah menubuhkan Tabung Pemulihan Industri Kecil dan Sederhana ataupun TPIKS pada 23.11.1998 bagi membantu pengusaha-pengusaha IKS yang berdaya maju tetapi mempunyai masalah pinjaman tidak berbayar untuk mendapat pinjaman. Sehingga 31.3.1999 sebanyak 85 permohonan yang bernilai RM57.9 juta telah diluluskan di bawah skim TPIKS.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan, tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri ada menyatakan dana-dana dan jumlah dana-dana yang telah diusahakan oleh kerajaan dan ditubuhkan oleh kerajaan untuk membantu IKS. Saya hendak bertanya sedikit kerana baru-baru ini Menteri Kewangan I ada menzahirkan perasaan tidak puas hati kerajaan tentang amat rendahnya wang yang telah diturunkan atau telah diluluskan seperti contohnya tabung TPIKS, tabung yang dinyatakan oleh Datuk Timbalan Menteri tadi, daripada RM750 juta saya difahamkan hanya RM30 juta – RM40 juta sahaja yang telah digunakan. Adakah kerajaan akan mengkaji kembali seandainya tabung-tabung ini tidak dikeluarkan atau prestasi 'draw down'nya tidak baik adakah kerajaan akan kaji kembali cara hendak menyalurkan wang dana-dana ini. kerana cara sekarang ialah melalui bank. Kalau prestasi menyalurkan dana-dana ini tidak baik dan yang menunggu ramai yang mahukan bantuan tetapi tidak sampai, adakah kerajaan akan mengkaji kembali cara untuk menyalurkan kewangan ini selain

daripada menggunakan bank-bank, seperti menggunakan PNB, MARA dan badan-badan yang lain. Saya minta sedikit penjelasan Datuk Timbalan Menteri tentang perkara ini.

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, seperti mana yang kita semua sedia maklum bahawa di antara sebab mengapa pengeluaran ataupun kelulusan tabung TPIKS adalah lembab, di antara sebabnya ialah kerana kurang dapat maklumat di kalangan SMI-SMI tentang tabung yang telah disediakan ini. Oleh kerana itu, kita telah pun mengadakan promosi dana tabung yang disediakan oleh kerajaan bagi IKS dan Menteri sendiri telah pun mengarah kepada bank-bank supaya mereka menjalankan tanggungjawab mereka. Beliau pun telah menyatakan kalau sekiranya bank masih lagi lembab dalam memberikan pinjaman-pinjaman ini, maka kita akan mengambil satu tindakan yang tegas supaya perkara ini dapat kita atasi.

Tuan Chia Kwang Chye: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Apakah langkah-langkah yang akan diambil oleh kerajaan untuk mengubahkan anggapan orang ramai di mana firma-firma besar senang mendapat pinjaman yang berjuta-juta. Manakala, firma-firma kecil khasnya firma-firma IKS memang payah hendak mendapat pinjaman yang beribu-ribu.

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, seperti mana yang kita sedia maklum, pembiayaan minimum dalam tabung-tabung ini ialah RM50,000 bagi setiap pelanggan dan pembiayaan maksimum RM5 juta. Jadi, kalau Yang Berhormat dapat melihat daripada jawapan saya sebentar tadi, sebenarnya kelulusan telah dibuat berjumlah lebih yang diberikan kepada 1,372 permohonan bagi TIKS dan juga bagi TPIKS - 85 permohonan. Tidak mungkin daripada jumlah 1,000 lebih ini ianya merupakan firma-firma yang besar. Jadi, saya ingin menyatakan iaitu bahawa anggapan yang mengatakan bahawa yang mendapat pinjaman ini merupakan firma-firma yang besar, itu adalah tidak benar kerana seperti mana yang telah disebutkan sebentar tadi jumlah permohonan yang telah dilulus adalah melebihi 1,300 firma-firma.

Walau bagaimanapun, bagi mengatasi tanggapan ini, seperti mana yang telah saya sebutkan sebentar tadi, kita telah mengadakan promosi dana IKS dan sukacita saya menyatakan di sini, bahawa promosi ini telah pun berjaya kerana ia dapat menarik perhatian bilangan pelawat berjumlah 20,127 pelanggan. Ini bermakna bahawa pelanggan-pelanggan yang telah datang sudah tentulah merupakan mereka yang datang daripada firma-firma kecil dan saya kira menerusi promosi dana ini kita telah dapat mengatasi masalah tanggapan bahawa pinjaman di dalam dana ini hanya diberikan kepada firma-firma besar sahaja.

6. **Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang [Marang]** minta Menteri Pendidikan menyatakan:

- (a) berapakah jumlah pelajar-pelajar asing di Malaysia mengikut pecahan negara dan berapakah hasil yang diperolehi negara dengan kehadiran mereka tersebut; dan
- (b) berapakah jumlah pelajar-pelajar Malaysia di luar negara mengikut pecahannya dan berapakah kos yang terpaksa ditanggung oleh kerajaan.

Timbalan Menteri Pendidikan [Datuk Dr. Fong Chan Onn]: Tuan Yang di-Pertua:

- (a) Jumlah pelajar asing di institusi-institusi pendidikan tinggi awam dan swasta di negara ini ialah seramai 10,230 orang. Mereka berasal dari Indonesia, India, Korea, Singapura,

Thailand, Republik Rakyat China dan beberapa negara lain. Jumlah pendapatan negara dari segi pertukaran asing, hasil daripada kehadiran mereka dianggarkan sebanyak RM180 juta.

- (b) Jumlah pelajar tajaan di luar negara sehingga Disember 1998 ialah seramai 12,794 orang. Kos yang ditanggung untuk membiayai pelajar-pelajar tersebut ialah RM615.8 juta.

Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang: Tuan Yang di-Pertua, adakah benar jumlah pelajar yang di hantar ke luar negara dikurangkan kerana kemelesetan ekonomi.

Datuk Dr. Fong Chan Onn: Tuan Yang di-Pertua, memang terpaksa dikurangkan, sebelum kegawatan ekonomi, bilangan pelajar tajaan kerajaan yang dihantar ke luar negara ialah dalam lingkungan ribuan, empat ribu, lima ribu setahun. Tetapi selepas kegawatan ekonomi kerajaan terpaksa kurangkan dan sekarang kita hantar sebilangan kecil sahaja iaitu dalam lingkungan satu atau dua ratus orang untuk bidang pelajaran yang amat diperlukan seperti perubatan dan juga bioteknologi di mana tidak terdapat kursus tersebut di dalam negara.

Tuan Fu Ah Kiow: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apakah langkah kawal seliaan yang telah diambil oleh kerajaan untuk memastikan IPTS tidak mengiklan dengan kenyataan yang tidak tepat, palsu atau 'wrong presentation' dengan izin, dengan tujuan untuk menarik pelajar-pelajar asing sebab ia akan mencemarkan nama baik negara kita dan usaha kerajaan menjadikan Malaysia sebagai satu tempat kecemerlangan di dalam pendidikan dan berapa IPTS telah diambil di atas tindakan kesalahan tersebut. Sekian, terima kasih.

Datuk Dr. Fong Chan Onn: Tuan Yang di-Pertua, memang itu adalah satu perkara yang Kementerian Pendidikan beri perhatian. Kita selalu hubungi kolej-kolej swasta supaya segala perjanjian yang diberi dalam iklan bukan sahaja mengikut syarat yang ditentukan, tetapi juga akan ditunaikan. Baru-baru ini ada sedikit masalah yang telah ditimbulkan dan Kementerian Pendidikan telah menasihati kolej-kolej tersebut supaya kejadian itu tidak akan diulangi. Berkenaan dengan bilangan kolej-kolej swasta yang Kementerian Pendidikan telah ambil tindakan, saya tidak ada butir di dalam tangan saya namun demikian, saya akan memberi jawapan secara bertulis.

7. **Dato' Salamon bin Selamat [Shah Alam]** minta Menteri Pendidikan menyatakan setakat ini berapakah bilangan institusi pengajian tinggi swasta yang telah diberikan status mengeluarkan ijazah universiti dan sejauh manakah sambutan dari pelajar-pelajar luar negeri dari segi bilangan pelajar, jurusan pengajian yang mereka ambil dari negara asal mereka.

Datuk Dr. Fong Chan Onn: Tuan Yang di-Pertua, jumlah institusi pengajian tinggi swasta (IPTS) yang telah diberi kebenaran penganugerahan ijazah ialah 6 buah. Mereka ialah Universiti Telekom, Universiti Tenaga Nasional, Universiti Teknologi Petronas, Universiti Tun Abdul Razak, Universiti Perubatan Antarabangsa dan Universiti Monash Kampus Sunway Malaysia.

Jumlah pelajar warganegara asing di kolej-kolej atau institusi pengajian tinggi swasta ialah seramai 6,273. Mereka berasal dari India, Indonesia, Korea, Singapura, Thailand, Republik Rakyat China dan beberapa negara lain. Antara kursus yang diikuti oleh mereka ialah kejuruteraan, teknologi maklumat, pengurusan dan perubatan.

Dato' Salamon bin Selamat: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Sejauh manakah sumbangan pelajar-pelajar luar negeri kepada pembangunan IPTS dan apakah faktor-faktor utama yang menarik mereka datang belajar di Malaysia?

Datuk Dr. Fong Chan Onn: Tuan Yang di-Pertua, pelajar-pelajar asing apabila mereka mengikuti kursus di kolej-kolej swasta, bilangan pelajar di kolej-kolej swasta bertambah dan dengan itu membolehkan beberapa kursus boleh dijalankan. Ertinya mereka telah menjadikan beberapa kursus yang mempunyai critical match supaya boleh diperkenalkan dan ini memang memanfaatkan pelajar-pelajar tempatan. Dari segi manfaat kepada negara memanglah kita dapat dari hasil pertukaran wang asing memasuki negara dan soalan kedua itu, apa

Dato' Salamon bin Selamat: Apakah faktor-faktor utama yang menarik perhatian mereka untuk memasuki IPTS ini?

Datuk Dr. Fong Chan Onn: Oh, terima kasih. Oleh kerana ini adalah keadaan di Malaysia kerana di negara kita, kita mempunyai satu suasana di mana bahasa Inggeris dan pelbagai bahasa termasuk Bahasa Malaysia, Mandarin, bahasa Tamil dan sebagainya digunakan dan pelajar-pelajar dari negara-negara jiran seperti Singapura, China, India, apabila mereka enroll ke dalam kursus di kolej-kolej swasta, mereka dapat makanan yang mereka biasa, mereka ada pengalaman apabila mereka keluar membeli barang juga bukan satu masalah dan sebagainya, dengan izin, living conditions, di negara kita membolehkan dan menyeronokkan mereka.

Kolej-kolej swasta juga mempunyai pengalaman bekerjasama dengan universiti-universiti kenamaan luar negara seperti University College of London, Noringham dan sebagainya dan kita boleh mendakwa, dengan izin, value of money untuk pelajar-pelajar tersebut.

Dr. Tan Seng Glaw: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat terangkan apakah kriteria yang digunakan untuk meluluskan enam buah universiti IPTS ini dan apakah bilangan permohonan untuk status universiti sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, adakah Yang Berhormat tahu bahawa pemohon-pemohon dari luar negara kita untuk menjadi pelajar di Malaysia ini masih mengalami kesusahan untuk mendapatkan visa dan sebagainya, kalau sedar apakah tindakan yang akan diambil kerana kita pun suka orang lain datang ke negara ini untuk menjadikan negara ini pusat kecemerlangan pendidikan di rantau ini.

Datuk Dr. Fong Chan Onn: Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Kepong sudah bertanya tiga soalan ini, lebih dari bilangan yang kita sudah tentukan ya. *[Ketawa]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Tetapi tidak apalah Yang Berhormat, cuba padatkan.

Datuk Dr. Fong Chan Onn: Kriteria yang kita gunakan untuk meluluskan permohonan ialah mengikut kelayakan si pemohon dan juga mengikut kursus yang ditawarkan, kelayakan pensyarah, pengalaman penganjur dan sebagainya. Dan keenam-enam buah itu memenuhi syarat-syarat yang kita tentukan, mereka tawarkan kursus yang diperlukan dan sebagainya.

Tentang bilangan yang telah membuat permohonan sebenarnya untuk mewujudkan cawangan universiti luar negara, mereka mengikut syarat-syarat yang ditentukan, mereka tidak payah membuat permohonan, selepas perbincangan, Kementerian Pendidikan menawarkan kepada mereka, dengan izin, invitation letter to set up branch

campus, dan dengan tawaran itu mereka boleh melaksanakan kajian dan sekiranya mereka hendak memenuhi syarat-syarat yang kita tentukan, kita akan mengeluarkan lesen.

Berkenaan dengan masalah yang dihadapi oleh pelajar-pelajar dari negara asing dari segi visa dan sebagainya, sebenarnya Kerajaan Malaysia telah memberi kelonggaran iaitu negara-negara asing dengan surat tawaran dari kolej-kolej swasta di Malaysia yang sudah ditentukan, dengan surat itu, pihak Imigresen akan isu visa kepada pelajar-pelajar tersebut apabila mereka sampai ke Kuala Lumpur. Namun demikian ada beberapa negara yang lain, yang tidak izin pelajar-pelajar itu lepas dari negara mereka tanpa dengan visa dan Kementerian Pendidikan akan membawa isu-isu tersebut melalui Wisma Putra dan sebagai supaya masalah ini dapat diselesaikan dan akhirnya kita boleh menambah bilangan pelajar yang boleh memasuki kursus di kolej swasta.

8. Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi (Bagan Datok) minta Menteri Pertanian menyatakan berapakah jumlah dana dalam Tabung Makanan Negara yang telah digunakan sehingga kini oleh peminjam bumiputera dan bukan bumiputera dan apakah langkah-langkah jangka panjang untuk menambahkan peruntukan dana berkenaan.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian [Dato' Abu Bakar bin Taib]: Tuan Yang di-Pertua, sehingga akhir Januari 1999, sejumlah RM108.7 juta telah diluluskan kepada peminjam bumiputera dan RM387.8 juta kepada peminjam bukan bumiputera di bawah Tabung Untuk Makanan.

Kerajaan akan menimbang untuk menambah peruntukan dana tersebut apabila ianya hampir habis digunakan dan setelah mengambil kira situasi penawaran dan permintaan serta harga makanan dalam negara. Terima kasih.

Tuan Md. Isa bin Sabu: Tuan Yang di-Pertua, dari segi penggunaan Tabung Untuk Makanan negara ini, apakah pendekatan yang diamalkan oleh Kementerian Pertanian, adakah dana ini boleh digunakan untuk mengimport bahan-bahan makanan ataupun untuk mengeluarkan hasil-hasil makanan dalam negara, memandangkan sekarang kita mengimport kelapa dan terpaksa juga mengimport ayam dan kita dapati apakah jenis makanan yang boleh diusahakan dan kalau kita dapati sekarang permintaan untuk ayam terlalu tinggi bertambah-tambah lagi orang Cina sekali pun sekarang ini telah berubah daripada suka kepada bak ku teh kepada cek ku teh. Terima kasih.

Dato' Abu Bakar bin Taib: Tuan Yang di-Pertua, Tabung Untuk Makanan diberi adalah untuk mengeluarkan makanan dalam negara. Kita juga ada peruntukan untuk memberi pinjaman untuk mengimport dari luar negara. Dalam hal ini, kita hanya memperuntukkan makanan dalam negara. Terima kasih.

Tuan Yunus bin Rahmat: Tuan Yang di-Pertua, tadi telah dinyatakan jumlah dana yang disediakan. Jadi saya ingin tahu apakah pecahan mengikut sektor bagi bantuan dan penyediaan dana ini dan juga saya ingin tahu berapakah yang diperuntukkan ke Negeri Sembilan dan yang telah dibelanjakan. Terima kasih.

Dato' Abu Bakar bin Taib: Tuan Yang di-Pertua, saya jawab soalan kedua dahulu. Peruntukan bagi Negeri Sembilan pinjaman yang telah diluluskan ialah 128 berjumlah RM46.4 juta, itu jawapan bagi soalan yang kedua.

Bagi soalan yang pertama, mengikut sektor pinjaman yang telah diluluskan di bawah Tabung Untuk Makanan mengikut sektor sehingga 31 Januari 1999 adalah seperti berikut:

Sektor	RM (Juta)
Penternakan	254.5
Penanaman Sayur-sayuran dan Buah-buahan	109.0
Perikanan	39.0
Pemprosesan makanan	43.0
Pemasaran dan Pengedaran	9.0

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Yang Berhormat Tuan Yunof Edward Maringking.

Tuan Yunof Edward Maringking: Tuan Yang di-Pertua, soalan nombor 9 tetapi sebelum itu saya mohon izin membuat sedikit pembetulan iaitu di SMK Pekan Nabalu bukan SK. Terima kasih.

9. **Tuan Yunof Edward Maringking (Tuaran)** minta Menteri Pendidikan menyatakan berapa buah sekolah yang telah dicadangkan untuk dilaksanakan pembinaan di Sabah sepanjang Rancangan Malaysia Ketujuh yang telah siap setakat ini dan mengapakah kementerian belum membina Sekolah Menengah di Kampung Tajau di Sulaman dan SMK Pekan Nabalu di Kiulu sedangkan keperluannya amat mendesak.

Datuk Dr. Fong Chan Onn: Tuan Yang di-Pertua, dalam Rancangan Malaysia Ketujuh sejumlah 33 projek sekolah baru telah diluluskan pembinaan di seluruh negeri Sabah. Dari jumlah tersebut 15 projek sekolah adalah dalam pembinaan manakala 18 projek lagi akan dimulakan pembinaannya selewat-lewatnya pada bulan Julai 1999. Mengenai projek SMK Tajau, Tuaran, pembinaannya dijadualkan pada bulan Jun 1999.

Pihak kementerian sedang merancang untuk menyenaraikan projek-projek SMK di Sulaman dan SMK Pekan Nabalu di Kiulu dalam Rancangan Malaysia Kelapan.

Tuan Yunof Edward Maringking: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih, soalan tambahan. SMK Tajau telah pun diberi peruntukan sejak Rancangan Malaysia Keenam dan tapak pembinaan juga telah disediakan sejak Rancangan Malaysia Keenam dan demikian juga SMK Pekan Nabalu.

Tuan Yang di-Pertua, jadi, persoalannya ialah apakah yang menyebabkan kedua-dua sekolah ini tidak dapat dilaksanakan dalam Rancangan Malaysia Keenam ataupun selewat-lewatnya Rancangan Malaysia Ketujuh. Terima kasih.

Datuk Dr. Fong Chan Onn: Tuan Yang di-Pertua, memang ada banyak masalah. Masalah utama ialah Kementerian Pendidikan menghadapi kekurangan peruntukan akibat kegawatan ekonomi, namun demikian, kita sudah senaraikan dan kita akan cuba senaraikan dalam Rancangan Malaysia Kelapan.

Selain dari itu juga, dahulunya kita menghadapi masalah tentang pelaksanaan kerana dalam projek ini memang kita menghadapi masalah kontraktor dan sebagainya. Kementerian Pendidikan akan berusaha sedaya upaya untuk mengatasi semua masalah itu dan sekarang Barisan Nasional sudah menang, memang kita akan terus berusaha lebih kuat supaya PBS dalam masa yang akan datang tidak akan ada chance lagi.

Tuan Yunus bin Rahmat: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Kalau masalah kontraktor berlaku di Sabah, masalah kontraktor juga mungkin berlaku di Semenanjung dalam usaha untuk membangunkan projek-projek berkaitan dengan sekolah.

Saya ingin tahu apakah tindakan yang telah dibuat kepada kontraktor-kontraktor yang gagal menyiapkan bangunan-bangunan ini yang telah melampaui tempoh yang diberikan dan setakat hari ini berapakah jumlah kontraktor yang gagal melaksanakan projek dan tindakan kepada mereka yang berkenaan. Terima kasih.

Datuk Dr. Fong Chan Onn: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan berbanyak terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Jelevu. Memang Kementerian Pendidikan dalam misi kita melaksanakan projek-projek pembinaan sekolah-sekolah baru dan sebagainya, selalu menghadapi masalah kontraktor dan sungguhpun dalam perjanjian, Kementerian Pendidikan boleh mengambil sesuatu tindakan seperti mengenakan bayaran penalti dan sebagainya tetapi akibatnya ialah pelajar-pelajar kita yang menjadi mangsa kerana kita tunggu sekolah, sekolah tidak siap dan kejadian seperti inilah yang menyebabkan Kementerian Pendidikan merasa susah hati kerana kita sudah janji sekolah itu akan disiapkan tetapi belum siap dan pelajar-pelajar kita tidak dapat memasuki sekolah itu dan Kementerian Pendidikan akan terus berusaha supaya masalah ini dapat diatasi.

Tentang bilangan kontraktor yang gagal dalam pelaksanaan projek, saya tidak ada butir-butir lengkap dalam tangan, namun demikian saya akan memberikan butir-butirnya kepada Ahli Yang Berhormat sebagai jawapan bertulis.

[Soalan No. 10 – Y.B. Tuan Tiong Thai King (Lanang) tidak hadir]

10. Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis (Rompin) minta Menteri Pembangunan Usahawan menyatakan tentang prestasi penggunaan tabung-tabung kewangan untuk membantu IKS. Sila nyatakan penggunaan tabung-tabung ini dan apakah kedudukan tentang penyertaan bumiputera IKS.

Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan [Dato' Idris bin Jusoh]: Tuan Yang di-Pertua, pada masa kini terdapat 41 buah tabung yang ditubuhkan oleh kerajaan bagi membantu membangunkan usahawan.

Walau bagaimanapun, sebanyak lima tabung diwujudkan khas untuk membangun industri kecil dan sederhana (IKS). Tabung-tabung yang dimaksudkan ialah Tabung Industri Kecil dan Sederhana (TIKS), Tabung Pemulihan Industri Kecil dan Sederhana (TPIKS), Tabung Industri Bumiputera (TIB), Tabung Usahawan Baru (TUB) dan Tabung Untuk Makanan (TUM).

Kesemua Bank Pembangunan terlibat dalam menyalurkan pinjaman bagi skim-skim yang dinyatakan di atas bersama-sama dengan Bank Islam Malaysia, Bank Industri Malaysia, Bank Pembangunan dan Infrastruktur Malaysia Berhad dan Malaysian Industrial Development Finance Berhad serta beberapa syarikat kewangan. Sambutan terhadap kemudahan pinjaman melalui tabung-tabung yang dinyatakan adalah amat menggalakkan.

Ini dapat dilihat daripada jumlah permohonan yang diterima bagi setiap skim. Sebagai contoh, Tabung Industri Bumiputera (TIB) yang mempunyai peruntukan sebanyak RM100 juta, kini telah digunakan hampir sepenuhnya, sementara lebih 88% daripada jumlah peruntukan Tabung Usahawan Baru (TUB) telah diluluskan kepada usahawan bumiputera.

Prestasi lima tabung sehingga 31 Mac 1999 adalah seperti berikut:-

- (i) Tabung Industri Kecil dan Sederhana (TIKS) yang mempunyai tabungan sebanyak RM1.5 bilion, jumlah amaun yang telah diluluskan ialah RM1.23 bilion.
- (ii) Untuk Tabung Pemulihan IKS (TPIKS) yang telah dijawab tadi oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan yang mempunyai jumlah tabungan sebanyak RM750 juta, sehingga kini hanya RM58 juta sahaja yang telah digunakan, ini adalah kerana ia hanya baru dilancarkan pada akhir tahun lalu.
- (iii) Untuk Tabung Industri Bumiputera daripada jumlah tabungan RM100 juta hampir kesemuanya telah digunakan.
- (iv) Untuk Tabung Usahawan Baru dengan jumlah tabungan RM1.25 bilion sebanyak RM1.103 bilion telah digunakan.
- (v) Untuk Tabung Untuk Makanan dengan peruntukan sebanyak RM700 juta sebanyak RM534 juta telah diluluskan.

Penyertaan IKS bumiputera dalam tabung-tabung yang disediakan selain daripada tabung-tabung yang memang diwujudkan untuk bumiputera adalah kurang memuaskan. Bagi tabung-tabung lain, hanya bagi Tabung Pemulihan IKS, penyertaan bumiputera adalah sangat menggalakkan di mana 71% daripada amaun pinjaman yang diluluskan adalah kepada usahawan bumiputera.

Perkara ini berlaku kerana usahawan bumiputera telah memberi tumpuan pinjaman kepada tabung-tabung yang dikhaskan untuk usahawan bumiputera sahaja.

Berhubung dengan soal halangan yang telah dikenal pasti menjadi punca kelembapan pembangunan IKS, Kementerian Pembangunan Usahawan berpendapat, faktor utama yang menyumbang kepada masalah ini ialah faktor kegawatan ekonomi yang melanda negara ini sejak bulan Julai 1997. Ini terbukti benar dari hasil kajian yang dijalankan oleh kementerian ini bersama dengan Universiti Malaya pada tahun 1998.

Hasil kajian menunjukkan sektor pembuatan yang melibatkan IKS telah mengalami masalah penurunan dalam pengeluaran, kenaikan kos pengeluaran, penurunan volume jualan dan margin keuntungan, masalah pemasaran kerana kurangnya tempahan dan permintaan produk, masalah pembayaran balik pinjaman dan masalah kesukaran mendapat pinjaman baru dan kesulitan ekoran kenaikan kadar faedah terutama di peringkat permulaan krisis ekonomi dahulu.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, masa suntuk.

Dato' Idris bin Jusoh: Bagi menangani masalah ini, Kementerian Pembangunan Usahawan sedang mengadakan langkah-langkah tertentu untuk memastikan agar tabung-tabung ini akan dapat digunakan dengan sepenuhnya. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Masa untuk soal jawab telah pun suntuk.

[Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Lisan telah cukup dan jawapan bagi Pertanyaan No. 10 dan 12 hingga 34 akan dijilid dalam buku berasingan]

RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT**RANG UNDANG-UNDANG KASTAM (PINDAAN) 1999****Bacaan Kali Yang Pertama**

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Kastam 1967, dibawa ke dalam mesyuarat oleh Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan; dibacakan kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada mesyuarat kali ini.

RANG UNDANG-UNDANG CUKAI JUALAN (PINDAAN) 1999**Bacaan Kali Yang Pertama**

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Cukai Jualan 1972, dibawa ke dalam mesyuarat oleh Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan; dibacakan kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada mesyuarat kali ini.

RANG UNDANG-UNDANG CUKAI PENDAPATAN (PINDAAN) 1999**Bacaan Kali Yang Pertama**

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Cukai Pendapatan 1967, dibawa ke dalam mesyuarat oleh Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan; dibacakan kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada mesyuarat kali ini.

RANG UNDANG-UNDANG EKSAIS (PINDAAN) 1999**Bacaan Kali Yang Pertama**

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Eksais 1976, dibawa ke dalam mesyuarat oleh Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan; dibacakan kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada mesyuarat kali ini.

RANG UNDANG-UNDANG CUKAI PERKHIDMATAN (PINDAAN) 1999**Bacaan Kali Yang Pertama**

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Cukai Perkhidmatan 1975, dibawa ke dalam mesyuarat oleh Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan; dibacakan kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada mesyuarat kali ini.

USUL

UCAPAN TERIMA KASIH KEPADA SERI PADUKA

BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah:

Bahawa satu Ucapan yang tidak seperti dipersembahkan kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, demikian bunyinya:

“Ampun Tuanku,

Patik, Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Rakyat Malaysia di dalam Persidangan Parlimen, memohon ampun mempersembahkan suatu ucapan yang ikhlas daripada Majlis Dewan Rakyat mengucapkan berbilang-banyak syukur dan Terima Kasih kerana Titah Ucapan Tuanku semasa membuka Penggal Kelima Parlimen Yang Kesembilan. (13 April 1999)

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Yang Berhormat dari Batu Gajah diminta sambung.

11.10 pagi.

Tuan Yeong Chee Wah [Batu Gajah]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, kerana memberi peluang kepada saya untuk menyambung perbahasan Usul Menjunjung Kasih Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.

Tuan Yang di-Pertua, kemalangan keruntuhan kondominium kian berlaku sejak tahun 1996. Ramai nyawa yang berharga terkorban dalam kemalangan-kemalangan tersebut akibat pembinaan-pembinaan kondominium yang tidak mematuhi taraf atau garis panduan yang sepatutnya.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin beritahu adakah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan mengambil tindakan dan mengarah supaya town planner Pegawai Perancangan Desa dan Bandar mematuhi arahan dan menitikberatkan garis panduan untuk mengelakkan hal-hal berlaku seperti hakisan tanah dan hakisan tebing sungai, tanah runtuh dan sebagainya demi menjamin keselamatan orang ramai terhadap benda benda orang awam.

Tuan Yang di-Pertua, pada masa kini masih terdapat skim-skim perumahan yang mendapat kelulusan pihak berkuasa tempatan membina jalan ‘cut de set, dengan izin, maksudnya jalan mati. Kenderaan-kenderaan tidak dapat merentasi, melalui cara tersebut, terpaksa pusing balik. Kejadian tersebut telah menghalang lori-lori mengutip sampah-sarap memasuki jalan itu. Perkara tersebut telah menyebabkan sampah-sarap perumahan tersebut tidak dikutip oleh pihak berkuasa tempatan.

Tuan Yang di-Pertua, di samping itu di kawasan saya juga terdapat rumah-rumah yang dibina di tepi sungai oleh kerana air sungai itu cetek pada musim kemarau, pihak pemaju menganggap sungai tersebut sebagai sebatang longkang besar ataupun monsoon drain, dengan izin. Tetapi apabila musim hujan ataupun hujan lebat longkang tersebut atau monsoon drain itu terjadi sungai yang alirannya yang terlalu kuat dan hebat, akibatnya rumah-rumah berhampiran mengalami banjir dan menyebabkan kesusahan dan kerugian kepada penduduk-penduduk di situ. Oleh demikian, orang awam mendakwa bagaimana plan pembinaan itu boleh diluluskan.

Tuan Yang di-Pertua, apabila saya bertanya kepada pegawai yang berkenaan tentang masalah-masalah yang saya sebutkan tadi, beliau berkata bahawa skim-skim perumahan tersebut telah diluluskan beberapa tahun yang lalu.

Tuan Yang di-Pertua, pegawai tersebut memberitahu kepada saya bahawa tidak ada rang undang-undang atau peraturan-peraturan yang boleh mengawal untuk mengarah pihak pemaju menukar plan-plan yang sudah lama diluluskan tetapi kerja pembinaannya hanya bermula pada masa sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, pada pendapat saya apa salahnya mengubah peraturan-peraturan yang usang yang telah tidak sesuai dilaksanakan ataupun membentangkan rang undang-undang perancangan perumahan yang baru di Dewan yang mulia ini demi menjaga kepentingan dan juga keselamatan orang ramai.

Tuan Yang di-Pertua, saya amat bersetuju dengan konsep "bina dan jual" (Build and Sell), dengan izin. Konsep ini akan menjamin pihak pemaju berusaha dengan berkualiti tidak teragak-agak. Konsep ini pun juga menjamin pihak pembeli boleh memeriksa rumah terpilih kemudian membayar deposit.

Tuan Yang di-Pertua, saya difahamkan bahawa mengikut konsep "bina dan jual" maka pihak pemaju terpaksa mengeluarkan kapital terlebih dahulu dan mungkin cara tersebut akan menyebabkan kelewatan bilangan rumah yang akan dibina. Tetapi, Tuan Yang di-Pertua, kita mengesyorkan kuantiti rumah semestinya juga menjamin kualiti rumah yang dibina.

Tuan Yang di-Pertua, saya berharap perkara-perkara yang saya sebutkan di atas akan mendapat prihatin kementerian-kementerian berkenaan demi menjaga kepentingan orang awam khasnya rakyat yang berpendapatan rendah.

Tuan Yang di-Pertua, maafkan saya memberi teguran-teguran dan kritikan-kritikan yang begitu keras dan hebat oleh kerana saya mencintai negara kita. Saya menyokong penuh Kerajaan Barisan Nasional tetapi kemungkinan kesalahan atau kesilapan setengah-setengah pengendalian atau pengurusan pihak-pihak tertentu akan menjejaskan imej dan reputasi Kerajaan Barisan Nasional. Saya berharap kita sepatutnya mengamalkan sikap belajar dari kesilapan (learn from mistake), dengan izin. Maka saya percaya negara kita akan lebih kukuh dan kuat, semoga kita bersama-sama boleh menikmati kehidupan yang selesa, aman dan sentosa.

Tuan Yang di-Pertua, di sini saya juga ingin memuji Kerajaan Pusat yang begitu cepat dan semputna mengendalikan masalah wabak virus Japanese Encephalitis (JE), dengan izin. Pemimpin-pemimpin kerajaan bukan sahaja mengambil berat tentang nyawa mangsa-mangsa virus JE tetapi sedaya upaya mengawal wabak virus tersebut. Saya juga ingin mengambil kesempatan ini memuji dan berterima kasih kepada semua lapisan yang melibatkan diri dalam membantu menyelamatkan nyawa-nyawa mangsa, memberi derma-derma membantu mangsa-mangsa JE.

Saya juga ingin memberi penghormatan kepada pasukan tentera, polis, bomba, pegawai perubatan dan juga orang awam secara berani pergi ke tempat-tempat kejadian memusnahkan babi-babi yang menyebarkan virus JE dan Hendra-like virus bersama-sama berganding bahu dengan kerajaan terhadap masalah virus JE itu. Kejadian itu telah membuktikan bahawa rakyat jelata negara kita sentiasa mengamalkan sikap penyayang dan sikap berkasihan (a caring and sharing society), dengan izin. Saya berdoa masalah wabak JE itu akan dihapuskan dengan secepat mungkin dan ekonomi negara kita akan cepat dipulih. Saya yakin pelancong-pelancong negara asing akan kembali melancong di negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, dengan kata-kata sedemikian, saya mohon menyokong. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Batang Lupar.

11.18 pagi

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Batang Lupar]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, kerana memberi peluang saya untuk bercakap membahaskan Usul Terima Kasih kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan saya ingin menyentuh perkara yang sama seperti apa yang telah disebutkan dalam perbahasan saya semasa membahaskan Kertas Putih dulu.

Sebelum saya menyentuh perkara tersebut, saya ingin juga menyentuh apa yang berlaku disebut oleh Pengerusi PAS berhubung dengan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri. Saya berasa kesal dan tidak menerima hakikat percakapan yang sedemikian tidak ditujukan dan berhasrat untuk mendatangkan satu perkataan yang buruk kepada Timbalan Perdana Menteri dan disebut dengan keadaan yang tidak bersesuaian daripada seorang yang berilmu sebagai Pengerusi PAS. Jadi pada hari ini pun kita melihat juga iaitu Menteri Besar Kelantan pun ikut bersetuju dengan apa yang disebut oleh Datuk Fadzil Noor dalam keluaran surat khabar yang baru lalu. Jadi ini kita berasa sedih kerana sebagai seorang Islam tidak menilai apakah tindakan-tindakan kerajaan, tidak menilai apakah perbuatan itu baik ataupun buruk.

Adakah ini menunjukkan kalau pihak PAS menerajui negara, mereka bertanya dahulu sama ada orang ini Islam ataupun bukan Islam sebelum mengambil tindakan. Kalau ada orang sakit umpamanya, sama ada bertanya dulu kalau dia orang Islam baru ambil tindakan, kalau bukan Islam jangan mengambil tindakan kerana persoalan penyakit JE ini adalah satu penyakit yang tidak mengira sama ada agama ataupun bangsa. JE mengena kepada siapa sahaja yang boleh dia kena. Jadi, pihak kerajaan mengambil tindakan sama ada Islam ataupun bukan Islam untuk mencari jalan untuk mencegah wabak ini daripada berlaku adalah tindakan yang amat wajar dan sepatutnya dibuat.

Jadi, sindiran dan percakapan yang buruk dikeluarkan itu adalah tidak wajar, buruk, dengan niat jahat yang sepatutnya tidak dikeluarkan oleh mulut orang yang mengatakan diri mereka orang Islam dan Islamic.

Tuan Yang di-Pertua, saya menumpu perhatian saya kepada soalan ekonomi dan pendidikan. Soalan ekonomi ini pada pagi tadi kita telah juga mendengar jawapan daripada Timbalan Menteri Kewangan sendiri dan persoalan yang dibangkit di dalam Dewan ini ialah masalah mendapat pinjaman daripada SMI yang dikeluarkan oleh pihak bank-bank di negara kita. Saya juga ingin sentuhkan selepas ini kerana dalam perbahasan saya berhubung dengan kepelbagaian industri yang saya sebutkan kerana pada masa sekarang industri kita tertumpu kepada dua, tiga perkara sahaja. Industri ini ada yang penting dan ada juga yang tidak berapa penting daripada keperluannya. Tidak penting dari segi keperluan umpamanya industri elektronik. Semua negara di dunia sekarang ingin mengeluarkan elektronik dan elektronik ini, dengan izin, we can do without, umpamanya VCD, televisyen dan sebagainya. Jadi, kalau pasaran Amerika Syarikat itu tertutup ataupun masalah harga berlaku – kalau China dibuka kepada pasaran Amerika Syarikat, dengan sendirinya kita juga tertekan kerana masalah harga dan pasaran kita akan tersekat.

Jadi, saya mencadangkan supaya kita mencari pasaran baru di seluruh dunia – membuka pasaran baru dan sebelum kita membuka pasaran baru itu, walaupun benda elektronik tetapi kita melihat kemampuan dan kebolehan negara-negara yang kita cuba

bukakan pasaran, umpamanya di Afrika, CIS country di Central Asia dan negara-negara ASEAN itu sendiri dan juga South America. Para industrialist kita ataupun pengusaha kita mestilah gigih. Jangan berlandas dengan kerajaan sahaja ataupun berharap dengan kerajaan sahaja mencari pasaran ini. Mereka sendiri mestilah berusaha dengan gigih lagi mencari pasaran untuk barangan pembuatan mereka.

Yang kedua saya sebut ialah untuk mencari supaya menjadi kompetitif. Ini juga penting untuk masa hadapan. Pada masa sekarang kita telah melihat di Indo-China dan China umpamanya, cost of labour, dengan izin, adalah lebih murah. Dengan sendirinya kalau negara macam Kambodia, Vietnam dan sebagainya telah mengorak langkah untuk terlibat dengan industri-industri yang kita buat sekarang, nescaya mereka boleh menjualkan barang-barang mereka dengan harga yang lebih murah daripada kita oleh kerana cost of labour mereka lebih murah. Begitu juga kalau Indonesia yang sekarang ini, walaupun di dalam keadaan yang tidak menentu tetapi apabila mereka telah mendapat satu jalan mengatasi masalah politik di negara mereka, insya-Allah, mereka juga akan menjadi very competitive dengan keadaan cost of labour mereka amat rendah. Maknanya penjualan barang-barang mereka juga akan murah. Ini menjadikan mereka lebih kompetitif di luar negara. Jadi dengan keadaan yang sedemikian, kita mesti mencari jalan macam mana kita boleh mengatasi masalah competitiveness barang-barang kita di luar negara.

Tuan Yang di-Pertua, persoalannya kita mesti melihat sejarah. Sejarah dunia semenjak tahun 1925 sampai ke tahun 1960-an, daripada tahun 1960 hingga tahun 90-an, barangan asas digunakan jarang berubah. Apa yang saya katakan jarang berubah ialah umpamanya rumah yang dibina di negara-negara maju pada tahun 1925 masih menjadi rumah kesayangan kepada orang di negara-negara tersebut macam di England, Eropah, Amerika Syarikat dan sebagainya dan rumah ini masih sesuai, baik dan boleh digunakan pada masa sekarang. Begitu juga umpamanya, kereta. Kereta-kereta yang kita dapati sekarang walaupun ada kecanggihannya tetapi enjinnya, badannya dan sebagainya masih diguna oleh kita pada masa sekarang. Begitu juga kereta api dan kapal terbang yang digunakan pada tahun 50-an dan 60-an masih digunakan pada masa sekarang.

Jadi, dari segi prinsip ataupun principal invention, ini tidak banyak berubah untuk kegunaan ramai. Jadi, dalam keadaan yang sedemikian, apa yang berlaku kepada benda-benda ini ialah dari segi 'efficiency'nya, dari segi mutunya, liabilitynya, dengan izin, dan dari segi ketahanannya. Jadi, apa yang saya sebutkan di sini ialah supaya kita melihat benda-benda yang ada di negara kita sendiri. Kereta yang ada kita buat sekarang, kereta api yang kita gunakan sekarang, kapal terbang, helikopter atau civil aviation industri yang kita sendiri hendak ceburi sekarang adalah benda yang kita warisi daripada tahun 50-an dahulu lagi tetapi 'combustion engine', dengan izin, belum lagi berubah keadaannya.

Dalam keadaan sedemikian, kita hanya perlu mencari macam mana untuk memperbaiki mutu enjin-enjin ini, benda-benda ini dan barang dagangan kita ini daripada barangan (durable items) terutama sekali peti ais, televisyen dan sebagainya – semua itu adalah benda-benda durables sementara di rumah tetapi hanya kecanggihan mutu dan kualiti sahaja berubah. Jadi, sepatutnya industri kita melihat macam mana boleh mengeluarkan item-item yang sudah ada wujud di negara kita ini dengan murah dan mempunyai kualiti dan mutu yang baik dan tahan lama. Oleh kerana pada suatu ketika nanti item-item ini kalau tidak baik, umpamanya, kita akan buang ke dalam tong sampah tetapi pada masa yang akan datang, environment adalah satu masalah yang besar. Jadi, bermakna pembuangan barang ini adalah terhad. Dengan sendirinya apabila hendak beli satu-satu barang orang akan mencari benda-benda yang berkualiti, benda-benda yang tahan lama. Jadi, untuk mencari benda-benda yang tahan lama ini dia akan cari jenama-jenama yang tahan lama. Kalau kita boleh mengatasi masalah kualiti, tahan lama, lasak dan

kecanggihannya sama seperti yang ada kepada manusia itu sekarang, nescaya barang-barang yang kita jual dan dagang itu akan dapat juga memecah ataupun masuk ke pasaran yang mungkin susah dimasuki.

Begitu juga soal rumah yang saya sebutkan tadi. Kalau kita lihat rumah-rumah di tahun 1920-an hingga tahun 50-an sekarang masih digunakan. Tidak ada perubahan sangat kepada nature rumah ini dan sebagainya. Pada masa yang akan datang yang mana rakyat kita semakin kaya, berkemampuan dan sebagainya, mungkin faedah bank pun akan menurun. Timbalan Menteri akan memberitahu faedah bank mungkin akan menurun. Apabila ini berlaku orang akan berkemampuan membeli rumah dan sebagainya. Orang mungkin lebih peka dengan keselesaan dan kebaikan mutu rumah. Jadi, dengan itu kita mesti mencari teknologi dan pihak kerajaan dan jabatan-jabatan kerajaan mesti bersifat lebih peka dengan keadaan pertukaran ini. Kadang-kadang orang kita apabila ada satu garis panduan yang telah ditetapkan oleh pihak kerajaan ataupun jabatan, secara teknikal apabila teknologi baru dikeluarkan susah sungguh untuk pihak jabatan atau kerajaan itu menerima yang sesuatu benda itu lebih sesuai untuk masa sekarang. Umpamanya apa yang saya sebutkan ialah pada masa sekarang kita membina rumah dengan simen, batu-bata, sedikit besi ataupun kayu dan dibina secara itu. Pada satu ketika nanti kayu akan mahal. Apabila kayu telah meningkat tinggi kita mesti cari alternatif lain sebagai pengganti kayu. Mungkin fibre board dan sebagainya. Mungkin fibre board yang lebih canggih – kalis api dan tahan air.

Perkara yang sedemikian berlaku di Australia tetapi malangnya benda-benda yang sama kalau kita bawa ke Malaysia, pihak technical advisers kepada jabatan kerajaan tidak menerima kerana benda ini bukan conventional. Benda ini belum dipakai di Malaysia, belum diterima lagi. Maknanya pegawai kita belum lagi mengikut perubahan – resisting the changes. Jadi, ini adalah kurang tepat. Dalam keadaan teknologi yang canggih, dalam keadaan penemuan yang baru, kita mesti jangan resist the changes. Kalau kita tidak hendak bermasalah, kita mesti mengikut arus pertukaran ini. Mungkin telah tiba masanya kita akan melihat rumah-rumah ini boleh diguna dengan material yang berlainan tetapi mungkin mempunyai kualiti yang lebih baik daripada apa yang telah kita gunakan sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, begitu juga benda-benda elektronik macam kipas angin, air-conditioner, cooker, washing machine dan sebagainya. Benda-benda ini juga telah diguna pada tahun 50-an tetapi apa yang berlaku pada masa yang akan datang mungkin ada syarat-syarat yang tertentu, umpamanya, peti ais kita menggunakan coolant Chlorofeurocarbon (CFC) tetapi pada masa yang akan datang, benda ini akan diharamkan mengikut laras treaty ataupun persetujuan antarabangsa tetapi adakah kita telah menghala ke arah itu supaya kita tidak akan tersekat dari segi perdagangan kita oleh kerana benda yang kita keluarkan itu tidak mengikut syarat. Jadi, kita bukan sahaja melihat kesesuaian dari segi kehendak dunia tetapi juga kesesuaian dari segi mutu, kualiti dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, kalau kita lihat, benda ini di negara Jepun dan Taiwan – ialah dibuat oleh pihak yang tidak pernah mendapat penemuan sendiri ataupun original inventionnya adalah dibuat di negara lain, umpamanya di England ataupun di Amerika tetapi apa yang mereka buat apabila terima satu peti sejuk, kipas angin, radio, televisyen, VCD dan sebagainya mereka bawa ke negara mereka dan mereka buka, study dan selidik satu persatu. Apabila sudah kenal dengan teknologinya, mereka buat sendiri – cara lain, warna lain, pek lain, bungkusan lain dengan jenama mereka sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, ini memang orang kata cetak rompak tetapi sebenarnya ini adalah technological copying daripada negara seperti Jepun dan Taiwan. Tindakan Jepun dan Taiwan sehingga sekarang ini telah membuat negara Jepun dan Taiwan sebagai negara

membangun di rantau ini yang termaju sekali dari segi teknologinya tetapi teknologi sedemikian adalah technology copying ataupun yang di 'copy' daripada orang lain. Jadi, saya tidak melihat mengapa perkara ini tidak boleh dibuat. Benda yang ada di negara kita, kita boleh buat. Tengok semula, bukan sahaja dari segi memperbaikinya tetapi juga dari segi mengatasi masalah-masalah yang mungkin ada dan mungkin mendatangkan jenama baru dengan nama kita sendiri supaya berada di market di luar negara dan untuk menubuhkan nama kita sendiri daripada sekarang, kita tidak boleh tunggu lama kerana persoalannya kalaulah benda ini didapati mahal kalau dikeluarkan di negara kita sendiri, boleh dikeluarkan di negara-negara lain yang mungkin murah daripada negara kita kerana cost of labournya murah, infrastrukturnya dan bendanya murah, negara kita sendiri tidak cukup orang lagi, tidak cukup tempat lagi umpamanya.

Ini tidak menjadi masalah kerana kalau kita lihat pakaian Dunhill, Zagner dan sebagainya dibuat di mana-mana di bawah lesen yang tertentu tetapi jenama itu yang orang beli dengan harga yang mahal. Jadi, kalau kita mendatangkan satu jenama kita sendiri boleh kita buat di Indo-China, Afrika atau South America. Kalau kosnya lebih murah, insya-Allah, benda ini akan dijual di seluruh dunia tetapi daripada negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, kalau kita lihat juga apa benda barang-barang yang kita sebutkan tadi, kalau kita lihat di negara Jepun, umpamanya. Kemajuan negara Jepun dari segi industri ialah sokongan daripada SMI nya – Industri kecil dan sederhana di negara tersebut. Begitu juga di Taiwan. Jadi, dengan sokongan yang sebegitu baik barulah industri-industri besar ini boleh mendapat parts dan barang-barang alat gantinya yang dibina oleh SMI di mana giant factory ini akan mengendalikan assembly dan sebagainya sahaja untuk kontrol kualiti yang sama.

Kalau kita lihat di England pun sama. 41% benda produk daripada kilang-kilang yang sedemikian adalah dikeluarkan oleh SMI iaitu kilang-kilang yang mempunyai anggota tenaga kerja kurang daripada 200 orang. Jadi, langkah kerajaan untuk membangunkan SMI adalah langkah yang baik, patut dipuji dan langkah yang 'into the right direction' tetapi apa yang tidak memuaskan sekarang ialah sokongan daripada pihak yang tertentu. Umpamanya, sokongan daripada pihak perbankan di mana sistem perbankan itu amat konservatif, akhirnya saluran-saluran dana yang dikehendaki oleh kerajaan untuk menolong SMI yang berpotensi ini tidak menurun sampai ke SMI ini. Jadi, kalau ini dibiarkan berlaku saya percaya SMI kita tidak akan boleh maju. Sebagaimana yang berlaku di Jepun dan Taiwan, bagaimana yang telah menjadikan England satu negara SMI yang begitu baik sekali pergerakan SMI nya sampai meningkat 41% item ini dikeluarkan oleh SMI.

Jadi, saya menyeru pihak kerajaan dan kementerian supaya mencari jalan agar tindakan dan aspirasi kerajaan untuk membangunkan SMI ini untuk mengeluarkan barang-barang seperti yang saya sebutkan tadi, semua barangan durable atau apa-apa sahaja barangan yang hendak kita keluarkan daripada negara ini tidak tersekat oleh kerana satu sistem dalam kerajaan itu sendiri yang mendatangkan satu masalah yang mana SMI ini tidak dapat maju.

Bukan itu sahaja, kita mesti juga melihat yang SMI ini dibantu bukan sahaja dari segi sumber kewangannya tetapi juga dibantu dari segi researchnya. Jadi, kalau kita lihat di Amerika, di Cambridge Massachusetts, Amerika dan juga di Cambridge di England, link-up dengan SMI ini amatlah baik. Jadi, pada masa sekarang kemungkinan universiti-universiti kita, research centres kita akan ada satu link-up dengan SMI. Apa dia buat ialah link-up dengan giant – yang besar-besar sahaja. Jadi, sampai masanya pihak kerajaan mendorong ataupun meminta pihak research centre ini berhubung dengan SMI-SMI supaya mendapat perkhidmatan secara menyeluruh untuk SMI-SMI kita, bukan sahaja dari

segi mutu mencari benda-benda ataupun pendapat-pendapat baru tetapi juga untuk memperbaiki mutu benda-benda yang telah dibuat ataupun dibina oleh pihak SMI yang ada pada masa sekarang kerana dengan keadaan yang sedemikian, barulah SMI itu sendiri boleh bertahan lama kerana kalau kita tidak menolong mereka dari segi research and developmentnya nescaya SMI ini akan mendatangkan masalah oleh kerana pertukaran teknologi.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi – soalan kilang. Pada masa sekarang kilang dibina adalah berlandaskan economic of scale tetapi pada masa akan datang yang mana kita lihat mesinnya semua sudah semakin kecil, pengeluaran mesin yang kecil ini mungkin murah dan pembinaan kilang yang kecil ini mungkin jauh lebih murah kalau dibandingkan dengan pembinaan kilang-kilang yang besar. Nombor dua, penggunaan tenaga manusia pun banyak dalam kilang yang besar di mana tenaga manusia di kilang yang kecil adalah jauh lebih kecil.

Jadi dengan keadaan sedemikian masalah management kita, boleh dielakkan dan masalah labour unrest kita mungkin dapat dielakkan. Ini kerana kita tidak boleh mengelakkan masalah pertukaran ini berlaku. Kalau kita lihat sekarang keadaan di negara kita tidak ada masalah labour, macam mogok dan sebagainya. Tetapi pada satu ketika nanti dengan wujudnya badan tertentu, parti-parti politik tertentu yang boleh membawa fikiran dan filosofi yang di luar dari negara kita, mungkin kita tidak terima pada masa sekarang, pada satu ketika nanti benda ini menjadi salah satu part and partial kita punya live. Jadi perkara yang berlaku di Barat akan berlaku juga di negara kita. Jadi, kalau kilang ini kecil, perkara ini mudah diatasi, dan soalan relationship di antara pekerja dan hubungan management dengan pekerja di kilang-kilang kecil adalah jauh lebih mudah daripada kilang-kilang yang besar.

Jadi, dalam keadaan yang sedemikian saya percaya pada masa akan datang kilang-kilang kecil, kilang-kilang SMI ini akan menjadi satu nadi penggerak pembangunan industri dan juga ekonomi negara kita ini. Oleh yang demikian kita mesti mengambil tindakan khusus.

Kita tidak membenarkan pihak-pihak lain mendatangkan masalah kepada tujuan-tujuan kerajaan umpamanya untuk membangunkan industri SMI ini tadi, kerana kalau kita pandang sebagaimana yang saya sebutkan tadi electro mechanical technology, makna enjin dah jadi kecil, benda dah canggih. Boleh murah kalau kecil, kalau besar dia mahal sikit dan ini akan menyenangkan lagi pihak ini membuat kilang-kilang yang kecil, kilang-kilang yang besar begitu mahal dan operasinya pun susah.

Kos tenaga semuanya meningkat, masalah pengurusan dan manusia pula mungkin lebih selesa bekerja di antara golongan yang sikit, memotivasi pun senang dan begitu juga masalah penukaran mesin. Umpamanya penukaran mesin dan teknologi kita memang cepat berlaku pada masa yang akan datang.

Jadi, kalau kita mempunyai kilang yang besar, mesin ini kalau ditukar dengan harga yang mahal, maknanya benda yang kita keluar mesti akan mahal juga, tetapi kalau kilang kita kecil penukarannya kecil, harganya pun kecil. Jadi penggantian mesin ini akan bertukar cepat, kalau kita tidak cepat kita akan tertinggal di belakang, untuk ikut aliran dan kepantasan masa, kita akan bertukar, pertukaran itu tidak - without the cost, dengan izin.

Jadi, saya berharaplah pihak kementerian bersikap tegas dalam menolong SMI ini supaya membangun dan tidak terkongkong dengan syarat-syarat yang telah ditentukan oleh pihak-pihak lain iaitu sistem, umpamanya sistem bank dan sebagainya dan mencari jalan macam mana untuk mengatasi masalah conservativeness dengan izin, pihak bank

untuk mengeluarkan sumber kewangan kepada SMI. Kita mesti berjaya. SMI ini adalah pemikiran yang baik dan telah menunjukkan contoh-contoh yang baik.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga menyentuh soal pendidikan. Pada masa sekarang kita biasa menyentuh satu perkara, macam mana mendidik anak-anak kita di sekolah, tapi jarang sekali orang menyebut macam mana hendak mendidik guru itu untuk menjadi pendidik yang baik. Untuk menjadi pendidik yang boleh...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Minta gulung.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Motivasi dan soal pelajaran Matematik, Sains dan bahasa Inggeris itu adalah amat penting kepada kita untuk maju pada masa akan datang. Nampaknya Tuan Yang di-Pertua tak boleh habis kalau saya gulung ini.

Satu lagi saya hendak tanya kepada kementerian, sama ada angka yang saya sebutkan ini benar ataupun tidak, ataupun yang saya dapat ini tepat atau tidak. Masalah ilustrasi di antara masyarakat Malaysia pada tahun 1980 – 2,400,000 orang rakyat Malaysia masih illiterate tapi pada tahun 1995 – 2 juta yang illiterate makna dalam masa 15 tahun kita hanya boleh memperbaiki kedudukan sebanyak 400,000 orang. Jadi, ini adalah menunjukkan angka yang kurang memuaskan dan apakah tindakan kementerian untuk mengatasi masalah ini dan juga di antara, disparity ataupun imbalance di antara lelaki dan wanita ini juga nampak ketara iaitu 10% lelaki yang illiterate dan 21% illiterate pada masa sekarang dan apakah tindakan kerajaan supaya illiteracy rate ini tidak nampak ketara sangat dan perbezaan di antara lelaki dan wanita ini dapat dihapuskan.

Dengan kata-kata yang sedemikian Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan sekali lagi terima kasih dan saya menyokong usul ini. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yan.

11.45 pagi.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin [Yan]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terlebih dahulu saya mengucapkan jutaan terima kasih dan menjunjung kasih kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong yang telah memerintah selama 5 tahun dengan baik dan jayanya walaupun dalam keadaan ekonomi dan juga politik yang agak celaru sedikit di penghujung ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mengucapkan tahniah kepada kerajaan yang telah membentangkan Kertas Putih berkenaan dengan Dasar Ekonomi Negara berkenaan dengan cara untuk mempertahankan kedudukan ekonomi dan alhamdulillah dengan keadaan tersebut, maka hari ini kita dapat lihat Tuan Yang di-Pertua pertumbuhan ekonomi kita cerah ke depan dan dijangka 1% hingga 2% pertumbuhannya. Jadi, ini menunjukkan bahawa kecekapan dari segi pengurusan dan pentadbiran negara kita pada hari ini.

Walau bagaimanapun, Tuan Yang di-Pertua kita memerlukan keadaan politik yang stabil di dalam negara kita ini untuk menjayakan apa juga rancangan, program yang kita luluskan di Dewan yang mulia ini. Oleh yang demikian saya menyeru semua parti politik dalam negara kita ini supaya..... [Y.B Tumpat bangun, berjalan keluar Dewan] Tumpat nak pergi mana? Saya nak kacau PAS sikit ni.

Jadi, kita hendakkan parti-parti politik sama ada parti komponen Barisan Nasional dan juga parti pembangkang memahami, meletak negara di hadapan daripada ideology politik tersebut. Tidak ada ertinya Tuan Yang di-Pertua kita memerintah negara dan dalam

keadaan itu juga negara kita menghadapi huru-hara, ekonomi kita begitu merosot, rakyat menderita tidak ada pekerjaan dan ini akan merugikan rakyat itu sendiri.

Saya menyeru kepada parti politik supaya jangan isu ekonomi, agama dan juga isu perpaduan kaum di dalam negara kita ini dijadikan bahan politik mereka untuk mendapat, menagih kepercayaan kepada rakyat kerana ini menggadai hak dan maruah kita Tuan Yang di-Pertua. Kita tidak mahu Malaysia ini menjadi Kosovo, Bosnia, Palestin di mana pertumpahan darah berlaku setiap hari, rakyat berkeliaran lari ke sana, ke sini tidak ada tempat dan haluan, menderita, orang perempuan dijadikan mangsa, orang lelaki dibunuh. Jadi, Tuan Yang di-Pertua ini tidak langsung mendatangkan manfaat kepada negara, apatah lagi bangsa Malaysia kita ini.

Saya menyeru kepada ahli-ahli politik supaya memahami bahawa tidak ada ertinya kemenangan di dalam politik kalau kita menghadapi situasi yang tidak menentu di dalam negara kita ini. Hari ini Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya kepada parti-parti pembangkang, pemimpin-pemimpin pembangkang adakah negara kita hari ini berada dalam keadaan kucar-kacir, adakah di dalam negara kita ini rakyat menanggung penderitaan, anak-anak kecil tidak ke sekolah, rakyat menderita tanpa makanan, tanpa pendidikan, tanpa kemudahan asas itu dan ini. Oleh yang demikian saya berharap bahawa parti-parti politik terutama sekali parti pembangkang mengambil ini sebagai satu iktibar, walaupun hendak jadi parti pembangkang jadilah parti pembangkang yang dapat memberi sumbangan kepada negara, yang dapat memberi pendapatan kepada negara.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengikuti ceramah-ceramah yang dianjurkan oleh parti PAS. Parti yang ditubuhkan oleh kerana semangat marah. PAS wujud kerana semangat marah, keADILan wujud kerana semangat kekecewaan, DAP wujud kerana hendak menjadi hero kepada satu kaum.

Jadi, bermaknanya Tuan Yang di-Pertua, kewujudan parti-parti ini bukanlah kerana hendak membela rakyat. PAS wujud kerana perpecahan dalam UMNO satu ketika dahulu di mana pemimpin-pemimpin UMNO ini menubuhkan parti PAS. Kecewa kerana kalah dalam pemilihan UMNO itu sendiri dan terbawa-bawa sehingga hari ini dan melabelkan parti mereka itu sebagai parti Islam dan dapat meraih sokongan daripada orang Islam, tetapi sebenarnya kalau kita ikuti ceramah - saya minta kepada seluruh rakyat dengan fikiran yang waras, dengan fikiran tenang mengikuti ceramah-ceramah PAS ini dan membuat perhitungan yang sewajarnya.

Kadang-kadang Tuan Yang di-Pertua mereka bangun, maki hamun dengan tidak ada had, fitnah memfitnah dan saya rasa amat kecewa apabila pemimpin-pemimpin mereka ini menganggap diri mereka sebagai ulamak

Dalam Islam tidak disuruh, bukan setakat ulama, umat Islam sendiri tidak disuruh dan Tuhan amat murka kepada manusia (orang Islam) ini yang suka memecahbelahkan, apatah lagi memaki-hamun, apatah lagi mengungkit keturunan.

Tuan Yang di-Pertua, apabila kita mengungkit, kita orang Islam, kita untkit keturunan orang Islam ini apa jenis kita? Saya hendak tanya kepada Presiden PAS, 'Dato' Dr. Yusof Noor' [*Disampuk*] – Dr. Fadzil Noor, saya teringatkan Dato' Yusof Noor ini sebab dia ketua penerangan dan saya di bawah dia, Tuan Yang di-Pertua. Saya Ketua Penerangan Negeri Kedah. Saya kenal Dr. Fadzil Noor, anak dia semua dapat biasiswa kerajaan, seorang pun anak dia tidak pakai ketayap dan simpan janggut. Sekurang-kurangnya saya ada juga janggut, Tuan Yang di-Pertua pun ada juga janggut, trim bukan main elok. [*Ketawa*] Tetapi kalau ikut Dr. Fadzil Noor ini apabila bersyarah semuanya tidak kena. Adakah seorang pemimpin yang dalam temuduganya hendak menjadi Perdana Menteri Malaysia, saya kata kepada Dr. Fadzil Noor, balik bubuh cermin besar di depan,

tukar diri sendiri, tengok dan tanya diri ini, 'Aku ini layak atau tidak layak jadi Perdana Menteri?' 'Kalau aku jadi, aku hendak buat apa?' 'Laratkah aku hendak mengata orang sampai mati?'

Tuan Yang di-Pertua, sikap beliau mengorek dan menghina keturunan seseorang itu apatah lagi keturunan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri adalah sikap yang kurang ajar, keterlaluan dan tidak layak dipanggil ulama, apatah lagi hendak memimpin parti yang kononnya parti Islam kerana Islam tidak sekali-kali menyuruh umatnya menghina, menjatuhkan maruah sesama Islam. Tuhan ada menyatakan dalam Al-Quran, "Seandainya kita menjatuhkan maruah seseorang yang seagama, Tuhan akan menjatuhkan maruah orang itu". Ini bukan saya kata, ini saya hendak beritahu pemimpin PAS termasuklah orang kata tok guru-tok guru di Kelantan.

Tuan Yang di-Pertua, kalau hendak jadi tok guru, hendak jadi ulama jangan terlibat diri dalam politik – sila Arau, sila [*Yang Berhormat dari Arau berjalan masuk ke dalam Dewan*]. Ini tengah seronok ini, sila, mari, [*Ketawa*] Ulama kena duduk tengah-tengah, kalau sesiapa sahaja rujuk kepadanya minta nasihat dia, dia akan beri dengan adil. Ini apabila dia tafsir atas Parti PAS, semua kena kepada depa, hak kita buat semua tidak kena. Kemudian, apabila tok guru mengata tidak apa, kita kata tidak boleh, ini apa cerita? Dalam Islam tidak disuruh kata mengata, dalam Islam tidak suruh maki memaki, dalam Islam disuruh ikut peraturan, ikut undang-undang di dalam mana kita duduk, kita patuh kepada undang-undang negara tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menasihatkan PAS, walaupun saya ini seorang pemimpin kerdil tetapi saya mahu nasihatkan PAS balikkah kepada perjuangan Islam kalau betul-betul hendak memperjuangkan Islam. UMNO, sungguhpun kami tidak melaung-laungkan parti Islam tetapi kami buat kerja semua kerana Allah. Membangun ummah kita menjadi warganegara yang bertanggungjawab, menjadi rakyat yang bertanggungjawab, menjadi rakyat yang dapat memimpin negara kita ini di masa depan. Saya pun tidak pernah

Tuan Haji Nik Mohd. Amar bin Haji Nik Abdullah: [*Bangun*]

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin: Sila, sila yang ini nampak dia lebih muda boleh kira sedikit.

Tuan Haji Nik Mohd. Amar bin Haji Nik Abdullah: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya tertarik dengan ucapan Yang Berhormat dari Yan yang menyebut tentang soal fitnah memfitnah dan larangan Islam atas soal fitnah ini. Cuma saya hendak minta penjelasan, apakah yang dimaksudkan dengan fitnah itu dan kemudian adakah bila kita tuduh orang liwat dan berzina tanpa dapat mengemukakan bukti yang cukup di mahkamah itu tidak termasuk dalam fitnah?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat, saya suka mengingatkan tentang kes yang ada di mahkamah.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin: Saya ikut peraturan Tuan Yang di-Pertua, hak PAS ini dia tidak faham undang-undang. Saya bukan hendak quote tetapi mungkin sahabat saya daripada PAS ini dia hendak quotekan kes lainlah.

Tuan Yang di-Pertua, apabila kita menuduh sesuatu yang tidak berlaku, kita kata orang yang macam kita panggil Perdana Menteri Malaysia ini, saya dengar ini, telinga saya dengar, saya ada pergi, bukan saya tidak pergi dengar. Kata Perdana Menteri kita macam-macam, pergi Mekah buat haji pakai 'kod' itu bukan Tuhan terima. Takkanlah mereka tidak faham, Dato Seri Dr. Mahathir naik kapal terbang, dia sampai sebelum miqat, sebelum dia niat, dia pakailah ihram. Yang kita dok pergi pun macam itu juga. Tengok

Tuhan maha kaya, dia pergi dia dapat 'Haji Akbar', balik sakit. Ruslan Kassim dalam ucapan di perhimpunan KeADILan dia kata, "*Dato Seri Dr. Mahathir balik, Haji Mahathir balik dari Mekah, sakit duduk di IJN hendak tunggu mati sahaja*". Ini adakah orang Islam cakap macam ini? Itu pun PAS sokong ADIL. Yang Arau pun pakai janggut merambu, dengan ketayap semua perbetulkanlah sedikit sebelah dalam ini. Kita orang tua-tua, kalau tidak boleh jadi orang-orang muda ini macam mana? [Disampuk]

Tuan Yang di-Pertua, kemudian kes liwat, perkara ini kita bawa pi, dalam Islam, dalam PAS kita bawa pi 52 sampai hakim naik pening. Hendak berapa lagi, tidak kena kepada anak bini kita tidak apalah, kena kepada anak bini kita baru kita tahu. Sudah pergi gagasan belakang orang hendak buat macam mana? Undang-undang kena ikutlah.

Tuan Yang di-Pertua, undang-undang Parlimen buat. Apabila Parlimen buat undang-undang, rakyat buat undang-undang. Saya mewakili rakyat kawasan saya, Arau kawasan Arau, kita lulus dalam Dewan Rakyat, undang-undang kita buat. Kemudian tok hakim-tok hakim ini dia menjalankan undang-undang yang kita buat. Kalau kita pertikaikan undang-undang yang rakyat buat, riuh-rendah di jalan raya, ini jenis manusia apa ini?

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak salahkan orang yang duduk riuh-rendah kerana mereka yang pertamanya dapat duit, yang keduanya yang tidak betul ini puak-puak pemimpin pembangkang ini terutama sekali PAS dan KeADILan.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak tanya apa keadilan yang dikehendaki ini? Undang-undang apa, kebebasan bercakap, hendak bercakap apa? PAS buat ceramah tidak pernah minta permit polis. Jadi saya minta pihak polis bertindak tegas, kadang-kadang di dalam *Harakah* dibubuh ceramah sana, ceramah sini sedangkan waktu ini kerajaan tidak benarkan ceramah tetapi depa buat ceramah, melanggar peraturan dan undang-undang. Itu belum lagi memerintah dah melanggar undang-undang. Macam mana kata kita ini parti Islam hendak menegakkan Islam dan keadilan? Hendak adil apa? Berapa anak orang PAS yang tidak boleh masuk universiti, mari khabar kepada saya? Kadang-kadang anak orang UMNO tidak dapat masuk, anak orang PAS dapat masuk universiti. Kita tidak unkit dan kata apa pun. Ini hak kita sebagai orang Melayu, orang Islam di negara kita. Pegawai-pegawai kerajaan ada penyokong PAS, dalam pejabat daerah saya ada 'PAS Hangit'. Hendak kata apa, duduklah ini negara kita tetapi apabila kita buat sesuatu jangan mengkhianati perjuangan kita.

Tuan Yang di-Pertua, hari ini saya hendak baca sedikit, saya hendak baca, dalam buku *Menyingkap Yahudi* karangan Dr. Izzat Daruza. Ada 16 rukun hidup Yahudi. PAS dengar elok-elok ini saya hendak cerita;

- (i) Yahudi bangsa pilihan tuan;
- (ii) darah orang-orang bukan Yahudi halal dibunuh;
- (iii) kacau-bilaukan negara Islam, susup dalam parti pemerintah, pembangkang dan huru-harakan masyarakat Islam;
- (iv) gunakan tipu muslihat hancurkan Islam;
- (v) lupakan budi orang, budi kerajaan, jangan berterima kasih.

Ini betullah ini, beri RM600 juta hendak suruh perbetulkan air di Kelantan, maki lagi kerajaan. Duit 'ghabuh', selepas itu kata kerajaan tidak adil, kerajaan teruk, kerajaan zalim, tang duit hangpa kebas, mana adil, ini termasuklah salah satu.

- (vi) putus silaturahim dan menyebarkan fitnah dalam masyarakat;

- (vii) apabila orang berbuat baik, balas dengan jahat;
- (viii) persatuan dan setiakawan mesti dihancurkan;
- (ix) hancurkan hak asasi manusia;
- (x) pecah-belahkan fahaman agama Islam supaya mereka berpuak-puak dan bersengketa;
- (xi) fitnahkan fahaman agama Islam supaya masyarakat Islam mundur;
- (xii) putarkan firman Allah dan hadis nabi agar menjadi pertengkaran sesama penganut Islam;
- (xiii) timbulkan dan galakkan sikap dengki serta irihati sesama Islam;
- (xiv) cerai-beraikan dan porak-perandakan masyarakat Islam dalam kampung agar selalu mereka bermusuhan;
- (xv) tanamkan sifat penakut dalam Islam; dan
- (xvi) usahakan supaya masyarakat Islam bergelumang dalam dosa, jauhkan mereka daripada masjid.

Tuan Yang di-Pertua, ini 16 rukun Yahudi untuk menguasai dunia dan kalau saya baca yang ini ideologi perjuangan PAS hari ini termasuk dalam ini [*Sambil menunjukkan risalah rukun Yahudi*] Bukan keterlaluan saya katakan PAS mengamalkan rukun Yahudi ini. Memecahkan masyarakat Islam, putar belitkan ayat Al-Quran, tafsirkan Al-Quran untuk memihak kepada sesuatu.

Saya berharap PAS dan KeADILan jangan jadi parti penderhaka kepada negara, bangsa dan agama. Jangan jadi parti upahan daripada negara luar untuk menghancurkan keharmonian dalam negara kita ini. Jangan rosakkan pemikiran anak muda yang akan meneruskan kepimpinan negara ini, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua, negara ini diperjuangkan oleh datuk-nenek untuk mendapatkan kemerdekaan, bukannya mudah. Adakah kita sewenang-wenang....,

Tuan Haji Hashim bin Jasin: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [*Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin*]: Ya, Arau bangun.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: Sila.

Tuan Haji Hashim bin Jasin: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, dan terima kasih Yang Berhormat dari Yan yang begitu lantang untuk menuduh bahawa PAS menyeleweng pentafsiran ayat-ayat suci Al-Quran. Saya ingin mendapatkan penjelasan daripada Yang Berhormat, apakah kata-kata Yang Berhormat ini mengutamakan nas ataupun mengutamakan akal – mendahulukan nas daripada akal ataupun akal daripada nas?

Kalau Yang Berhormat dari Yan menuduh PAS menyalahafsirkan Al-Quran, bolehkah Yang Berhormat membuktikan apakah suatu perkara yang ulamak-ulamak PAS mendahulukan akal daripada nas? Apakah ciri-ciri muktazilah wujud dalam kumpulan ataupun pemimpin-pemimpin PAS di masa ini, terima kasih.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin: Terima kasih abang daripada Arau.

Tuan Yang di-Pertua, apabila PAS mengkafirkan orang-orang UMNO – ini kerja siapa? Apabila orang PAS mengatakan sembelihan orang Islam orang, UMNO tidak boleh makan, apa dia? Apabila PAS mengadakan dua imam dalam satu masjid, apa dia? Apabila PAS memecahbelahkan qariah dalam masjid, apa cerita? Yang ini semua adakah Islam suruh, saya tanya Yang Berhormat dari Arau?

Dato' Othman bin Abdul: [Bangun]

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin: Sila.

Dato' Othman bin Abdul: Tuan Yang di-Pertua, adakah Yang Berhormat Yan pernah dengar satu tape, Ahli Parlimen Marang yang mentafsirkan ayat [membaca sepotong ayat suci Al-Quran] Ahli Parlimen Marang menterjemahkan ayat itu “*Kalau Tuhan tidak menjadikan manusia ini bergaduh, berkelahi, berperang maka rosak binasalah dunia ini*”. Itu tape yang jelas yang dilafazkan oleh Yang Berhormat dari Marang yang betul-betul salah sebab ayat itu menceritakan peperangan Nabi Daud – Jalud dan Talud. Itu salah satu unsur pembohongan, penipuan, saya cabar PAS membetulkan perkara ini.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, walaupun kami pakai kot, kami faham agama. Bukan pakai sut Melayu, serban melilit ini kami tidak reti, saya pun reti, mak, pak saya ajar saya, saya pun orang Islam. Beranak sahaja pak saya bang di telinga saya dah. Saya pun pergi Mekah. Jadi jangan sah kata kita janggut beremu Tuan Yang di-Pertua, kita dok maki orang – tidak boleh. Kita kena tunjuk – Rasulullah, Tuhan duga macam-macam, baling ketul batu, apa semua itu ini, dia dok senyum gitu – dia sabar. Ini kita bangkit atas pentas, Tuan Yang di-Pertua,

Dato Seri Dr. Mahathir itu, pemimpin negara kita, dunia mengakui dia, dunia Islam menghormati dia, kita tidak melaung walaupun kita negara Islam, kita buat kerja Islam, kita tidak laung kita negara Islam. Kita buat kerja. Arau dok menung apa? Itu dia sahabat saya dari Pendang – dia buat keluar ayat dah, jangan main-main dengan kami ini, terror-terror ini, jangan main-main. Jadi Yang Berhormat, bila dok dalam Dewan Rakyat duduk senyap, bila dok di luar dok maki, yang ini tidak kena. Macam surat khabar *Harakah* - laporkan yang benar. Berdosa kalau kita laporkan benda-benda yang tidak benar. Adakah kerana politik kita sanggup masuk neraka di akhirat. Adakah kerana politik, kita sanggup menggadaikan maruah bangsa, agama kita. Saya hendak tanya pada PAS. Adakah kerana fahaman politik kita hendak pecah-belah umat Islam sedangkan umat Islam diduga – Tuhan dok duga kita. Kita patut tahu, Malaysia negara kecil, bangun bersatu, perbetul mana yang tidak kena. Saya tidak pernah dengar PAS dalam berceramah bangkit kalau kami memerintah, kami hendak buat yang ini, yang ini. Ini dak, ini bila kita buat menara itu, depa kata patutlah tidak hujan, pasal menara itu dok geletek langit, langit geli. Adakah akal cakap macam itu. Apa kena-mengena menara dengan langit, langit tidak sampai pun.

Ini pergi maki Timbalan Perdana Menteri kami, Timbalan Perdana Menteri Malaysia, Yang Amat Berhormat bukan Timbalan Perdana Menteri UMNO tetapi Malaysia. Tahu tak keturunan dia, keturunan baik-baik yang pergi ungkit binatang itu buat apa? Mahu dengar ke Nik Aziz, tunduk berjalan, mai tang anak buah perangai macam penyangak, maki rata kampung. Ini bila hendak berhenti ni. Saya mintalah, baliklah mengucap, istighfar banyak-banyak, Yang Berhormat. Yang Berhormat pemimpin akan ditanya di akhirat kelak, mengapa biar anak buah lok lak, rumbu, dok maki orang rata penjurong kampung, pesongkan fikiran budak-budak sekolah, tidak boleh kita buat macam itu.

Saya, sungguhpun tidak mengaji tinggi sangat, tidaklah pergi sampai ke Al-Azhar, tidaklah jadi tok-tok syeikh tetapi saya tahu syurga dan neraka – saya pun takut. Kalau saya tidak nasihat sekarang ini, Tuhan marah dekat saya, itu saya hendak nasihat orang PAS ini. Buat perangai elok-elok, balikkah bertaubat.

Ini KeADILan, Tuan Yang di-Pertua, KeADILan begitu juga, hendak adil apa, KeADILan wujud kerana apa? Kerana kecewa. KeADILan wujud kerana apa? Hendak bela seorang sahaja, hendak bela wakil rakyat dari Pematang Pauh, wakil rakyat Pematang Pauh hendak jadi Perdana Menteri. Oh! Kalau macam itu Tuan Yang di-Pertua, saya balik kampung tubuh satu parti bela saya hendak jadi Perdana Menteri Malaysia. Arau balik tubuh parti dan bela, ha jenuhlah kita berparti, berpuluh-puluh parti.

Jadi guna akal, kita berjuang dalam organisasi parti ini untuk apa? Untuk negara, bangsa dan agama bukan untuk individu. Takkan PAS bela, PAS bela Fadzil Noor ke? Beritahu kepada Fadzil Noor itu hendak kata kepada orang, balik cermin diri, orang dok kata muka dia macam *bulldog*, hendak angkat biji mata pun tidak larat, itu pun asyik mengata kat orang lagi.

Tuan Haji Hashim bin Jasin: [*Bangun*]

Tuan Yang di-Pertua: Arau bangun Yang Berhormat.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, saya kasihan kepada dia, ini sahabat saya.

Tuan Haji Hashim bin Jasin: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua dan wakil dari Yan. Pertama saya ingin menyebut bahawa bagi orang Melayu, saya hendak mendapat pandangan dari Yang Berhormat Yan, bagi orang Melayu, babi ini adalah sesuatu yang hendak sebut pun kadang-kadang orang tidak mahu sebut – babi. Sebab itu kalau di sebelah utara dipanggil 'kerbau pendek', supaya jangan perkataan babi itu terbit didengar oleh kanak-kanak dan sebagainya. Begitu sekali orang Melayu sensitif dengan persoalan yang berkait dengan babi.

Tetapi sedarkah Yang Berhormat bahawa apabila Timbalan Perdana Menteri dilantik sebagai Pengerusi untuk menangani masalah penyakit yang disebabkan oleh khinzir ini, maka orang Melayu tersinggung sebenarnya dengan perlantikan itu, bukan atas usaha yang hendak dibasmikan tetapi tidakkah boleh, tidak adakah orang lain selain daripada orang Melayu yang beragama Islam yang boleh dipilih untuk mempengerusikan jawatankuasa ini. Sebab orang Melayu tersinggung, sebut sahaja perkataan itu pun dia tidak mahu, jadi dengan tersinggung itu maka lahirlah, berlakulah apa yang berlaku dan disebutkan apa yang disebut sehinggalah ke hari ini. Tetapi untuk selanjutnya, saya juga ingin hendak mendapatkan penjelasan daripada Yan, sebab dia ini bangkitkan banyak perkara, dok ajar PAS ini, tidak apalah, terima kasihlah kerana banyak ilmu yang saya dapat daripada Yan. Tetapi saya hendak kaitkan sedikit mungkin Yan tidak tahu bahawa pelanggaran kepada undang-undang negara sekarang ini dilakukan dengan sewenang-wenangnya.

Apakah Yan sedar atau tidak dan bukti ada di tangan saya sekarang ini bahawa Kementerian Pendidikan telah mengeluarkan satu surat arahan kepada Jabatan Pendidikan Negeri melarang mana-mana persatuan ibu bapa daripada bergabung dengan mana-mana parti politik ataupun kesatuan sekerja atau lain-lain pertubuhan atau persatuan yang didaftarkan atau diperbadankan di bawah mana-mana undang-undang bertulis yang berkuatkuasa berhubung dengannya. Ertinya satu larangan tidak boleh PIBG bergabung dengan mana-mana pertubuhan di luar sekolah.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: [*Bangun*]

Tuan Haji Hashim bin Jasin: Soalan saya, nantilah.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin: Ini siapa berucap, okay, okay, sila, sila.

Tuan Haji Hashim bin Jasin: Saya hendak soal tetapi hendak beritahu dulu. Saya hendak soal, apakah Yang Berhormat sedar pasal tadi tuduh pembangkang sahaja yang salah, bahawa wujud sebuah Jabatan Pendidikan Negeri yang melanggar peraturan ini dengan sewenang-wenangnya dengan mengeluarkan satu arahan kepada PIBG supaya menyediakan dua bendera BN Yang berukuran 4X2 untuk diserahkan kepada Pengerusi Perhubungan UMNO negeri bagi menyokong dan berdiri teguh di bawah pimpinan kerajaan negeri di bawah pimpinan Menteri Besar yang menjadi ahli perhubungan.

Jadi ini menunjukkan, saya minta Yang Berhormat itu sedar bahawa peraturan-peraturan ini banyak dilanggar kerana Yang Berhormat bangkitkan PAS bersyarat tiada permit, kami bukan tidak minta, tetapi polis tidak bagi. Apabila polis tidak bagi, kami tanya apa alasannya? Dia kata, "Tidak bagi sahaja". Kalau hendak jaga keselamatan, kami mengaku kami boleh jaga keselamatan dan kawasan yang kami sediakan, kami tidak langgar. Jadi akhirnya, kalau di negeri Perlis untuk makluman Yang Berhormat, walaupun tidak ada permit tetapi kami sudah buat satu persefahaman dengan pihak keselamatan polis bahawa kami bertanggungjawab atas setiap ceramah yang kami adakan iaitu daripada sudut keselamatan dan kawalan lalu lintas dan sebagainya. Polis bagi tetapi

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin: Terima kasihlah, ini siapa? Gilir siapa, gilir saya ini. Yang Berhormat bersyarat panjang daripada saya.

Tuan Haji Hashim bin Jasin: Yang Berhormat pun dok buat macam itu juga selalu kan? Jadi lebih kuranglah kita berdua. *[Ketawa]*

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin: Terima kasih. Pertama, surat tadi itu betullah Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan betullah, kita tidak mahu bagi sekolah ini jadi pusat untuk anak-anak kita belajar. Bila mereka sudah pass, keluar universiti, dapat ijazah dan sebagainya, mereka hendak masuk parti politik, masuklah. Ini tengah belajar, kita pergi serkup mereka dengan serban sampai biji mata pun tidak nampak, hendak belajar pun tidak boleh. Bukan bermakna saya tidak bagi pakai serban, pakai tak apa, tapi ini dok ajar ajaran, "Tengok Dr. Mahathir, ini tak boleh, ini pemimpin tidak bagus, pemimpin ini bukan Islam". Adakah kita pergi ajar budak-budak macam itu? Ini sekolah, biar dia belajar elok-elok. Tentulah kita hendak halang PIBG ini jangan terlibat dengan puak-puak PAS dok masuk pi rasuk ni. Kalau saya keterlualan, kalau saya kata PAS ini macam iblis, tapi tu dia dok pi rasuk kawan itu, kawan ini. Jadi pening budak-budak, cikgu pening....

Tuan Yang di-Pertua: Tanjung Karang bangun, Yang Berhormat. Masa Yang Berhormat hendak cakap pun tak panjang dah.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin: Sekejap lagi saya hendak minta lebih sikit, kesian kat saya, saya tidak habis lagi, ini baru mukadimah. *[Ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua: Sila Tanjong Karang.

Tuan Haji Noh bin Omar: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Minta penjelasan daripada Yang Berhormat dari Yan. Ini mengenai isu yang Presiden PAS timbulkan baru-baru ini. Saya ada orang telefon tanya saya, dia kata nampaknya hari ini menangani wabak JE dengan babi ini lebih mudah daripada menangani gelagat dan perangai pemimpin-pemimpin PAS ini. Apa pendapat Yang Berhormat? Nampaknya JE dan babi ini ingat kita boleh atasi tetapi perangai dan gelagat PAS ini lebih teruk lagi kita hendak atasi daripada masalah yang kita hadapi pada hari ini.

Yang kedua, saya hendak tanya pendapat Yang Berhormat. PAS ini cukuplah, dah pakar agama, hendak putar belit agama itu hak PAS tetapi jangan hendak putar belit pasal undang-undang. Tadi surat pekeliling tadi nampak dia hendak putar belit pasal undang-undang. Ini PIBG ini didaftarkan di bawah Kementerian Pendidikan malah persatuan yang ditubuhkan di bawah Pendaftar Pertubuhan pun, dia kena tanya apa tujuan hendak ditubuh? Hendak tubuh di bawah NGOkah ataupun di bawah pertubuhan politik.

Jadi kalau pasal undang-undang kalau hendak putar belit, yang tidak faham pasal undang-undang, jadi, nampaknya PAS ini dia hendak kawal semua, dia hendak kampo semua, menunjukkan dia yang lebih pandai. Jadi apa pendapat Yang Berhormat.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin: PAS ini, Tuan Yang di-Pertua, mereka ini nafsu kuat, tenaga tidak ada, itu yang dok kalut. Tidak ada apa-apa pun naik bendera, bukan ada pasal naik bendera, buang duit buat apa? Ambil duit itu sedekah kepada orang miskin. Ini dok naik bendera, bukan ada pasal, nak raya Hindu apa, raya pun belum lagi, nantilah dulu. Saya setuju Yang Berhormat ini, memang mereka celaru.

Saya hendak tanya Yang Berhormat, Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri kita ialah Timbalan Perdana Menteri. Bila sesuatu berlaku dalam negara, bila Perdana Menteri sudah tidak sihat, rehat di hospital, dia kena ambil alih memastikan penyakit ini tidak merebak. Penyakit ini dia bukan hendak cari orang Cina sahaja. Baik tak baik, Yang Berhormat pun dia cari, jenis nyamuk babi ini, Culex, tidak Culex tak usah kiralah.

Jadi, nak kena jaga semua ini kalau dia serang Perlis, tidak aniaya Yang Berhormat. Dia serang Kelantan, selarak habis Nik Aziz. Nyamuk ini bukan dia kenal tok guru, tak tok guru. Dia hendak serang, dia seranglah. Dia bukan kenal saya, Ahli Parlimen. Oh! saya MP, jangan serang, mana boleh. *[Ketawa]* Dia bukan ada otak, nyamuk tidak ada otak, macam orang PAS. Jadi saya minta ..

Tuan Haji Hashim bin Jasin: Saya minta Yang Berhormat tarik baliklah "nyamuk tidak ada otak macam orang PAS" kerana itu saya kira satu ucapan yang menghina.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin: Okay, tak apa, saya hormat orang tua-tua, saya tarik balik, saya hormat. Bila Yang Berhormat maki saya, tidak pernah saya suruh tarik balik. Ini pergi maki Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri, minta Presiden PAS tarik, tarik balik, kalau tidak tarik balik dia seorang pemimpin yang cukup-cukup kurang ajar. Orang Kedah kata tiada adab, malu saya, orang Kedah jadi rakyat Kedah, hantar dia pergi Papua New Guinea baru dia tahu.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, ada dua minit sahaja, saya bagi dua minit lagi, sila habiskan, ya.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin: Alah!, tolonglah Tun, empat, lima hari saya lompat, tak naik lompat tak naik, lompat, lompat ada masa, kesian saya Tun, hari ini saya pakai tie baru beli ini Tun, sungguh, buatan Malaysia, Tun. Lagi satu Tun, saya minta kerajaan mengetatkan undang-undang menghina mahkamah dan fitnah ini, Tun. Saya minta kalau kita kena gubal undang-undang buat pasal, Tuan Yang di-Pertua, saya minta ini kerana negara kita ini negara majmuk. Kita tidak boleh elak dah, kita hidup dengan orang Tionghua, orang India ada, orang Iban ada, Kadazan ada, orang Melayu, orang Islam dan sebagainya

Jadi kalau kita dok biar benda macam ini berlaku, Tun, bila berlaku kacau bilau dalam negara, cukup susah. Ini anak-anak muda yang dok melilau di jalan, dia bukan faham apa dia keamanan. Dia ingat mai macam itu sahaja, Tun. Zaman tok wan kita,

minta kemerdekaan, seksa Tun. Tun pun tahu., masa itu Tun pun dok hambat sama minta kemerdekaan. Bukannya mudah, bila dapat kemerdekaan, isi kemerdekaan, ini dok pi merayau di jalan raya, anak-anak muda ini, Tun, celik-celik beranak di hospital, ada duit sikit pergi Medical Centre, semua keluar tempat baik-baik, mana dia tahu susah. Zaman orang tua-tua dahulu jenuh teran, bidan nak mai keriau di rumah 'mak, pak'. Pak pun tumpang tengok sama, nak buat macam mana, susah. Mai zaman la ini mudah, senang, tak kena sikit berarak, tak kena sikit, sokong. Sedangkan mereka duduk di universiti, saya ulang dua, tiga kali, dok di kampung pun tak makan macam mereka makan. Kadang-kadang bapa mereka pergi ke laut sahaja, saya tahu. Mai dok di universiti, makan atur, semua atur, ayam seminggu tiga kali, ikan harga naik tak naik, depa makan ikan, harga sayur naik tak naik, mereka makan sayur. Buku, kerajaan bagi, tidur kerajaan bagi, di rumah tidur di atas tikar mengkuang sahaja, Tun, mai di sini ni katil kerajaan bagi, dua tingkat, Tun. Bilik kuliah air-cond., apa lagi yang tidak kena, saya tanya pihak pembangkang? Hendak apa lagi? Takkan kerajaan hendak ambil tiap-tiap rakyat jadi anak angkat. Ini dia ada dah, kita buat semua, Tun.

Ceramah ini PAS buatlah tetapi ikutlah undang-undang, jangan dok maki sesama kita, gentleman, be gentleman, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua. Please understand me. *[Ketawa]* Masya-Allah, Tuan Yang di-Pertua. Cakap Melayu mereka tidak faham, bubuh orang putih sikit, Tuan Yang di-Pertua. *[Ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua: Bahasa Arablah sikit, ya. *[Ketawa]*

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: *[Ketawa]*. Tuan Yang di-Pertua, saya minta juga macam kita katalah, apa orang hendak kata pada ini, kita tengok dalam keadaan huru-hara, Tuan Yang di-Pertua. Kesian pada bekas Ketua Polis Negara. Saya bukan hendak bela dia, Tuan Yang di-Pertua. Jasa dia kepada negara cukup banyak, keamanan untuk negara cukup banyak. Pada hari itu huru-hara berlaku, masuk dalam masjid, buat huru-hara, masjid tempat orang hendak sembahyang. Kita masuk buat tunjuk perasaan tidak tentu pasal, kemudian panggil pula dia sebagai 'bapa' apa semua ini.

Tadi Yang Berhormat dari Arau kata, kalau panggil 'babi' marah, ini panggil Ketua Polis Negara, 'bapa' apa entah, sampai bubuh biru, bubuh sahajalah. Kalau Yang Berhormat dari Arau buat begitu, saya bubuh juga, cuba kata saya lebih kurang, bubuh kedua belah sekali. Panggil firaun, panggil macam-macam, Islam tidak suruh buat macam itu. Jadi, Tuan Yang di-Pertua, saya hendak warning parti-parti pembangkang, jangan sekali-kali cuba menggugatkan perpaduan dan kestabilan negara kita ini kerana anak cucu kita akan maki kita, tidak lama.

Ini sudah sampai peringkat hendak bunuh Perdana Menteri, ini kerja apa? Tergamak rakyat Malaysia kata macam itu, dalam Islam pun kalau kita marah seseorang, Tuhan sudah kata berdoa. Doa kepada Tuhan supaya Tuhan ubah hati dia, tidak boleh dengan hati dengan mulut, tidak boleh dengan mulut dengan tangan. Dengan tangan bukan suruh bunuh, bukan suruh tampar, pergi gosok elok-elok, beritahu elok-elok, Islam suruh begitu. Yang Berhormat pergi maki, adakah cara itu? Islam kata berdoa, kalau orang itu buat jahat pun doa. Ya Allah, Ya Tuhanku ubahlah perangai dia bagi jadi baik.

Tuan Yang di-Pertua, pemimpin PAS ini hendak berkawan dengan syaitan. Kita sebelum baca Quran, *[membaca sepotong ayat Quran]*. Yang hang hendak pergi berkawan buat apa dengan bapa syaitan ini, bapa ini sudah tetap masuk neraka. Jadi, saya naik confuse, Tuan Yang di-Pertua, confuse sungguh. Saya hendak tolong mereka, kesian, takut mereka masuk neraka. Mereka tidak apalah, mereka kepala jahat beri orang ini tetapi pengikut tidak tahu apa, tidakkah aniaya? Ikut, angguk, bangkit bersyarah guna ayat

Quran, orang kampung yang tidak berapa faham, bunyi Arab sedikit pun dia angguk. Padahal mereka ini bercakap kadang-kadang bahasa Melayu dialihkan ke bahasa Arab.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, minta gulung, ya.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin: Ya, saya gulung, Tuan Yang di-Pertua. Lagi satu saya minta, Suruhanjaya Siasatan kalau ditubuh tidak lama, kerja mereka siasat sahaja, jangan pandai-pandai dok beri komen. Serah sahaja kepada Yang di-Pertuan Agong, itu sudah diatur elok, jangan komen dan sebagainya, yang itu tidak kena, saya mintalah dan baru-baru ini ada kes yang tidak seronok kita dengar. Jadi Yang di-Pertuan Agong hendak buat apa, dan dia buat keputusan. Buat elok-elok, buat siasatan, bungkus elok-elok dalam buku dan serah. Ini dia, Tuanku dan Tuanku perbetul, cara itu sudah, balik rumah duduk diam-diam, jangan duduk kacau.

Sebenarnya, Tuan Yang di-Pertua, dalam hendak membuat publisiti ini, ada patut buat dan ada tidak patut buat. Tengok mahkamah sekarang ini, bawa masuk sahaja kes, keluar esok sudah ada publisiti, jadi mahkamah hendak buat keputusan macam mana? Macam ini media luar, dok attack, dok kata undang-undang kita tidak betul, yang itu tidak betul, yang ini tidak betul. Tuan Yang di-Pertua bekas hakim sudah tentu tahulah. Kita punya undang-undang, yang mereka negeri luar hendak kacau buat apa? Undang-undang kita bukan undang-undang Red Indian, undang-undang yang diluluskan oleh Dewan yang mulia ini, Tuan Yang di-Pertua. Kalau tidak kena, tidak kenalah, dia bukan kira, undang-undang dia tidak kira, kalau kita sudah buat salah, kita tanggunglah. Ini pula media, orang luar, jatuh hukum awal sebelum hakim jatuh hukum, mana boleh.

Itu kerja dia, kerja kita tengok, kalau tidak betul, kita betulkan di dalam Dewan Rakyat. Tuan Yang di-Pertua, saya juga kalau boleh hendak mencadangkan kerajaan wujud balik supaya Kementerian Kehakiman dan Menteri itu dia duduk dalam Dewan ini bertanggungjawab, dia jadi AG, macam dahulu kita ada Yang Berhormat Datuk Abdul Kadir. Dia AG, bertanggungjawab kepada Parlimen, saya hendak bercadang, kalau boleh, balik kepada itu supaya dia bertanggungjawab dan kita boleh tanya dalam Dewan Rakyat, mengenai apa-apa juga masalah, ini susah juga kadang-kadang dia jadi macam-macam.

Jadi, saya harap kalau boleh, biarlah kerajaan wujud satu kementerian, walaupun sekarang ini kita ada Timbalan Menteri, macam kelmarin Yang Berhormat dari Jelutong, dok marah Timbalan Menteri kita jaga pasal undang-undang dan saya rasa sudah eloklah Yang Berhormat Timbalan Menteri itu. Hendak ajak Tuan R. Karpal Singh dari Jelutong ini, tidak tahulah hendak kata 'Lutong' - tidak, tetapi apa kerajaan buat semua tidak kena. Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya dia ini hendak publisiti, bila keluar surat khabar, ini dia Yang Berhormat Tuan R. Karpal Singh, bila orang pergi kepada dia, dia caj mahal. Sebelum jumpa dia sudah dicaj, hendak cerita caj dia, buka fail caj lagi.

Tuan Yang di-Pertua, dia guna yang itu semua sebagai politik. Dahulu mereka cukup marah dengan Permatang Pauh, sekarang ini mereka dukung Permatang Pauh pula. Mai duduk sebelah mereka, kes mana dia caj, tidak tahulah dia caj atau tidak. Macam ini, Tuan Yang di-Pertua, kacau saya ini tidak apa ke?

Tuan Yang di-Pertua: Cukup masa, Yang Berhormat.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin: Ya, cukup masa, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Cukup masa.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin: Ya, Tuan Yang di-Pertua marah dengan saya ini. Jadi, saya hendak beritahu lagi satu.

Beberapa Ahli: [Bangun]

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin: Yang berdiri pasal apa ini? Nanti sekejap. Saya tidak tutup lagi, mana boleh. Dalam Islam disuruh hormat-menghormati. [Ketawa] Lagi satu, Tuan Yang di-Pertua, saya minta ...

Tuan Yang di-Pertua: Cukuplah.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin: Yang ini last, mustahak ini sebab ini masalah negara Tuan Yang di-Pertua. OSA ini, saya minta pegawai-pegawai kerajaan, kakitangan kerajaan dan sebagainya, taat setialah kepada kerajaan. Semua yang ada dalam Dewan ini baik-baik belaka sebab itu mereka datang, tetapi gunalah OSA (Akta Rahsia Kerajaan) ini, kadang-kadang bocor. Saya minta kerajaan memperketatkan, saya mintalah, jangan kita menjadi pengkhianat kepada negara kita, tolonglah. Yang mana tidak betul, kita betulkan elok-elok dalam Dewan ini. Yang ini saya minta dan lagi satu, Tuan Yang di-Pertua

Tuan Yang di-Pertua: Cukuplah, Yang Berhormat.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin: Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya duduk, saya hendak mengucap berbanyak-banyak terima kasih dan saya minta sekali lagi kepada seluruh parti pembangkang dan rakyat Malaysia, apa sahaja kita buat, pentingkanlah negara kita. [Ketawa] Jangan sekali-kali kita ini menjadi pengkhianat kepada negara kita, jangan sekali-kali kita ini menjadi upahan kepada dunia luar, terutama sekali parti pembangkang dan NGOs. Jangan diperalatkan, kalau kita buat yang ini, Tuan Yang di-Pertua, anak cucu kita akan maki kita. Negara kita akan jadi huru-hara, rakyat akan menderita atas pengkhianatan orang-orang kita sendiri, atas pengkhianatan orang Melayu, atas pengkhianatan rakyat Malaysia, atas perpecahan orang Islam itu sendiri.

Jadi, saya berharap parti-parti pembangkang terutama sekali PAS, baliklah kepada ajaran Islam yang sebenarnya, menghormati di antara satu sama lain dan menghormati undang-undang negara kita. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Bagan.

12.28 tgh.

Tuan Lim Hock Seng [Bagan]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Dengan hati yang sedih dalam Dewan ini, kami telah kehilangan dua kerusi iaitu satu kerusi dari Kota Melaka. Kelayakannya telah dilupuskan dan pagi ini, saya dengar berita bahawa bekas Timbalan Perdana Menteri iaitu Ahli Yang Berhormat dari Permatang Pauh telah disalahkan keempat-empat tuduhan dan setiap tuduhan dikenakan penjara 6 tahun, iaitu bermakna beliau perlu dimasukkan ke dalam penjara selama 24 tahun kalau ikut tafsiran, tetapi semua dijalankan

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, ambil tahu dahulu. Adakah consecutive ataupun

Tuan Lim Hock Seng: Consecutive, itu pasal. Jadi ...

Tuan Yang di-Pertua: Concurrent, Yang Berhormat.

Tuan Lim Hock Seng: Kalau ikut tafsiran 24 tahun.

Seorang Ahli: Concurrent!

Tuan Lim Hock Seng: Tetapi dijalan serentak, jadi dia perlu masuk ke penjara selama 6 tahun. Jadi, saya merasa sedih kerana kehilangan dua kerusi dalam Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya sebenarnya merasa sungguh sedih, tidak hendak menyentuh perkara ini dan saya terus pergi ke satu topik yang sangat hebat dibahas dalam Dewan ini iaitu satu malapetaka yang sedang melanda negara kita ini.

Pada 10 April 1999 Menteri Kesihatan telah mengaku bahawa beliau telah mendapat satu pengesahan malapetaka yang melanda negara kita, yang meragut lebih kurang 100 nyawa adalah disahkan sebagai satu virus Hendra-like.

Tetapi dalam perbincangan yang bermula pada hari Selasa semasa menjawab soalan lisan, beliau juga berdegit bahawa wabak ini adalah JE dan mind set ini telah ditanam kepada seluruh rakyat, bahkan di dalam Dewan yang mulia ini. Ahli-ahli Yang Berhormat apabila menyentuh perkara wabak ini mereka kata JE, JE, JE. Tuan Yang di-Pertua, saya petik Hansard 6.4.99 iaitu hari Selasa muka 16 yang dibangkitkan soalan tambahan oleh Ketua Pembangkang yang berbunyi: *"Tadi Yang Berhormat Menteri kata bahawa ini adalah tragedi JE. Bukankah ini sebenarnya bukan satu tragedi JE, tetapi satu tragedi malapetaka di mana Kementerian Kesihatan salah identify, salah diagnosis, salah treatment, salah handling yang menyebabkan orang-orang di Bukit Pelandok semua tidak patut mati, meninggal dunia"*.

Tuan Yang di-Pertua, jawapan dari Yang Berhormat Menteri Kesihatan berbunyi: *"Pakar-pakar epidemiology Malaysia, pakar-pakar luar negara telah sahkan JE, hanya Yang Berhormat dari Tanjong lebih pakar dari pakar"*.

Masih satu jawapan tambahan lagi yang dijawab oleh Menteri Kesihatan. *"Saya sendiri telah bertemu dengan Profesor Lam Sai Kit tidak kurang dari enam kali, Yang Berhormat, untuk berbincang dengan beliau mengenai penemuan virus JE ini"*. Ini menunjukkan pada hari Selasa Yang Berhormat Menteri Kesihatan masih memegang teguh kepada pendapat beliau bahawa virus ini bukan yang lain iaitu JE sahaja. Tuan Yang di-Pertua, pada 8.4.1999 iaitu hari Khamis, semasa dalam perbincangan Titah Diraja, Ketua Pembangkang mengambil masa 2 jam 45 minit untuk membahaskannya. Antara perbincangannya, beliau telah mengambil kebanyakan masanya untuk membahas wabak atau malapetaka ini dengan merujuk kepada maklumat-maklumat yang beliau terima dari Internet, dari mass media, terbitan atau yang lain-lain untuk mencabar kedaifan dan kelalaian Kementerian Kesihatan.

Tuan Yang di-Pertua, beliau juga ada petik dalam Hansard 8.4.1999 iaitu hari Khamis, saya baca. Beliau ada petik bahawa terdapat satu E-mail dalam Internet yang berbunyi:

"Is there a possibility that the government is still refusing to publicly acknowledge that the outbreak is due solely to the Hendra-like virus, but instead claiming that there are two viruses. In order to cover their.....(dengan perkataan yang tidak seronok) over the couple of hundred thousand doses of JE vaccine that has been ordered?"

Mereka telah menempah beratus ribu doses of vaccine, dengan izin, dan 300,000 doses dengan RM100 per dose itu bermakna RM30 million telah dibelanjakan dalam menempah vaksin ini. Not to mention the few hundred thousand doses that have been allocated to vaccinate pig in unaffected area. Ini untuk 300,000 doses untuk yang terlibat sahaja. Ada banyak lagi yang ditempah untuk tempat-tempat yang lain. If this is just showed that Hendra-like virus is slowly responsible for the operate than the JE vaccination are not going to have at all - Jikalau terdapat Hendra-like virus bermakna vaccine JE tak guna langsung.

Satu lagi E-mail, Tuan Yang di-Pertua, yang berbunyi, dengan izin

"I have a theory that the Malaysian Government was too arrogant and let pride get in the way when they didn't even want to contact the Atlanta - CDC earlier after the recent US-bashing orgy, the last thing they wanted to do was to get help from the Americans. I reckon they preferred to save face, than life".

Tuan Yang di-Pertua, dengan bukti-bukti demikian kami boleh nampaklah selepas desakan-desakan dari Ketua Pembangkang pada hari Khamis, barulah pada hari Sabtu beliau mengakui bahawa ini betul-betul adalah satu jenis virus iaitu Hendra-like virus yang menyebabkan kebanyakan kematian mangsa-mangsa itu. Dalam perkara yang sama pada masa perdebatan itu Ahli-ahli dari pemerintah khususnya dari MCA telah menanya satu soalan, apa sumbangan DAP dalam membantu mangsa-mangsa melapetaka ini. Pada masa itu mereka menanya kepada pembangkang berapa jumlah kutipan derma yang DAP sanggup kutip untuk mereka. Pada pendapat DAP, Tuan Yang di-Pertua, kami adalah satu parti yang tidak serupa dengan parti pemerintah MCA di mana-mana mereka berkata mereka hanya tumpu kepada wang ringgit sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, pada masa itu Ketua Pembangkang ada menjawab bahawa ini melapetaka berkenaan dengan nyawa manusia dan para menteri-menteri khususnya kaum China dalam Kabinet perlu menumpukan perhatian mereka dalam menyelidik dengan mendalam dari mana penyakit ini dan apa penyakit ini supaya kerajaan boleh ambil tindakan yang lebih tepat untuk mencegah wabak ini menjangkiti ke lain-lain tempat.

Dato' Hon Choon Kim: [Bangun].

Tuan Yang di-Pertua: Seremban bangun, Yang Berhormat.

Tuan Lim Hock Seng: Nanti, saya ingat saya tidak ada masa, sebab ada banyak topik yang saya hendak sentuh.

Dato' Hon Choon Kim: Takut kah?

Tuan Yang di-Pertua: Dia tak benarkan.

Dato' Hon Choon Kim: Bagilah satu.

Tuan Lim Hock Seng: Kalau ada masa saya boleh beri. Para pemimpin khususnya menteri-menteri kaum China dalam Kabinet patut menjalankan satu penyelidikan supaya boleh mengesan punca wabak ini dan hal mengutip derma untuk membantu mangsa-mangsa ini boleh dijalankan oleh persatuan-persatuan atau lain-lain association supaya sama-sama rakyat dengan kerajaan boleh bekerjasama. Kita melawan dengan masa, kita lawan masa untuk menentang wabak ini.

Tuan Yang di-Pertua, selepas pengumuman pengakuan wabak ini adalah jenis Hendra-like, maka timbullah beberapa soalan iaitu berkenaan dengan keluarga mangsa, mereka merasa keluarga mereka atau mangsa mati kerana salah dirawat dan mungkin ubat-ubat rawatan atau dipakai untuk merawat itu salah. Mereka merasa ini satu kelalaian kerajaan dan bagaimanakah kerajaan boleh memberi satu penjelasan atau satu keadilan kepada mereka selepas mangsa-mangsa atau keluarga mereka ini telah meninggal kerana kelalaian kerajaan ini dan sama ada perbelanjaan beratus-ratus million ringgit ini untuk menempah vaksin JE atau menyembur kabus-kabus untuk mengawal atau memusnah nyamuk-nyamuk ini masih perlu dijalankan.

Tuan Yang di-Pertua, dan lepas itu berbangkitlah juga soalan-soalan bersabitkan iaitu kerajaan negeri masing-masing khususnya Pahang dan Melaka telah memerintahkan supaya industri penternakan binatang ini perlu ditutup sama sekali. Adakah penutupan atau pemusnahan industri perternakan ini jalan yang betul. Adakah jikalau berlakunya satu wabak dan seluruh industri ini tidak dapat dijalankan dan bagaimanakah kerajaan hendak

mengatasi satu masalah kemudian iaitu terhadap keperluan kaum-kaum yang bukan Islam. Adakah kita, dengan menutupkan industri ini masalah telah diselesaikan. Ini belum selesai, Tuan Yang di-Pertua. Pada pendapat saya, kami akan menghadapi satu masalah yang susah dan cukup besar kerana keperluan kaum-kaum yang bukan Muslim.

Tuan Yang di-Pertua, selepas pengakuan ini iaitu ia bukan satu jenis JE adakah kerajaan mahu memperbetulkan segala-gala tajuk-tajuk iaitu terbitan surat khabar, circular atau 'otak-otak' rakyat, 'otak' Ahli Parlimen di dalam Dewan ini, bahawa jangan lagi kita mengelirukan rakyat dengan perkataan-perkataan JE sahaja, sebenarnya ini adalah satu virus yang lain.

Tuan Yang di-Pertua, pampasan yang diberi kepada penternak-penternak dengan RM50 untuk seekor binatang itu, saya ingat ini adalah sangat kecil dan tidak mencukupi kerana untuk membiakkan atau menternak seekor binatang seperti itu ia memerlukan lebih kurang RM250 dan RM50 itu memang tidak cukup.

Tuan Yang di-Pertua, bantuan-bantuan kewangan dan juga bagaimana hendak menolong mereka untuk memulihkan industri ini. Tuan Yang di-Pertua, saya gembira mendengar bahawa Hong Leong Bank telah mula menerima permohonan dari penternak-penternak untuk memberi pinjaman kepada mereka. Ini adalah satu tindakan yang baik tetapi saya hendak bertanya kepada kerajaan, Bank Pertanian sebuah bank ditubuhkan sebenarnya tujuannya adalah untuk memberi pertolongan kepada penternak-penternak dan peladang-peladang, apa peranan mereka selepas peristiwa ini,

Datuk Lim Si Chai: [*Bangun*]

Tuan Hoo Seong Chang: [*Bangun*]

Tuan Yang di-Pertua: Ya, bangun untuk apa Yang Berhormat. Penjelasan, hendak beri jalan atau tidak.

Tuan Lim Hock Seng: Tuan Yang di-Pertua, saya ingat saya tidak ada masa, hanya setengah jam sahaja. Saya masih ada tiga, empat perkara hendak sentuh. Kalau saya ada masa, saya mesti boleh beri. Tuan Yang di-Pertua, bukan hal takut, ini kerana masa.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan pemansuhan Akta Kawalan Sewa 1997, apabila Rang Undang-undang ini dibahas di dalam Dewan ini, tentulah ia telah diluluskan dan ia akan berkuat kuasa pada hujung tahun ini iaitu 1 Januari 2000. Pada masa ini ramai penduduk dalam bangunan-bangunan yang dikawal sewa ini mereka mendapati kesukaran untuk mencari tempat kediaman dan juga menghadapi kesukaran untuk menyewa di mana-mana tempat. Dalam perbincangan rang undang-undang tersebut, kami di sebelah sini telah mendesak kerajaan supaya tempoh penguatkuasaan ini dimulai dari tahun 2003, iaitu memberi mereka lima tahun untuk mencari satu penyesuaian, tetapi malangnya dalam Dewan yang mulia ini, kebanyakan Ahli-ahli Yang Berhormat telah menyokong supaya pemansuhan ini dijalankan atau dikuatkuasakan pada tahun 2000 ini. Berbangkit dengan pemansuhan ini mereka telah pergi mencari di merata-rata untuk mendapat rumah atau kediaman-kediaman mereka dan antara satu projek yang mereka pergi membeli rumah adalah di Paya Terubong iaitu Majestic High.

Tuan Yang di-Pertua, dalam projek ini pembelinya lebih kurang ada 3,500 orang, bermakna ada 3,500 unit dan mereka telah menempah unit-unit ini tetapi sehingga sekarang masalah telah timbul iaitu fasa I mereka tidak mendapat kunci tetapi sudah satu tahun mendapat kunci tidak dapat duduk kerana persiapan-persiapan infrastruktur-infrastruktur tidak sempurna dan fasa II juga, mereka telah dapat kunci tetapi kemudahan-kemudahan seperti lif, seperti sambungan air dan elektrik langsung belum ada lagi.

Phase yang ketiga hanya sampai substructure sahaja, dengan izin, dan mereka sekarang adalah dalam kesusahan kerana kawalan sewa akan dimansuhkan pada akhir tahun ini dan rumah mereka tidak dapat disiapkan. Ini adalah antara satu bahagian penduduk-penduduk yang terlibat sahaja, tidaklah dikatakan lagi ada ramai penduduk atau orang-orang yang terlibat dalam pemansuhan ini menghadapi kesukaran.

Tuan Yang di-Pertua, maka dengan ini saya memintalah kerajaan dalam masa kegawatan ekonomi ini kemajuan projek-projek atau segala-gala kemajuan projek telah dilambat-lambatkan, maka adalah munasabah bahawa kerajaan boleh menanggung lagi tempoh pemansuhan Akta Kawalan Sewa ini seperti pada mulanya dicadangkan oleh DAP iaitu lima tahun berkuatkuasa pada tahun 2003.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan kenaikan kadar tol. Selepas bantahan demi bantahan ke atas kenaikan tol, akhir-akhirnya naik juga pada 1 Mac 1999, lebih-lebih lagi kerajaan perlu membayar RM200 juta kepada konsesi-konsesi lebuhraya. Dengan kenaikan kadar tol ini, rakyat perlu menanggung kadar tol ini buat satu tahun yang akan datang. Dengan datangnya tahun hadapan, ia akan naik lagi, tetapi satu pengumuman oleh Menteri Kerja Raya bahawa mereka telah mencapai satu persetujuan bahawa kenaikan tol hanya akan dibenarkan lima tahun sekali sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak ingat itu satu kenyataan yang simple kerana pada tahun ini kerajaan membenarkan mereka menaikkan kadar tol 6%, kalau ikut pengumuman Menteri Kerja Raya, lima tahun baru dapat dibenarkan atau disemak untuk kenaikannya, adakah ini bermakna ia akan naik 30% atau 5% sahaja. Kalau dibenarkan dinaikkan tol ini dalam lima tahun yang akan datang dengan kadar 6% semua orang memberi sokongan. Tetapi pada pendapat saya bukan simple seperti itu sahaja, ia mestilah mungkin lebih daripada 30%.

Tuan Yang di-Pertua, juga ada satu terma di dalam kontrak iaitu jikalau konsesi mendapat satu traffic volume yang melebihi unjurannya, kerajaan boleh dapat sebahagian keuntungan dari itu atau sebahagian kutipan dari itu, tetapi sehingga masa sekarang adakah kerajaan pernah mendapat bahagian itu? Kita cuma dengar kerajaan memberi pampasan, tidak dengar konsesi ada memberi keuntungan atau sebahagian kutipan itu kepada kerajaan.

Juga diketahui bahawa tempoh konsesi ini dilanjutkan kepada tahun 2030, sebenarnya konsesi patut tamat pada tahun 2018, tetapi sekarang dilanjutkan kepada tahun 2030, bermakna anak cucu kami akan menanggung beban membayar tol ini.

Tuan Yang di-Pertua, adakah rakyat jelata perlu menanggung segala-gala perbelanjaan boros PLUS demi membiayai pembayaran untuk beberapa perkara seperti berikut.:

- (i) RM360 juta untuk membayar kepada bangunan Putra World Trade Centre iaitu sebuah bangunan UMNO;
- (ii) RM300 juta untuk menyelesaikan penceraian perkahwinan;
- (iii) memiliki dua pesawat jet eksekutif;
- (iv) menggunakan RM2,000 juta pinjaman tanpa faedah dari kerajaan untuk memperolehi lima buah syarikat senarai BSKL;
- (v) PLUS boleh menawar RM8.41 bilion untuk menyelamatkan UEM dan Renong.

Tuan Yang di-Pertua, semua ini perlu dijelaskan oleh kerajaan untuk menjustifikasikan, kenaikan kadar tol.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, minta gulung ya.

Tuan Lim Hock Seng: Minta gulung, baiklah.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin sentuh berkenaan dengan tindakan kekerasan atau tindakan cuai yang dilakukan oleh pihak polis. Saya dapat satu jawapan dari soalan saya ini iaitu dalam tempoh sepuluh tahun kebelakangan ini, perangkaan kes di mana Polis Diraja Malaysia telah disaman oleh rakyat kerana menyebabkan kecederaan dan kematian nyawa adalah sebanyak 240 kes dalam sepuluh tahun. Ini sahaja yang rasmi, banyak lagi kes yang terlibat dengan kekerasan ini tidak diambil tindakan.

Di dalam peristiwa ini, iaitu pada 2 Oktober 1998 ada lima suspect termasuk seorang wanita India yang hamil telah ditembak mati dan selepas itu ada juga satu kumpulan orang India ditembak mati di Tumpat iaitu enam orang dan juga seorang kerani Bank Simpanan Nasional ditembak mati pada 8 Januari 1999, namanya Mohamad Jailani bin Mohamad Saleh berumur 33 tahun.

Ketiga-tiga kes ini menunjukkan mangsa-mangsa yang terkorban ini belum dapat satu keadilan kerana siasatan dalaman oleh pihak polis berkata bahawa pihak polis menembak mereka kerana ada alasan-alasan yang munasabah tetapi bolehkah kita menerima siasatan dalaman ini seperti apa yang telah berlaku kepada bekas Timbalan Perdana Menteri, siasatan dalaman tidak diterima. Selepas satu Suruhanjaya Siasatan ditubuhkan maka jenayah itu didapati dilakukan secara yang lain pula.

Jadi, dalam hal ini saya menyeru kerajaan supaya menyiasat dengan dalamnya dan satu siasatan yang lebih independent untuk menyiasat ketiga-tiga kes ini. Jikalau terdapat kelalaian atau kecuaihan pihak polis maka kerajaan perlu menanggung kewajipan atau tanggungjawab ini. Dengan ini, sekian sahaja. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Sri Aman.

12.58 tgh.

Tuan Jimmy Donald [Sri Aman]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana mengizinkan saya berucap. Jadi, saya akan menyentuh beberapa perkara dalam beberapa kementerian.

Tuan Yang di-Pertua, masalah yang pertama kita ini adalah negara yang setiap hari diperlukan mengisi borang. Jadi, saya di sini menyentuh tentang hal penduduk-penduduk di Semenanjung Malaysia dan di Sarawak, tetapi lebih-lebih lagi di Sarawak dan di Sabah yang kami rasa tidak diiktiraf.

Tuan Yang di-Pertua, maksud saya ialah begini. Setiap kali budak-budak sekolah, orang dewasa di Sabah, di Sarawak mengisi borang dalam ruang sana hanya tiga sahaja ataupun empat. Keturunan India, Melayu, Cina dan lain-lain. Sejak saya di bangku sekolah dahulu, sejak kita di Sarawak masuk Federation of Malaysia, kita merasa tidak puas hati, kita merasa marah sedikit oleh kerana kehadiran kita, kemunculan kita di Malaysia ini tidak diakui. Kita rasa tidak dihormati, apa sebab, pada hal di Sarawak jumlah orang yang berketurunan Dayak lebih 50%, Cina 30%, pada masa itu Melayu 18%, sekarang lebih 30%.

Jadi, mengapakah rakyat penduduknya yang begitu besar tidak diiktirafkan. Dan sekarang juga apabila murid-murid yang sudah keluar, sudah lulus dari Tingkatan 5 dan Tingkatan 6, mereka hendak memohon masuk ke universiti, masuk ke kolej-kolej ataupun

masuk ke ITM, mereka juga merasa marah, mereka merasa mereka tidak terpelihara oleh kerana apabila tentang keturunan mereka dalam kotak 'Lain-lain', bukan 'Melayu', bukan 'Cina', bukan 'India' tetapi dalam kotak 'Lain-lain'. Ini saya rasa adalah sikap untuk kerajaan yang sepatutnya, yang saya rasa memang prihatin terhadap perasaan rakyat, tidak patut diteruskan sikap yang begini.

Tuan Yang di-Pertua, pada masa sekarang kita sudah masuk ke zaman IT dan dalam zaman IT kita tidak patut kekurangan ruang oleh kerana melalui IT, melalui komputer kita boleh membuat tiga hingga tujuh ribu ruang, tidak terhad, kerana itulah negara kita Malaysia ini ingin sangat melompat kepada zaman IT supaya apa yang susah dibuat pada masa yang dahulu boleh kita buat sekarang.

Saya menyeru kepada Jabatan Perdana Menteri supaya mengadakan satu arahan supaya kehadiran, the existence of the various races in Malaysia will be acknowledge, dengan izin.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, minta sambung sebelah petang ya.

Tuan Jimmy Donald: Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, Mesyuarat ditangguhkan hingga 2.30 petang.

Mesyuarat ditempohkan pada pukul 1.00 tengah hari.

Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang.

[Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat] *mempengerusikan Mesyuarat*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Yang Berhormat Sri Aman diminta sambung.

2.31 ptg.

Tuan Jimmy Donald: Selamat petang, salam sejahtera, Tuan Yang di-Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat, pegawai-pegawai yang di depan saya dan juga pelawat-pelawat yang di belakang.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, saya mula sekali lagi dengan mengesyorkan supaya apabila kita membuat borang untuk apa-apa di mana kita terpaksa menyenaraikan keturunan rakyat-rakyat Malaysia, saya rasa adalah elok kalau keturunan itu disenaraikan supaya kita berbangga duduk di Malaysia ini kerana kita sebenarnya memang benar-benar datang dari negara yang berbilang kaum oleh kerana selama ini yang kita nampak kaum yang tersenarai di borang-borang yang kita perlu isi adalah India, Cina, Melayu dan lain-lain. Ini yang menimbulkan perasaan yang tidak sedap, salah sangka hinggakan apabila murid-murid dari Sarawak, dari Sabah memohon masuk ke Universiti kata mereka, "kami ini orang bumiputera tapi kami rasa kami adalah bumiputera kelas dua. Mengapa? Oleh kerana kami tidak disimpan dalam kotak yang sama dengan bumiputera keturunan Melayu." Jadi kata mereka sebenarnya di universiti-universiti di Malaysia ada dua sistem dalam komputer. Satu sistem untuk bumiputera Melayu, satu sistem untuk bumiputera bukan Melayu. Saya rasa ini memanglah tidak betul tetapi oleh kerana kita malas, cuai, tidak menjalankan tugas dengan sensitif jadi kita membuat kotak yang macam ini dan timbullah beberapa sangkaan yang tidak sihat walaupun tidak disengajakan.

Jadi saya mintalah pegawai-pegawai yang di hadapan saya nanti apabila balik bagi tahu kepada kementerian bahawa inilah saranan saya, inilah permintaan dari saya dan saya rasa, Tuan Yang di-Pertua, apabila kementerian-kementerian membuat perancangan misalnya Kementerian Pembangunan Luar Bandar, Kementerian Pertanian ataupun

kementerian yang lain, saya rasa perancangan mereka akan menjadi lebih teliti, lebih sensitif, lebih bermakna. Kalau mereka tahu di kawasan itu ramai orang yang keturunan Bidayuh, di kawasan itu ramai orang yang keturunan Iban, di kawasan itu ramai orang keturunan Kayan dan dapatlah kita mengambil kira sensitiviti-sensitiviti tiap-tiap kaum.

Tuan Yang di-Pertua, saya haraplah selepas kita merdeka begitu lama dari tahun 1963 hingga sekarang 1999, 39 tahun perkara yang seperti ini yang sepatutnya kecil tidak akan ditimbulkan lagi.

Yang kedua, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh Kementerian Pendidikan. Saya mengucapkan ribuan terima kasih, syabas dan tahniah kepada Kementerian Pendidikan kerana telah mengambil langkah-langkah untuk membina rumah guru dan juga memperbaiki asrama-asrama dan juga bilik-bilik darjah di Sarawak. Tetapi, Tuan Yang di-Pertua, saya rasa langkah ini patut diperhebatkan lagi dan saya rasa saya minta peruntukan untuk pembelian bahan pelajaran, supply of material patutlah ditambahkan oleh kerana di sekolah-sekolah di pedalaman di Sarawak murid-murid adalah datang dari keluarga yang miskin dan mereka tidak mampu untuk membantu pihak sekolah untuk membeli bahan-bahan untuk pelajaran mereka. Walaupun ada wang mereka tidak ada juga pekan-pekan yang cukup besar di mana bahan pelajaran ini dapat dibeli oleh mereka dan lebih eloklah kalau Jabatan Pendidikan membekalkan dan membeli secara sendiri bahan-bahan pelajaran.

Pakaian seragam juga, Tuan Yang di-Pertua, saya rasa harus diberi kepada penduduk-penduduk di pedalaman, pada murid-murid di pedalaman di Sarawak oleh kerana mereka tinggal di tempat yang belum dibangunkan dan kadang-kadang kelapa sawit pun tidak ada, getah pun tidak ada, koko pun tidak ada, jadi mata pencarian mereka sangat terhad. Dan juga oleh kerana Sarawak adalah selalu disebut keluasannya begitu besar, jadi sekolah menengah dan sekolah rendah bertaburan di pedalaman. Jadi jarak antara satu sekolah dan satu lagi sekolah adalah jauh, jarak di antara sekolah dan rumah panjang adalah jauh. Jadi saya cadangkan murid yang belajar di sekolah rendah patutlah diberi rancangan makanan tambahan supaya masa separuh waktu mereka boleh belajar dan mereka tidak lapar.

Juga, Tuan Yang di-Pertua, saya nampak di Sarawak, asrama walaupun sudah dibaiki, dibaiki dinding, dibaiki bumbung itu sahaja tetapi kemudahan yang lain tidak ada. Jadi oleh kerana rumah panjang itu jauh dari sekolah, jadi murid yang di darjah satu pun sudah ditinggalkan oleh emak dan bapa mereka di asrama dan penjaga mereka hanya seorang tukang masak itu, sahajalah yang masak, yang menjaga mereka dan saya haraplah jumlah Pembantu Am Rendah (PAR) yang menjaga mereka ini boleh ditambahkan.

Kedua, saya minta PAR ini yang menjaga murid-murid yang dalam darjah satu yang masih menangis pada waktu malam ini, PAR ini akan diminta membasuh, mencuci pakaian seragam murid ataupun pakaian-pakaian lain murid-murid yang dalam darjah satu, dua, tiga, empat, lima, enam ini dan juga saya minta supaya mereka disediakan, diberi dengan katil dan tilam-tilam oleh kerana kalaulah anak kita di Kuala Lumpur ini, Tuan Yang di-Pertua, saya rasa satu jam pun kita tidak mahu jauh dari rumah tetapi di sana mereka memang berkorban emak, bapa dan juga murid-murid.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya tentang mata pelajaran untuk Peperiksaan SPM. Untuk masa sekarang dalam mata pelajaran Lukisan – dalam bidang ukiran. Arahan yang kita terima apabila murid dinilai, diperiksa tentang mata pelajaran Lukisan ini mereka diminta membuat ukiran yang berdasarkan ukiran dari Semenanjung, dengan izin, this is well and good, Saya juga bersetuju supaya kita pun tahu macam mana kebudayaan kawan-kawan kita di Semenanjung sini tetapi saya rasa tidak elok kalau kita menutup ukiran-

ukiran yang sedia ada di Sarawak dan di Sabah, padahal Sarawak dan Sabah begitu kaya dengan ukiran asli mereka. Pada masa sekarang murid-murid tidak dibenarkan untuk mempersembahkan ukiran-ukiran yang dipelajari dari nenek moyang mereka. Saya rasa Kementerian Pendidikan harus meneliti semula keputusan yang seperti ini oleh kerana keputusan seperti ini tidak baik dan juga tidak menguntungkan mana-mana pihak. Sarawak dan Sabah juga terkenal dengan ukiran dan kebudayaan – tarian dan berbagai-bagai lagi perkara yang menarik hinggakan pelancong hendak pergi ke sana tetapi kalau kita minta satu sahaja ukiran, generasi yang akan datang akan kehilangan pengetahuan tentang ukiran nenek moyang mereka dan kita semua rugi sebagai sebuah negara.

Tuan Yang di-Pertua, yang kedua, tiap-tiap hari kita menyebutkan hingga kita bosan. Kita hendak melangkah sebagai industrialize nation, kita inginkan tahun 2020 kerana pada tahun yang ajaib itu nanti kita menjadi negara yang sudah maju tetapi saya risau, saya takut nanti pada tahun 2020 kita menjadi negara yang sudah maju tetapi kita sebagai negara pengguna sahaja. Kawan saya telah menyebut mengapa kita di Malaysia tidak pernah menjadi penerima Nobel Prize. Saya rasa ini adalah kerana murid-murid kita, sistem kita masih lemah dalam bidang fizik, matematik dan sains. Saya tidak nampak usaha yang berterusan, usaha yang memang hebat untuk meninggikan keprihatinan kita terhadap fizik, matematik dan sains. Oleh kerana itu saya rasa negara kita akan menjadi negara pengguna sahaja, bukan orang yang pandai mereka oleh kerana kita tidak tahu mengapa ini dibuat, apa sebab itu dibuat dan ramai murid kita lebih-lebih lagi murid daripada kaum bumiputera mereka lemah dalam fizik dan matematik. Saya rasa Kementerian Pendidikan patutlah berkempen dan mengambil langkah bimbingan dan kaunseling dan juga mungkin memberi prize kepada murid-murid yang pandai, cerdik dan menonjol dalam bidang-bidang ini.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya akan menyentuh Dewan Bahasa dan Pustaka. Saya sangat berterima kasih kepada Dewan Bahasa dan Pustaka yang telah menjalankan tugas dengan begitu berkesan, efektif dan juga mempertahankan kedaulatan bahasa Malaysia. Bahasa yang kita semua harus tahu, bahasa di mana kita semua dapat gunakan untuk urusan harian kita tetapi saya minta juga Dewan Bahasa dan Pustaka mengadakan kempen supaya kita di Malaysia ini dapat membaca buku-buku dalam bahasa Malaysia. Saya juga minta Dewan Bahasa dan Pustaka berkempen supaya kita di Malaysia ini tahu tentang asal usul kita, tahu tentang kebudayaan kita, fasih dengan sastera kita di Semenanjung, Sarawak dan Sabah. Saya juga meminta Dewan Bahasa dan Pustaka mengumpul dengan lebih giat lagi semua cerita sastera daripada semua suku kaum di Sarawak, Sabah dan Semenanjung ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mengesyorkan supaya Tingkatan Empat dan Lima mempelajari Sastera Melayu dan Sastera Melayu yang dipelajari oleh murid-murid kita hingga masa sekarang adalah yang ditulis di Semenanjung dan juga yang berdasarkan Sastera Melayu. Saya rasa sudah tiba masanya di mana kita juga mengambil sebuah atau dua buah buku, satu jodol ataupun dua dari Sabah dan Sarawak supaya murid-murid yang mempelajari Sastera Malaysia akan tahu Sastera Malaysia yang sebenar yang terdiri daripada suku kaum Melayu, Kadazan Dusun, Iban, Bidayuh ataupun Kayan Kenyah. Dengan izin, then we all will live happily ever after because we understand each other better. Ini yang saya mahu tekankan pada hari ini.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya ingin menyentuh tentang Kementerian Pembangunan Luar Bandar. Kementerian ini telah banyak menolong saya dan juga rakan-rakan saya di Sarawak dengan membekalkan, kata orang Sarawak, air dan elektrik. Tanpa kementerian ini saya rasa kawasan saya masih mundur tetapi dengan pertolongan daripada kementerian ini kawasan saya sedang dan telah dibangunkan tetapi masih tidak mencukupi.

Kita masih memerlukan jalan kampung, kita masih memerlukan api dan juga kita masih memerlukan air. Jadi, kadang-kadang kita merasa iri hati bila kita mendengar kita sudah ada Putrajaya, Multimedia Super Corridor, bercakap tentang komputer tetapi di kawasan saya ramai penduduk masih duduk dalam gelap. Kalau sudah pukul 6.00 petang sudah gelap. Air terpaksa pergi ke sungai. Jadi, kalau kita bercakap tentang Multimedia Super Corridor, komputer ataupun TV ini tidak bermakna. Jadi, saya harap peruntukan yang lebih banyak lagi akan diberi kepada kawasan-kawasan saya, lebih-lebih lagi kalau dalam bidang bekalan elektrik, saya minta kawasan saya, kampung saya sendiri pun sebahagian besar masih belum ada bekalan elektrik. Permintaan saya belum dapat dilayan dan kalau kawasan di mana Ahli Yang Berhormat itu sendiri tinggal masih belum dibekalkan dengan elektrik, macam mana dengan kawasan orang lain. Keadaan seperti ini sungguh memalukan kita dan juga saya rasa pemerintah yang diwakili oleh saya. Tuan Yang di-Pertua, saya harap kawasan saya di Sabu, Temedok, Lepung Simpai, Hulu Undup, Pantu patutlah.

Tuan Yang di-Pertua, saya duduk di bandar Sri Aman dan kawan saya yang terdekat ialah Yang Berhormat dari Serian tetapi di antara Serian dan Sri Aman terdapat beberapa pekan dan pekan ini tidak dibekalkan dengan elektrik. Jadi, apabila tourist datang mereka menggunakan Pan-Borneo Highway, bila mereka datang ke pekan ini, gelap! Terpaksa cari api dahulu baru dapat menggoreng mee, memberi mereka makan apabila mereka berhenti di Pekan Sungai Tengang atau di Pekan Lacau. Jadi, macam manakah kita tolerate, dengan izin, bas-bas yang membawa orang dari Amerika Syarikat, Britain, Germany, France dan apabila mereka datang ke kawasan saya, cari lampu gas – pam dahulu baru ada api. Jadi, Tuan Yang di-Pertua, saya rasa perkara yang seperti ini telah beberapa kali saya sentuh. Saya harap perkara ini dapatlah disegerakan.

Tuan Yang di-Pertua, selepas itu Kementerian Pembangunan Luar Bandar, sebenarnya mempunyai program-program, rancangan-rancangan yang baik. Mereka mendaftarkan penduduk-penduduk yang termiskin di bawah program PPRT mereka tetapi cara program ini dijalankan sungguh tidak memuaskan, bukan kerana kesalahan dari kementerian tetapi cara pengendalian. Mungkin oleh kerana kita tidak tahu cara yang lebih elok.

Pada masa sekarang Tuan Yang di-Pertua, orang yang miskin didaftarkan melalui kakitangan Kementerian Pertanian Negeri Sarawak. Jadi, pegawai-pegawai dari Kementerian Pertanian Negeri Sarawak mereka ada tugas mereka sendiri. Jadi, apabila mereka ada senang mereka buat, kalau tak senang tak buat tetapi kebiasaannya mereka tidak senang. Jadi, borang-borang yang diberi oleh kementerian ini dibubuhkan saja di bawah meja mereka ini. Jadi, kerana itulah pada satu ketika dulu, tahun yang dulu terdapat, apabila pulangan diberi di kawasan kawan saya di Lubuk Antu hanya seorang sahaja yang miskin. Jadi, kalau kita lihat, bagus, tidak ada orang miskin di Lubuk Antu tetapi cerita yang sebenar ialah borang ini tidak pernah dijalankan. Oleh kerana itu tidak ada pulangan yang sebenar. Jadi, itu masalah yang pertama.

Masalah yang kedua, ada juga pegawai-pegawai KEMAS yang dapat menolong, ingin membantu tapi mereka ini tidak diberi allowance perjalanan dan oleh kerana mereka tidak diberi elaun perjalanan, jadi mereka tidaklah dapat berjalan untuk membuat bancian di mana orang yang memerlukan sokongan, di mana yang tidak dan ada juga program-program dari Kementerian Pembangunan Luar Bandar ini dijalankan melalui pejabat pegawai daerah tempatan dan cerita di pejabat pegawai daerah pun sama juga Tuan Yang di-Pertua oleh kerana SAO ataupun Sarawak Administrative Officers yang bekerja di bawah tuan pegawai daerah adalah orang yang sibuk, mereka ada tugas-tugas harian

mereka sendiri dan mereka tidak ada masa untuk menjalankan tugas yang diminta oleh Kementerian Pembangunan Luar Bandar.

Jadi, akhirnya juga semua borang tidak diisi, jadi kita pun tidak tahu gambaran yang sebenar. Apa yang terjadi program-program yang ingin kita perkenalkan kepada rakyat di Sarawak tidak diperkenalkan. Jadi, bantuan yang ingin kita beri tidak dapat kita beri. Mengapa? Oleh kerana kita tidak ada maklumat yang betul, kita tidak ada maklumat yang tepat.

Yang seterusnya Tuan Yang di-Pertua, saya ingin melahirkan rasa risau saya terhadap masalah penghijrahan pekerja asing ke Malaysia. Kawasan saya Tuan Yang di-Pertua adalah berdekatan dengan Indonesia, kalau Tuan Yang di-Pertua berjalan dari Kuching ke Sri Aman sepanjang jalan kita dapat tengok sempadan. Yang saya dapat tengok Tuan Yang di-Pertua orang-orang yang berhijrah ke Malaysia mereka tidak pernah pulang walaupun mereka ada pass yang sah, yang ada pass yang sah pun mereka tidak pernah pulang, yang tidak ada pass yang sah, tiada pass langsung pun tidak pernah pulang. Apa yang terjadi, mereka duduk di rumah panjang, menjadi penghuni rumah panjang dan mereka menggunakan kemudahan-kemudahan yang ada seperti sekolah, klinik dan pada akhirnya saya nampak mereka berlagak, lebih hebat dari orang tempatan yang duduk di kawasan itu.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua saya rasa kalaulah masalah ini diterjemahkan kepada national level, I think dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, we are going to have a very big problem. Kita tengok masa tahun 1900 dahulu semasa ekonomi di Semenanjung Malaysia mengembang, pekerja-pekerja asing datang. Jadi, masalahnya hanya tiba 50 tahun kemudian dan saya rasa kalaulah sekarang kita dengan sewengan-wenangnyanya mengimport, apabila kita kekurangan pekerja kita import.

Saya rasa pada suatu hari nanti mungkin 20 tahun kemudian, *we are going to have a very-very big problem* dan saya rasa kementerian-kementerian yang terlibat secara langsung dan juga secara tidak langsung patutlah menilai, meneliti sekali lagi apakah langkah-langkah yang harus kita ambil supaya kita tidak dependent terhadap pekerja-pekerja dari negara-negara asing ini. Kalau pemuda-pemuda kita tidak mahu bekerja apa salahnya kalau kita memikirkan, menaikkan gaji dan upah untuk sektor-sektor yang memerlukan pekerja itu. Kalau mereka tidak selesa, apa salahnya kalau kita membuat satu suasana, satu environment yang lebih selesa supaya anak kita sendiri hendak bekerja dalam bidang itu. Kalau tidak Tuan Yang di-Pertua kita ini saya rasa adalah membuat sesuatu yang salah.

Oleh kerana saya nampak, di Australia, apabila mereka menerima immigrant, orang yang ingin datang ke Australia, mereka tidak menerima orang yang tidak ada pendidikan. Mereka cari dentist, doktor, engineer, jutawan. Ini saja yang mereka benarkan masuk ke negara mereka, yang lain susah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Yang berhormat sila gulung.

Tuan Jimmy Donald: Jadi, Tuan Yang di-Pertua saya sebutkan ini oleh kerana saya tidak ingin apabila cucu Tuan Yang di-Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat dan cucu saya sendiri nanti, 20 tahun kemudian apabila mereka hendak mencari kerja mereka menjadi orang asing di negara mereka sendiri. Jadi, dengan harapan yang begitu, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Seputeh

2.59 petang

Tuan Liew Ah Kim: [Seputeh]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin mengambil kesempatan ini menyentuh beberapa perkara demi kepentingan negara dan rakyat. Isu penternak dan pekerja ladang babi di Bukit Pelanduk, Port Dickson bukan masalah penduduk tempatan sahaja atau masalah masyarakat Cina yang memang terkenal sebagai pengguna utama daging babi di negara ini.

Ianya juga bukan masalah MCA, DAP ataupun Gerakan tetapi isu nasional yang perlu ditangani secara nasional oleh semua pihak. Tidak ada siapa yang perlu menjadi juara dalam masalah penternak dan pekerja ladang babi yang dikatakan sebagai punca merebaknya wabak Japanese Encephalitis (JE).

Seorang Ahli: [Bangun]

Tuan Liew Ah Kim: Sekejaplah. [Ketawa]

Tuan Yang di-Pertua, virus JE dan nyamuk 'culex' menjadi ketakutan kepada orang ramai, sekarang dikatakan wujudnya virus Hendra ataupun nama barunya virus Nipah dan kerajaan sudahpun memusnahkan babi ini secara besar-besaran bagi mencegah virus JE. Sehingga 8 April 1999, dilaporkan sebanyak 615,190 ekor babi diladang ternakan tiga buah negeri iaitu Negeri Sembilan, Selangor dan Perak sudah dimusnahkan. Sementara Kabinet sudah memperuntukkan RM28 juta bagi suntikan vaksin mencegah wabak berkenaan. Kerajaan Jepun juga sudah menyampaikan bantuan sebanyak RM570 ribu melalui Dutanya, Encik Essei Nomura, kepada Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri, dalam upacara ringkas di bangunan Parlimen pada 7 April 1999.

Oleh itu adalah tidak adil penternak-penternak ini tidak diberikan pampasan bagi membolehkan mereka memulakan hidup baru. Janganlah virus JE yang menular daripada nyamuk culex ini bertukar kepada virus JE baru yang membawa maksud 'Jejaskan Ekonomi'. JE baru ini lebih bahaya daripada virus JE berpunca dari babi dan nyamuk culex ini kerana gejala jejaskan ekonomi boleh menambahkan lagi teruknya kegawatan ekonomi.

Malaysia akan terdedah kepada situasi mengimport daging babi dari luar negeri sekiranya ladang penternakan babi tidak dipulihkan. Dalam masa pemusnahan babi-babi di ladang ternak, Bahagian Penguatkuasaan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna dalam operasinya di Pasar Pudu pada 8 April 1999 merampas 156 ekor ayam bernilai RM1,560.

Sementara di Subang Jaya, lapan peniaga ayam ditahan kerana menjual ayam dengan harga RM6.50 sekilogram, melebihi harga yang ditetapkan oleh kerajaan iaitu RM6.00. Kenaikan harga ayam dan kekurangan bekalan ayam tidak akan dapat dielakkan dalam jangka pendek mahupun jangka panjang, apabila usaha memulihkan semula ladang penternakan babi tidak dilakukan sekarang, bermula dengan memberi pampasan kepada penternak-penternak ini. Maknanya, pemusnahan ternakan babi ini bukan sahaja kehilangan RM1 bilion hasil negara setahun atau kerugian besar kepada penternak-penternak babi tetapi membabitkan masalah semua rakyat sama ada kaum Melayu, Cina, India dan lain-lain dengan kenaikan harga ayam sebagai alternatif. Permintaan bagi ayam mula melambung tinggi dan bekalan tidak mencukupi sudah pasti memberi kesan kepada ekonomi negara yang berhadapan dengan masalah 'demand and supply' serta keanjalan mengikut teori ekonomi.

Tuan Yang di-Pertua, oleh itu kerajaan adalah dicadangkan menubuhkan Dana Ternak atau Dana Tani bagi membantu penternak-penternak sama ada mereka penternak babi atau penternak lembu dan kambing secara komersil. Seperti dijelaskan oleh Profesor

Yap Han Heng, Penyelidik Fellow Unit Penyelidikan dan Kawalan Vektor USM bahawa pembiakan nyamuk termasuk jenis culex adalah akibat sistem perparitan dan saluran kurang baik, mengikut kajian yang beliau jalankan di Pulau Pinang. Maksudnya, larva nyamuk akan menjadi nyamuk dewasa, kecuali sistem perparitan dan longkang diperbaiki serta dibersihkan. Oleh itu sekiranya sistem perparitan dan saluran yang baik di kawasan ternakan ladang babi, ia boleh mengatasi masalah JE ini. Saya tegaskan di sini, daging babi tidak berbahaya kepada pengguna, sebaliknya yang berbahaya ialah sistem perparitan dan saluran di kawasan ladang ternakan yang kotor dan terbiar.

Dana Ternak atau Dana Tani ini bolehlah mengambil kira pemulihan semula ladang ternakan babi, demi kepentingan lebih 5 juta masyarakat Cina di Malaysia, termasuk juga bumiputera bukan Islam di Sabah dan di Sarawak. Melalui dana ini saya mencadangkan:

- Memberikan tapak baru bagi ladang ternakan babi dengan menyediakan tanah pada lokasi yang sesuai bagi perparitan dan saluran yang boleh menyediakan kumbahan bagi mengelakkan pencemaran.
- Kemudahan pinjaman melalui dana kepada penternak-penternak mengusahakan ladang ternakan secara komersil.
- Pengawasan yang berterusan dari Jabatan Haiwan dan lain-lain jabatan yang berkaitan.
- Menyediakan khidmat nasihat daripada pakar-pakar perunding bagi menjamin kawasan ladang ternakan sentiasa bersih dan terkawal dari sebarang jangkitan virus.

Tuan Yang di-Pertua, mengapa ekonomi negara kita mudah diserang oleh spekulator luar hingga berhadapan dengan masalah kegawatan sejak Julai tahun lalu? Memang ada pihak tidak bersetuju dengan langkah-langkah sedang diambil termasuk membentangkan Kertas Putih dalam sidang kali ini tetapi seperti dilaporkan ekonomi kita sedang menuju ke arah pemulihan. Bagaimanapun jaminan mengenai ekonomi semakin pulih ini, bukanlah bermakna kita boleh berpuas hati kerana negara mungkin akan muflis sekiranya langkah-langkah susulan tidak diambil segera.

Cuba kita lihat kepada angka-angka pinjaman tidak berbayar – Non Performing Loans (NPL) seperti laporan jawapan di Parlimen yang lalu. Jumlah NPL yang diambil alih oleh Danaharta sehingga 15 Mac 1999 ialah sebanyak RM21.695 bilion. Kebanyakan daripada NPL ini adalah dari bank-bank perdagangan dan satu syarikat kewangan. Justeru, kerajaan hendaklah memberi penjelasan di Dewan yang mulia ini sama ada Bank Negara Malaysia (BNM) gagal menjalankan tugasnya menyelia bank-bank dan institusi-institusi kewangan.

Jika badan-badan kewangan ini mematuhi akta perbankan dan peraturan BNM dengan betul mengapa institusi-institusi kewangan berhadapan dengan masalah NPL dengan tidak memberi perhatian lebih awal. Adakah gejala-gejala NPL disebabkan berlakunya salah guna kuasa, sama ada dalam lingkungan institusi kewangan itu atau membabitkan BNM dan peringkat kementerian? Oleh itu siasatan terperinci hendaklah dijalankan secara menyeluruh bagi membolehkan kita mengesan puncanya dan langkah-langkah positif diambil segera bagi mencegahnya supaya ekonomi negara dapat dipulihkan dengan lebih sihat.

Tuan Yang di-Pertua, mengikut laporan BNM, industri perbankan mengalami kerugian sebelum cukai RM2.3 bilion bagi tahun 1998 berbanding dengan keuntungan

sebelum cukai RM7.7 bilion pada tahun 1997. Ini bermakna jumlah sebenarnya turnover dalam kerugian sebelum cukai industri perbankan ialah RM10 bilion. Kerugian ini pula membabitkan dua bank komersial dan satu syarikat kewangan.

Mengikut laporan BNM, industri perbankan memperlihatkan rekod mencapai keuntungan sebelum cukai RM793 juta dalam tahun 1998 sekiranya tidak termasuk dua bank komersial dan satu syarikat kewangan terbabit, atau jumlah sebenarnya kerugian sebelum cukai bagi institusi-institusi kewangan ialah RM10.793 bilion. Dalam erti kata lain, industri perbankan berjalan dengan baik kalau tidak berlakunya penyelewengan atau mungkin juga salah guna kuasa dalam tiga institusi kewangan berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, dalam Titah Ucapan Diraja oleh Yang di-Pertuan Agong pada 5 April 1999, Baginda telah menyarankan semua rakyat Malaysia terus memberi sokongan kepada sistem demokrasi di negara ini. Selaras dengan titah ucapan ini, kita harus merujuk kepada pilihan raya umum Dewan Undangan Negeri Sabah baru-baru ini supaya kita boleh menilai di mana letaknya maruah demokrasi dan demokrasi bermaruah. Dalam masa kita mahu menegakkan demokrasi yang bermaruah, apa yang dapat dilihat ialah maruah demokrasi hanya tinggal pada nama sahaja.

Suruhanjaya Pilihanraya gagal mengesan pengundi hantu yang berleluasa dan akhirnya dari tangan pengundi-pengundi hantu ini lahirlah kerajaan phantom yang terus menerus mengawal sistem pilihan raya untuk mengekalkan maruah demokrasi dan bukannya demokrasi bermaruah. Sebagai contoh, terdapat mereka yang mempunyai kad pengenalan palsu didaftarkan sebagai pengundi seperti dapat dikesan di Keningau dan di Kota Kinabalu. Ianya juga berlaku di kawasan-kawasan lain.

Adalah mendukacitakan kerana Jabatan Pendaftaran Negara dan Suruhanjaya Pilihanraya tidak dapat mengambil tindakan terhadap mereka yang menggunakan kad pengenalan palsu dalam daftar pilihan raya ini. Hanya satu kes sahaja dikesan tahun lalu oleh Sandakan Town Board yang disahkan oleh pegawainya mengenai kad pengenalan palsu ini digunakan dalam buku daftar pemilih, tetapi apakah pengundi-pengundi demikian dibenarkan mengundi dalam pilihan raya Sabah?

Bagaimana nama pengundi yang ditolak selepas dibuat bantahan masih kekal dalam buku daftar pemilih dan dibenarkan mengundi dalam pilihan raya? Ramai pengundi yang mendapati nombor kad pengenalan mereka terdapat dalam buku daftar pemilih dan bukannya nama mereka. Sebagai contoh, nombor kad pengenalan seorang pengundi di Sandakan telah dipindahkan ke Tawau, tetapi nama pengundinya ialah orang lain. Salah satu daripada kes ini ialah kad pengenalan No. 401223-12-5191 (baru) H0065851 (lama) menetap di Sandakan, tetapi nombor kad pengenalannya terdapat dalam buku daftar pemilih di Tawau menggunakan nama orang lain.

Satu kes lagi ialah nombor kad pengenalan 280214-12-5036 (baru) dan H0081497 (lama) seorang pengundi wanita di Sandakan yang sentiasa menjalankan tanggungjawabnya sebagai pengundi pada setiap kali pilihan raya tetapi namanya terus dibuang dari buku daftar pemilih pada pilihan raya kali ini. Kes-kes seperti ini tentulah menuntut satu makna apakah kredibiliti Suruhanjaya Pilihanraya yang membenarkan pengundi hantu untuk mewujudkan kerajaan phantom?

Jika pilihan raya adalah jalan terbaik bagi mempertahankan demokrasi bermaruah bukan setakat memelihara maruah demokrasi sahaja, Suruhanjaya Pilihanraya perlulah bebas dari unsur-unsur yang menjejaskan sistem demokrasi ini.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya, Malaysia adalah negara yang kaya dengan sumber semula jadi dan boleh memberi tumpuan kepada industri kembar iaitu pertanian dan

pembuatan. Dalam mengejar pembangunan dalam slogan *Malaysia Boleh*, kita juga perlu menilai diri sendiri dengan ukur baju di badan sendiri? Kita boleh melihat lebih dalam akaun dagangan Malaysia mencatatkan RM58.4 bilion bagi tahun 1998 berbanding RM13.3 bilion tahun 1997. Ini bermakna 26.2% import kita disumbangkan kepada lebih ini.

Mengikut laporan Jabatan Statistik Malaysia mencatatkan lebih dagangan RM4.9 bilion dalam Februari 1999 berbanding dengan RM2.6 bilion bagi Februari 1998 yang lalu.

Angka-angka demikian boleh kita jadikan panduan, sekalipun secara praktiknya rakyat negara ini dapat merasakan apakah perkembangan sebenarnya dalam perkembangan lebih dagangan itu. Justeru, kita perlu menjadikan sumber alam kita kepada industri kembar yang membabitkan pertanian dan pembuatan ini.

Pertanian utama kita seperti getah, kelapa sawit, kelapa, padi, nanas atau lada hitam boleh dieksploitasikan kepada industri pembuatan bagi melaksanakan program industri kembar. Demikian juga sumber pertanian seperti ubi kayu, jagung, kacang tanah dan lain-lain seumpamanya yang boleh digarap sama bagi mencapai matlamat industri kembar untuk membantu perkembangan dalam ekonomi negara sekarang. Bagi mencapai matlamat industri kembar ini adalah dicadangkan:

- (i) pembukaan tanah kepada industri kembar ini, iaitu untuk pertanian dan pembuatan sekali gus pada satu tempat industri;
- (ii) kemudahan pinjaman daripada institusi kewangan bagi menjayakan industri kembar ini secara komersial dan besar-besaran;
- (iii) beri keutamaan kepada pengeluaran pemakanan; dan
- (iv) khidmat nasihat jabatan-jabatan tertentu, di samping menyatukan industri-industri kecil kepada satu gabungan supaya matlamat industri kembar itu lebih bermakna.

Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Ledang.

3.32 ptg.

Tuan Haji Hashim bin Ismail [Ledang]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk turut serta menyokong Usul Menjunjung Kasih Titah Ucapan Seri Paduka Baginda yang dibawa oleh Yang Berhormat dari Sipitang minggu lalu.

Tuan Yang di-Pertua, telah hampir dua tahun negara kita mengalami krisis ekonomi, yang bermula pada bulan Julai 1997 yang lalu. Padahnya telah dirasakan oleh semua pihak. Syarikat-syarikat yang dahulunya dikategorikan sebagai syarikat gergasi, kini telah menjadi kerdil dan bermasalah. Turut terseret sama ialah pemegang-pemegang saham termasuk pemegang-pemegang saham kecil yang baru hendak berjinak-jinak dengan dunia pelaburan.

Ada syarikat yang terpaksa menjadikan 30 lot saham asalnya kepada hanya 1 lot saham baru sahaja dengan harga yang sama selepas melakukan proses mengemas kini dan penyusunan semula ekoran daripada kegawatan ekonomi yang kita alami sekarang ini. Tuan Yang di-Pertua, kita sebenarnya tidak mahu ada syarikat-syarikat yang mengambil kesempatan daripada kegawatan ini untuk menutup kelemahan dalaman dan kelemahan

pengurusan dan pentadbirannya sendiri. Kita lihat bagaimana syarikat-syarikat yang mempunyai asas dan sokongan yang kukuh masih mengalami kerugian besar dan terpaksa diselamatkan daripada bankrapsi. Adakah ini disebabkan oleh faktor 'beyond their control' dengan izin, atau disebabkan oleh kelemahan dalaman syarikat itu sendiri.

Tindakan kerajaan menyelamatkan syarikat-syarikat tersebut adalah wajar dan dialu-alukan kerana sekaligus dapat memelihara kepentingan para pelabur. Tetapi kecuaiannya, sikap tidak bertanggungjawab dan kelemahan pentadbiran di pihak pengurusannya seperti lembaga pengarah, CEO yang terlibat dengan jenayah korporat ini mestilah diambil tindakan sewajarnya. Mereka tidak harus terlepas begitu sahaja selepas mengakibatkan syarikat yang mereka kendalikan itu menghadapi masalah dan mengalami kerugian. Kita dimaklumkan iaitu dalam tempoh 3 bulan pertama tahun ini sahaja sejumlah 8 buah syarikat yang dikenakan tindakan oleh BSKL, manakala pada tahun lalu ia melibatkan 28 buah syarikat kerana pelbagai bentuk kesalahan. BSKL hanya mengenakan hukuman atau penalty kepada syarikat dan bukannya terhadap orang yang bertanggungjawab seperti lembaga pengarah, CEO dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, kita tidak mahu kecuaiannya atau kelemahan pengurusan seperti ini berterusan dan mengakibatkan kepentingan para pelabur termasuk pelabur-pelabur kecil yang mematuhi nasihat para pemimpin kita supaya melabur untuk jangka masa panjang dan supaya tidak menjual pegangan saham masing-masing untuk membantu menstabilkan harga saham di BSKL, terjebak dan terperangkap dalam dilema ini.

Tuan Yang di-Pertua, kerana itu adalah wajar pada masa-masa yang akan datang, pihak pengurusan korporat dan syarikat-syarikat awam ini seperti lembaga pengarah dan CEOnya diawasi dan diberikan satu garis panduan yang tegas dan jelas dan satu bentuk hukuman yang keras dikenakan ke atas mereka yang bertanggungjawab ini ataupun mereka diwajibkan membayar secara peribadi dan bukannya daripada wang syarikat yang bererti wang para pelabur.

Tuan Yang di-Pertua, demikian juga dengan pihak pengurusan bank yang didapati ingkar dan enggan bekerjasama dan menyulitkan lagi proses pemulihan sektor ekonomi negara ini kerana enggan melayan permohonan pengusaha-pengusaha kecil termasuk pengusaha IKS walaupun kerajaan telah menyediakan Tabung Industri Kecil Sederhana (TIKS) yang telah memperuntukkan sejumlah RM1.5 bilion untuk mereka tetapi setakat ini hanya RM378 juta sahaja yang telah diagihkan. Begitu juga dengan Tabung Pemulihan Industri Kecil Sederhana (TPIKS) yang disediakan sebanyak RM750 juta tetapi hanya RM2.8 juta sahaja setakat ini yang telah diagihkan. Tetapi bank-bank inilah dalam masa yang sama sentiasa bermurah hati dan bersedia memberikan pinjaman kepada pihak-pihak tertentu yang akhirnya mengakibatkan meningkatnya NPL. Kita amat terkejut apabila mengetahui bahawa 70% daripada keseluruhan NPL negara ini, adalah berpunca daripada hanya 160 pinjaman, iaitu jumlah hutang yang besar hanya bertumpu kepada sebilangan kecil peminjam sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, kita juga terkilannya kerana berlakunya 'shortfall', dengan izin yang melibatkan sejumlah wang yang besar dan melibatkan tergendalanya projek-projek pembangunan untuk rakyat dan proses merangsang semula pertumbuhan ekonomi negara, bukan kerana ketiadaan wang tetapi kerana disebabkan oleh prosedur dan keremah birokrasi sebagai salah satu daripada penyebabnya. Dalam sesi pertanyaan bagi jawab lisan minggu lalu, Yang Berhormat Menteri Kewangan II mengatakan berlaku sebanyak 14.2% shortfall dalam perbelanjaan pembangunan negara pada tahun lalu.

Di antara bulan Januari hingga Mac tahun ini sahaja, daripada RM1.9 bilion yang diperuntukkan bagi perbelanjaan pembangunan, hanya 47.9% sahaja yang telah

dibelanjakan. Fenomena ini menunjukkan kepada kita iaitu di samping mengakui terdapat banyak kemajuan dalam sistem birokrasi kita, tetapi masih juga terdapat kelemahan dalam jentera peringkat pelaksanaan ini yang sudah tentu mengakibatkan kerugian kepada rakyat dan negara. Kita juga telah banyak kali mendengar gesaan pihak kerajaan dan para pemimpin kepada para pegawai kita supaya membebaskan diri daripada terlalu terikat dan dibelenggu oleh karenah birokrasi dan prosedur yang menyusahkan, melambatkan dan merugikan. Satu tindakan yang tegas dan drastik perlu diambil untuk menangani kelemahan ini dan mereka yang 'mindset'nya tidak lagi boleh diubah atau yang telalu taksud dengan sistem 'red-tape' yang ketat dan rigid perlu dirawat dan diambil tindakan. Sikap seperti ini sudah tentu tidak dikehendaki, lebih-lebih lagi di saat-saat negara sedang bergelut dengan masalah kegawatan ekonomi .

Tuan Yang di-Pertua, saya juga tertarik hati dengan ucapan yang dibuat oleh Yang Berhormat dari Tambun tentang pembentukan ombudsman. Walaupun kerajaan belum bersedia untuk menubuhkan ombudsman, saya mencadangkan sekurang-kurangnya kerajaan menubuhkan satu panel untuk menilai performance atau prestasi sektor swasta khususnya syarikat-syarikat awam dan institusi-institusi kewangan yang berurusan dengan orang ramai dan untuk menilai performance atau prestasi jabatan-jabatan dan pegawai-pegawai kerajaan dibentuk dan memperakukan mereka yang tidak bertanggungjawab, melanggar peraturan dikenakan hukuman. Manakala mereka yang bertanggungjawab dan komited dengan tugasnya, mereka yang memudahkan urusan rakyat bukan menyulitkannya, mereka yang menunjukkan jalan kepada rakyat bukan menutup jalan tersebut, mereka yang menghuraikan masalah rakyat bukan menjadikannya lebih kusut lagi, diberikan imbuhan dan ganjaran sewajarnya.

[Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin] **mempengerusikan Mesyuarat**]

Tuan Yang di-Pertua, Malaysia sedang diberikan perhatian oleh dunia kerana langkah-langkah reformasi ekonomi yang radikal dan drastik yang diambil dalam usaha menangani krisis ekonomi yang berlaku sekarang ini. Keadaan ini sudah tentu memerlukan seluruh kerjasama dan persefahaman dari semua pihak disepadukan untuk menyegerakan pemulihan ekonominya. Sekaligus membuktikan kepada dunia bahawa langkah-langkah yang diambil adalah tepat dan betul. Ke arah matlamat itu, seluruh kecekapan dan kemampuan agensi-agensi kerajaan, swasta termasuk institusi kewangan perlu dimaksimumkan dan sebarang bentuk kelemahan, kecuaihan pengurusan yang merugikan rakyat dan negara tidak boleh dikompromikan. Segala usaha perlu dilakukan untuk meningkatkan mutu atau kualiti pengurusan korporat. Pengurusan korporat mestilah berwibawa, telus, efisien dan beretika terutama sekali ketelusan yang lebih menyeluruh dan lebih efisien dalam transaksi kewangan bagi mengelakkan berlakunya lagi krisis kewangan dan sekaligus melindungi kepentingan para pelabur dan memulihkan keyakinan mereka ke atas pasaran modal di negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, berhadapan dengan kegawatan ekonomi ini, kita bersyukur kerana orang-orang kampung seolah-olah tidak kelihatan begitu terjejas kerana harga kelapa sawit agak tinggi. Cuma akhir-akhir ini, mereka yang bergantung kepada hasil getah telah mula merasakan tekanan kegawatan kerana harga getah jatuh mendadak di pasaran antarabangsa, sedangkan harga barang-barang keperluan harian semakin meningkat.

Ada pendapat yang mengatakan kejatuhan harga getah berpunca daripada tindakan Malaysia keluar daripada Pertubuhan Getah Asli Antarabangsa (INRO) tahun lepas. Kita benar-benar tidak faham apakah rasionalnya di sebalik tindakan itu kerana

ianya merupakan satu forum yang berkesan untuk Malaysia menyuarakan pandangan dan memperjuangkan kepentingan getah asli kita di peringkat antarabangsa?

Saya juga tertarik hati dengan kenyataan Yang Berhormat Menteri Perusahaan Utama yang mengatakan, faktor sebenarnya kejatuhan mendadak harga komoditi tersebut ialah sikap dua pengeluar utama iaitu Indonesia dan Thailand yang mengeluarkan getah secara berlebihan di pasaran antarabangsa, sedangkan permintaan berkurangan. Mereka menjualnya hingga melebihi 5% daripada permintaan getah dunia dan ini menjejaskan kestabilan harga getah. Isu seperti ini seharusnya dirundingkan dan dicarikan penyelesaiannya di forum yang sesuai seperti INRO, jikalau kita masih menjadi salah sebuah anggotanya. Ataupun diusahakan penyelesaiannya melalui semangat kerjasama dan setiakawan ASEAN. ASEAN seharusnya menjadi satu pertubuhan serantau yang berkesan. Harus wujud sikap hormat menghormati di antara satu dengan yang lain. ASEAN harus menjadi satu forum kerjasama dalam erti kata yang sebenarnya "through thick and thin", dengan izin.

Bukan masing-masing melepaskan dirinya sendiri dan kadang-kadang bertindak menikam kawan dari belakang. Semangat setiakawan yang padu dan erat perlu dipupuk dan disuburkan jika ASEAN mahu menjadi sebuah pertubuhan yang dihormati, berjaya dan berkesan. Kita amat berharap pihak kerajaan dapat berbuat sesuatu yang konkrit untuk memastikan harga komoditi ini dapat dipulihkan ataupun sekurang-kurangnya tidak terus jatuh. Nasib rakyat khususnya penduduk kampung perlu dibela kerana mereka inilah golongan yang cukup setia selama ini menyokong kerajaan kita.

Tuan Yang di-Pertua, jika kerajaan terpaksa menangani masalah ini dengan cara membeli getah daripada orang-orang kampung dengan harga yang lebih baik dan munasabah, dan menyimpannya untuk dijual di pasaran antarabangsa apabila harga getah pulih kembali, maka lakukanlah usaha itu demi untuk kepentingan rakyat yang bergantung kepada hasil getah, dan kami ahli-ahli Dewan yang mulia ini sentiasa memberi sokongan kepada langkah tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, kita juga ingin mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri Dalam Negeri yang baru yang juga Timbalan Perdana Menteri yang telah berusaha membersihkan imej pasukan Polis Diraja Malaysia yang kewibawaannya banyak sekali dipertikaikan akhir-akhir ini. Pasukan polis yang berwibawa dan dihormati bagi sesebuah negara ialah pasukan yang menjalankan tugas mengikut undang-undang yang diperuntukkan without fear of favour, dengan izin. Rakyat yang tidak bersalah sentiasa berasa selamat dan dilindungi. Mereka tidak menggunakan kuasa secara sewenang-wenangnya dan tidak sesekali bertindak melewati kuasa yang diberikan kepada mereka.

Sementara kita sentiasa mengakui sebahagian besar anggota polis kita adalah mereka yang berkhidmat secara jujur, ikhlas dan cemerlang serta disenangi oleh rakyat, kita juga terpaksa mengakui bahawa masih terdapat sebahagian kecil yang tidak berdisiplin, tidak berhemah dan tidak bersifat mesra rakyat. Golongan kecil ini tidak syak lagi boleh mencemarkan nama baik pasukan Polis Diraja Malaysia seperti kata perpatah "setitik nila boleh merosakkan susu sebelanga". Oleh itu, sebarang usaha Yang Berhormat Menteri Dalam Negeri untuk memulihkan keyakinan rakyat terhadap pasukan polis kita, lebih-lebih lagi dengan memperkenalkan slogan "mesra rakyat" adalah amat dialu-alukan dan slogan ini mestilah benar-benar dihayati dan bukannya setakat habis sebagai slogan sahaja dan tidak menggambarkan realiti yang sebenarnya.

Tuan Yang di-Pertua, saya tertarik hati dengan pendekatan yang dilakukan oleh Kerajaan Negeri Johor untuk mewujudkan kemesraan di antara ketua-ketua jabatan dengan

rakyat iaitu pada setiap hari Sabtu, ketua-ketua jabatan mesti berada di pejabat masing-masing untuk membolehkan rakyat bertemu dengan mereka, untuk membolehkan rakyat mengadu sebarang masalah mereka dan untuk diselesaikan secepat mungkin. Saya ingin mencadangkan supaya pihak polis juga mengatur program yang sama iaitu pada setiap hari Sabtu atau hari-hari lain yang sesuai, Ketua-ketua Polis Daerah, Ketua Polis Negeri, malah Ketua Polis Negara sendiri pun perlu membuka pejabat mereka untuk didatangi oleh rakyat dan memberi peluang kepada rakyat mengadu secara langsung dan terus sebarang masalah mereka, masalah masyarakat dan masalah keselamatan setempat untuk diberikan perhatian dan penyelesaian secara segera oleh ketua-ketua polis di peringkat-peringkat yang saya disebutkan tadi.

Ketua-ketua polis ini juga akan dapat maklumat dan maklum balas yang banyak daripada orang ramai yang mungkin selama ini terlindung daripada pengetahuan mereka. Dengan cara ini, hubungan di antara rakyat dan polis akan menjadi bertambah rapat dan mesra. Kerjasama di antara kedua pihak ini akan terjalin lebih baik dan maklumat-maklumat penting akan lebih banyak sampai kepada ketua-ketua polis ini. Kesemuanya ini akan menjadikan pasukan polis lebih efisien, lebih berkesan, lebih diyakini dan lebih dihormati.

Tuan Yang di-Pertua, amalan "mesra rakyat" ini bukan sahaja harus ditumpukan kepada khidmat polis semata-mata, malah harus diperluaskan kepada semua jabatan kerajaan negeri dan Persekutuan. Rakyat perlu mendapat access yang mudah dengan ketua-ketua jabatan, pengarah-pengarah, ketua-ketua pengarah, ketua-ketua setiausaha atau Ketua Setiausaha Negara sendiri, sekurang-kurangnya sekali dalam masa sebulan. Hubungan dua hala yang sihat seperti ini amat perlu dalam usaha kita menjalin persefahaman di antara ketua-ketua jabatan dengan rakyat. Saya yakin banyak masalah rakyat dapat diselesaikan dengan cepat jika terjalin hubungan dua hala seperti ini. Dengan cara ini juga, ketua-ketua jabatan akan lebih terdedah dengan rintihan, keluhan dan permasalahan rakyat jelata. Ini akan menjadikan mereka ketua jabatan yang lebih prihatin, lebih bersimpati dan lebih bertanggungjawab terhadap rakyat selaras dengan kata-kata "Berkhidmat Untuk Negara" yang menjadi pegangan kita. Tuan Yang di-Pertua, dalam usaha mengembalikan keyakinan rakyat

Tuan Haji Mohamed bin Haji Abdullah: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat, ada yang bangun.

Tuan Haji Mohamed bin Haji Abdullah: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya mahu tanya pendapat Yang Berhormat, selalunya ketua-ketua polis ini berada dalam balai, dalam biliknya, jadi orang itu susah hendak masuk berjumpa. Adakah Yang Berhormat setuju kalau ketua polis ini dan anggotanya turun ke kampung-kampung buat seperti Kementerian Kesihatan pergi bersama rakyat sebulan sekali ada meja terbuka, adakah Yang Berhormat bersetuju kalau cadangan begini dibuat? Terima kasih.

Tuan Hashim bin Ismail: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada rakan saya dari Pasir Puteh. Tadi, saya mencadangkan supaya rakyat mendatangi ketua-ketua polis dan ketua-ketua jabatan. Tetapi kalau ketua-ketua polis atau ketua-ketua jabatan dapat datang kepada rakyat, itu adalah lebih baik dan lebih elok dan saya bersetuju. Salah satu ini boleh kita laksanakan di negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, dalam usaha mengembalikan keyakinan rakyat terhadap pasukan polis ini, dan setiap langkah dan usaha yang dilakukan untuk membersihkan imej pasukan ini, setiap mereka yang bersalah kerana menyalahgunakan kuasa ataupun mereka yang meletakkan undang-undang di tangan sendiri, bertindak di luar daripada lunas

undang-undang, tidak mematuhi disiplin kepolisian dan lain-lain kesalahan seumpamanya, tanpa mengira kedudukan dan tanpa mengira pangkat, mestilah dikenakan tindakan yang tegas setimpal dengan kesalahan mereka, kerana rakyat dan dunia sedang memerhati dan meneliti cara-cara kita menangani bukan sahaja isu ekonomi, malah lain-lain isu yang menyentuh kredibiliti dan reputasi kerajaan dan negara.

Tuan Yang di-Pertua, kita juga ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Kementerian Pendidikan khususnya Yang Berhormat Menteri Pendidikan, pegawai-pegawai pendidikan di peringkat kementerian dan negeri dan seluruh para guru di atas keputusan cemerlang SPM tahun 1998. Pencapaian dari segi kualiti telah meningkat dengan ketara dan sekali gus mencatat rekod apabila 71,382 daripada 280,870 calon yang mendapat Pangkat Satu dan bilangan sekolah yang lulus 100% meningkat daripada 92 buah tahun 1997 kepada 111 buah pada tahun 1998.

Keputusan yang cemerlang dan memberangsangkan ini, tidak syak lagi hasil daripada kerja keras dan dedikasi semua pihak yang terlibat dengan perancangan di peringkat dasar dan juga peringkat pelaksanaannya. Namun demikian, ke manakah matlamat dan hala tuju kita? Dengan perancangan yang baik dan pelaksanaan yang berkesan, kita boleh sahaja melahirkan generasi yang memiliki sijil dan ijazah hingga ke peringkat yang setinggi-tinggi mungkin dan berbangga dengan sijil-sijil dan ijazah yang dimiliki. Tetapi apakah setakat itu sahaja?

Tuan Yang di-Pertua, saya sebenarnya kurang arif sama ada apakah peningkatan kualiti dari segi sijil ini juga sebagai petunjuk peningkatan indeks atau kualiti insan yang dilahirkan oleh institusi pendidikan negara kita? Adakah mereka mampu menjadi pemegang-pemegang sijil atau pemilik-pemilik ijazah dan akhirnya sebagai penjawat-penjawat jawatan tinggi dalam kerajaan atau swasta, atau golongan profesional yang benar-benar berkualiti dalam erti kata beriman, bermoral dan berakhlak dan mempunyai sifat-sifat cinta dan sanggup berkorban untuk bangsa, agama dan negaranya. Jika mereka menjadi pegawai kerajaan, mereka mampu menjadi pegawai yang sentiasa beriman dan meletakkan agenda rakyat mengatasi agendanya sendiri. Jika mereka menjadi pegawai bank, mereka akan menjadi pegawai yang jujur, amanah atau tokoh korporat yang tidak mudah lupa diri, bersifat pemurah dan dermawan. Jika mereka menjadi para cendekiawan, mereka mampu memanfaatkan ilmu yang dimilikinya untuk membuka mata dan minda rakyat ke arah satu tujuan hidup yang lebih murni dan lebih bererti di dunia dan akhirat.

Tuan Yang di-Pertua, oleh itu pendidikan agama dan moral perlu diberikan satu penekanan atau satu pendekatan yang serius dan benar-benar seimbang bukan hanya sebagai sampingan semata-mata jika kita ingin melahirkan insan kamil dan insan yang seimbang dari segi ilmunya, moralnya dan akhlaknya serta keterampilannya.

Kaedah pengajaran dan pembelajaran pendidikan agama dan moral ini juga perlu lebih realistik dan praktikal iaitu bukan hanya setakat menyampaikan ilmu dan memastikan pelajar-pelajar lulus di dalam peperiksaan. Kerana memiliki ilmu dan lulus peperiksaan sahaja bukan satu jaminan bahawa mereka benar-benar telah menjadi insan yang ideal dan seimbang.

Tuan Yang di-Pertua, dalam konteks ini, kita boleh berbangga dengan Kementerian Pendidikan kerana terdapat tanda-tanda kesungguhan dan komitmen yang jelas di pihak kementerian tersebut untuk memantapkan lagi pendidikan agama di kalangan pelajar-pelajar kita sama ada di sekolah-sekolah menengah ataupun di sekolah-sekolah rendah melalui program Penilaian PAFA atau Perkara Asas Fardu Ain dan berbagai-bagai program lain yang menjurus ke arah membina keterampilan pelajar-pelajar kita dalam era yang cukup mencabar ini.

Namun demikian, kita merasakan masih banyak ruang untuk menjadikan pendidikan agama di sekolah-sekolah rendah dan menengah ini lebih mantap dan lebih berkesan lagi. Satu sistem pendidikan agama yang lebih komprehensif perlu dirancang meliputi semua peringkat di sekolah rendah dan semua peringkat di sekolah menengah, prauniversiti, maktab-maktab, dan institusi pengajian tinggi bukan secara berpilih-pilih seperti sekarang iaitu hanya untuk darjah enam bagi sekolah rendah, dan untuk PMR dan SPM bagi sekolah menengah.

Untuk tujuan itu, sebuah panel penggubal kurikulum yang terdiri daripada tokoh-tokoh pendidik yang berwibawa dan berpengalaman luas, tokoh-tokoh agama yang berwibawa dan dihormati, perlu diwujudkan untuk memikirkan, merancang dan menjana satu kurikulum yang benar-benar realistik dan praktikal sesuai dengan setiap peringkat yang saya sebutkan tadi. Kurikulum yang mengambil kira bukan sahaja perkara-perkara asas atau fardu Ain yang perlu mereka ketahui, malah aspek nilai-nilai murni berdasarkan kepada akhlak Islam dan nilai-nilai moral berdasarkan kepada ciri-ciri dan budaya masyarakat Malaysia dan masyarakat timur.

Kurikulum ini juga harus mengambil kira kaedah pengajaran dan pembelajaran yang lebih realistik dan berkesan. Iaitu, bukan sahaja setakat membolehkan pelajar-pelajar memiliki ilmu dan seterusnya lulus di dalam peperiksaan, tetapi yang lebih penting dari itu ialah aspek penghayatan dan amalan ilmu dan nilai-nilai murni itu dalam hidup mereka sehari-hari. Ianya juga harus mengambil kira kaedah membina ketahanan dalaman iaitu memperkukuhkan keimanan mereka supaya mereka tidak mudah ditewaskan oleh nilai-nilai yang bercanggah di luar sekolah dari apa yang diperolehinya di bili-bilik darjah. Termasuk ketahanan untuk menghadapi arus globalisasi dan cabaran di millennium yang akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, kita juga merasa bangga dengan banyak perubahan yang baik yang dilakukan oleh pihak Kementerian Pendidikan termasuk usaha-usaha yang dinamik untuk menjadikan profesion guru lebih baik dan menarik. Peluang-peluang kenaikan pangkat adalah lebih luas dan terbuka. Walau bagaimanapun, saya menarik perhatian Yang Berhormat Menteri Pendidikan terhadap satu perkara, iaitu guru-guru yang tidak memiliki ijazah tetapi berusaha memperbaiki kedudukan mereka dengan melanjutkan pelajaran di mana-mana universiti, mereka ini akan kehilangan 'seniority' atau kekananannya. Walaupun mereka telah berkhidmat selama 10 tahun sebagai seorang guru, apabila mereka kembali mengajar sebagai seorang guru berijazah, mereka dikategorikan sebagai seorang guru baru, walaupun akan menikmati skim gaji guru berijazah.

Bagi pihak guru-guru ini, saya merayu agar dapat dipertimbangkan supaya melanjutkan pelajaran dianggap sebagai satu usaha meningkatkan mutu profesion dan diiktiraf sebagai dalam perkhidmatan dan tempoh perkhidmatan serta pengalamannya sebagai seorang guru sebelum melanjutkan pelajarannya di universiti, diambil kira dan mereka tidak kehilangan seniority atau kekananannya bagi dipertimbangkan untuk kenaikan pangkat. Mudah-mudahan perhatian yang diberikan oleh Yang Berhormat Menteri Pendidikan ini akan merangsang lebih ramai para guru kita berusaha memperbaiki kedudukan dan mutu profesionalisme mereka.

Yang akhir sekali, Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada kerajaan di atas kesungguhannya membantu pelajar-pelajar kita untuk melanjutkan pendidikan mereka ke institusi-institusi pengajian tinggi melalui Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) dengan peruntukan keseluruhan lebih daripada RM1.5 bilion sepanjang tempoh Rancangan Malaysia Ketujuh. Walau bagaimanapun, masih terdapat kes-kes di mana pelajar-pelajar dari keluarga miskin yang layak ditempatkan di mana-mana universiti di negara ini gagal mendaftarkan diri kerana

mereka tidak mampu mengadakan wang pendaftaran yang diperlukan oleh universiti-universiti tersebut.

Oleh itu, adalah diharapkan moga-moga dengan jasa baik Yang Berhormat Menteri Pendidikan kita bagi mewajibkan semua institusi pengajian tinggi menerima pendaftaran pelajar-pelajar yang telah mendapat tempat di mana-mana universiti tetapi tidak mampu mengadakan pembayaran pendaftaran ini diterima secara automatik. Pihak universiti boleh mendapatkan jumlah penuh bayaran pendaftaran tersebut, apabila pinjaman mereka diluluskan sama ada oleh Perbadanan Tabung Pendidikan atau lain-lain sumber.

Tuan Yang di-Pertua, kita tidak mahu melihat pelajar-pelajar yang cemerlang dan layak mendapat tempat di universiti musnah harapan mereka semata-mata kerana ketidakmampuan ibu bapa mereka menyediakan bayaran pendaftaran yang diminta oleh pihak institusi pengajian tinggi ini. Ini sudah pasti akan merugikan mereka dan akan merugikan negara seluruhnya.

Tuan Yang di-Pertua, dengan kata-kata itu, terima kasih dan saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:
Selangau

3.50 ptg.

Tuan Joseph Mauh Anak Ikeh [Selangau]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya bangun kerana hendak mengambil bahagian di dalam Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong semasa pembukaan Parlimen yang ke-9 pada Isnin, 5 April 1999 baru-baru ini.

Tuan Yang di-Pertua, Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong adalah meliputi semua aspek kemajuan termasuk soal-soal keselamatan negara, perpaduan rakyat, hidup bersatu padu dan harmoni, menyentuh pendidikan, alam sekitar, kesihatan, program PPRT atau golongan rakyat termiskin dan juga menyentuh berkenaan dengan rumah kos rendah bagi rakyat-rakyat termiskin di luar bandar dan juga Titah Baginda menyentuh berkenaan dengan bagaimana cara kita menghadapi alaf baru atau dunia global pada masa kini, dan lebih-lebih lagi Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan menyentuh tentang tindakan oleh kerajaan bagi menyelesaikan krisis ekonomi yang kini melanda negara kita sejak 1997 dan 1998.

Saya tidak akan ingin bercakap dengan panjang lebar mengenai krisis ekonomi yang melanda negara kita kerana kebanyakan isu ini telah diterangkan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri, Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi semasa beliau membentangkan Kertas Putih mengenai kedudukan ekonomi negara kita pada masa kini.

Tuan Yang di-Pertua, kita berdoa dan mengucapkan ribuan terima kasih kepada Tuhan Yang Maha Esa kerana telah memberi berkat dan kurnia-Nya kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang dikasihi yang sekarang telah sembuh daripada kesakitannya. Kita harap beliau dapat berkhidmat seperti biasa yang begitu cepat dan dapat memulihkan ekonomi negara kita dan memajukan bangsa, agama dan negara kita kepada negara yang termaju menuju alaf baru atau 'the next millenium' mengikut dasar-dasar Wawasan 2020 yang beliau ilhamkan kepada kita semua.

Tuan Yang di-Pertua, saya amat gembira sekali pada kali ini mendengar Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong yang begitu mengambil berat dan

perhatian mengenai dengan pembangunan kawasan luar bandar, kerana saya sebagai Wakil Rakyat dari kawasan luar bandar, saya yakin dan percaya lebih 60% Wakil Rakyat Ahli-ahli Parlimen di Dewan yang mulia ini ialah terdiri daripada Wakil Rakyat di luar bandar.

Oleh yang demikian, saya sekali lagi merakamkan penghargaan dan terima kasih kepada Seri Paduka Baginda yang begitu sangat prihatin mengenai pembangunan luar bandar iaitu termasuk pembangunan jalan-jalan raya atau jalan-jalan kampung, sekolah luar bandar, kesihatan rakyat luar bandar dan tidak ketinggalan rumah kos rendah bagi rakyat termiskin di luar bandar, dan juga program membantu golongan rakyat termiskin di luar bandar di mana pendapatan mereka lebih kurang daripada RM250 sebulan atau jika keluarga mereka 5 orang yang mempunyai pendapatan yang kurang daripada RM516 sebulan yang dikatakan termasuk di dalam golongan rakyat termiskin.

Tuan Yang di-Pertua, saya akan membahas semua perkara ini dengan sekali gus. Perkara yang saya ingin sentuh pertama mengenai program pembangunan luar bandar, berkenaan dengan pembinaan jalan-jalan kampung yang menuju rumah-rumah panjang dan kampung-kampung di luar bandar terutama sekali di Negeri Sarawak. Saya telah difahamkan lebih kurang daripada 5,000 buah kampung dan rumah panjang yang 'scattered all over', dengan izin, di merata-rata tempat di negeri Sarawak, di mana lebih daripada 60% rumah-rumah panjang atau kampung-kampung di luar bandar belum ada jalan raya dan juga belum ada api elektrik. Jalan-jalan raya yang saya sentuh ini, dapat menghubungkan rumah-rumah panjang dan kampung-kampung. Setakat ini mereka hanya memakai atau menggunakan bot-bot kecil, express dan berjalan kaki.

Saya harap lebih banyak lagi peruntukan akan diberi kepada pembinaan jalan-jalan kampung atau jalan raya di negeri Sarawak. Saya telah difahamkan lebih 200 batang jalan di negeri Sarawak yang kini masih menggunakan jalan tanah merah di mana belum di 'upgrading' atau di naikkantaraf jalan yang ada batu, maka perkara ini telah berlanjutan dan kebanyakan jalan-jalan kampung ini musim tengkujuh atau musim lanas yang dikatakan orang Sarawak tidak dapat menggunakan kereta biasa kecuali yang mempunyai 'Land Cruiser' sahaja dan lebih 150 batang jalan di kawasan luar bandar menggunakan jalan-jalan kayu balak.

Semenjak tahun 1980 dan 1998 sekarang ini kebanyakan jalan-jalan ini tidak dapat digunakan lagi oleh kerana kebanyakan kem-kem kayu balak itu telah tidak beroperasi lagi oleh sebab kegawatan ekonomi. Maka, oleh yang demikian, saya harap pihak Jabatan Kerja Raya atau kerajaan mengambil alih jalan-jalan yang digunakan untuk kem kayu balak itu dinaikkantaraf atau diperbaiki oleh kerajaan kerana jalan-jalan itu, jikalau diperbaiki masih bagus dan masih dapat digunakan oleh penduduk-penduduk di luar bandar.

Tuan Yang di-Pertua, perkara yang kedua, saya ingin sentuh berkenaan dengan kemajuan sekolah-sekolah di luar bandar. Saya telah difahamkan masih banyak lagi sekolah-sekolah di luar bandar di Sarawak dalam keadaan daif, buruk atau bocor dan sebagainya, di mana satu daripada sebab atau faktor menyebabkan guru-guru boleh kurang insentif atau kurang motivasi mengajar di luar bandar di negeri Sarawak. Oleh sebab demikian, saya ingin tahu atau bertanya kepada Kementerian Pendidikan berapakah peruntukan bagi sekolah-sekolah di luar bandar untuk membaik pulih atau membina sekolah baru. Saya ingin juga bertanya, kepada kementerian setakat ini syarikat manakah yang membuat baik pulih bagi program-program yang membaiki sekolah luar bandar, dan bagaimanakah cara syarikat itu melaksanakan projek tersebut supaya syarikat itu dapat menjalankan atau melaksanakan tugas yang membaik pulih sekolah-sekolah ini dengan baiknya supaya wang kita yang beratus-ratus juta itu tidak membazir begitu sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa dasar pendidikan kita patut diambil perhatian, walaupun dari segi dasarnya memang baik, misalnya falsafah pendidikan negara kita ialah untuk melahirkan anak-anak bangsa Malaysia yang berilmu, bermoral tinggi, bersopan santun, berjiwa rakyat iaitu mempunyai semangat patriotik, semangat nasionalisme dan sebagainya. Tetapi apabila mereka atau anak-anak kita yang sudah lepas bersekolah atau yang sudah lepas tamat SPM atau STPM mereka ini agak tidak dapat mengikut acuan-acuan atau lunas-lunas dalam falsafah pendidikan negara kita.

Ini oleh kerana sebahagian daripada mereka tidak begitu mengikut, oleh sebab banyak perkara yang tidak diingini telah berlaku iaitu mereka kurang bersembahyang sama ada mereka menganut agama Islam, Kristian atau agama lain dan juga murid pada hari ini kurang bersopan santun dengan orang tua dan juga mereka agak lupa apa yang telah diajar oleh guru-guru mereka di sekolah, maka kita harap murid-murid atau anak-anak bangsa kita pada hari ini akan menjadi bakal pemimpin pada masa hadapan, pemimpin yang berkaliber, pemimpin yang berwaspada sebagai yang kita harapkan yang tidak terjerumus kepada perkara-perkara yang tidak diingini. Kita mahu pemimpin kita sebagai pemimpin bertaraf dunia, bukan setakat pemimpin di Malaysia sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin juga menyentuh sedikit berkenaan dengan murid-murid yang dalam sekolah tentang mata pelajaran mereka. Saya telah difahamkan bahawa dalam peperiksaan UPSR, PMR, SPM dan STPM ramai daripada mereka itu tidak lulus dalam mata pelajaran Matematik, Bahasa Inggeris dan juga tidak dapat kepujian atau kredit dalam Bahasa Malaysia. Ini menyulitkan mereka sama ada mereka terus menyambung pelajaran kepada institusi pengajian tinggi atau mereka berhenti sekolah. Oleh kerana mata pelajaran yang saya sebutkan tadi, berkaitan dengan kelayakan di mana mereka selepas sekolah, kalau dikatakan lulus SPM pangkat 3 atau gred 3, murid-murid itu diperlukan kredit dalam Bahasa Malaysia, pass dalam Matematik dan Bahasa Inggeris, baru mereka dapat memohon kerja di jabatan kerajaan. Jikalau mereka tidak lulus di dalam mata pelajaran, tidak ada kepujian dalam Bahasa Malaysia, tidak lulus dalam Bahasa Inggeris dan juga gagal dalam Matematik, tidak ada kelayakan bagi memohon di jabatan kerajaan atau di pihak swasta.

Saya harap bahawa guru-guru yang terlatih di maktab-maktab perguruan di seluruh Malaysia sama ada di negeri Sarawak atau di negeri Sabah meminta bahawa guru-guru yang masuk maktab itu lebih lagi ditekankan dengan mata pelajaran yang tersebut di mana anak-anak bangsa kita lebih lagi bumiputera, kurang berminat dalam ilmu sains dan teknologi iaitu belajar Matematik English atau Bahasa Malaysia, setakat mereka lulus sahaja tidak mencukupi, mereka mesti mempunyai kepujian atau kredit yang baik.

Tuan Yang di-Pertua, sekarang saya ingin menyentuh juga sedikit sebanyak berkenaan dengan pegawai di dalam Jabatan Pendidikan atau di peringkat sekolah, apabila mereka dikatakan naik pangkat, ini kita rasa agak pelik, misalnya kalau pegawai itu telah menyandang tugas katakan Pegawai Pendidikan Daerah (PPD) 10 tahun atau 15 tahun, kemudian dia dinaikkan pangkat. Bila dia dinaikkan pangkat, dia pergi turun ke sekolah sama ada jadi guru besar sekolah atau penolong kanan.

Ini dikatakan sistem naik pangkat tetapi bagi orang ramai atau orang awam mereka tertanya-tanya apa sebab yang dahulu jadi pegawai, kemudian sekarang sudah jadi guru besar di sekolah atau penolong kanan. Yang teruk sekali bagi nazir sekolah atau school inspectorate ada yang telah bertugas selama 15 tahun di pejabat atau dua puluh tahun, kemudian bila dia naik pangkat disuruh mengajar sebagai guru besar atau guru kelas, bagaimana kita hendak fikirkan, kalau mereka telah bertugas sekian lama di pejabat kemudian disuruh mengajar pula?

Jadi, inilah masalahnya, saya rasa sistem pendidikan kita bila kenaikan pangkat, kalau katakan guru biasa itu dinaikkan pangkat kepada penolong guru besar atau selepas itu dia jadi guru besar, lepas jadi guru besar, dia dapat dinaikkan pangkat sebagai pegawai sama ada Pegawai Pendidikan Daerah kemudian kepada Pegawai Pendidikan Bahagian sehingga beliau itu ditugaskan sebagai Pengarah Pendidikan. Jangan yang sudah jadi pegawai kemudian jadi guru besar sekolah atau guru biasa. Tetapi dari segi gaji memanglah, kalau katakan dari DG5 kepada DG4, dia jadi guru besar dia turun dari pegawai pendidikan kemudian kepada sekolah memang gajinya besar sedikit tetapi namanya tidak baik, orang ramai melihatnya bagaimana, apa sebabnya dahulu jadi pegawai sekarang sudah jadi guru, boleh jadi dia ada melakukan kesalahan dan apa-apa, ini pandangan dari orang ramai kita. Saya sekali lagi mengatakan bahawa sistem kenaikan pangkat di Jabatan Pendidikan kalau dapat diubahsuaikan sedikit.

Tuan Yang di-Pertua, sekarang saya ingin menyentuh sedikit sebanyak berkenaan dengan masalah guru kita di luar bandar. Masalah guru di luar bandar - ada banyak sekolah di luar bandar sekarang ditempatkan guru sandaran, yang lepas STPM, lepas SPM sementara mereka menunggu kerja atau sementara mereka menunggu keputusan peperiksaan atau mereka minta jadi guru sandaran.

Jadi, masalahnya sebab mereka belum dilatih, disuruh mengajar di luar bandar, maklumlah di luar bandar itu serba kekurangan dan juga ditugaskan guru yang belum dilatih, inilah masalahnya. Satu lagi masalahnya guru yang belum dilatih itu kita katakan guru itu tidak berapa tahu dalam bahasa Inggeris, tetapi oleh sebab tidak ada guru yang mencukupi dalam bahasa Inggeris, mereka terpaksa mengajar Bahasa Inggeris dan bagaimana anak-anak kita tahu kalau guru itu belum dilatih dalam bahasa Inggeris disuruh mengajar dalam bahasa Inggeris atau tidak dilatih mengajar matematik disuruh mengajar mata pelajaran Matematik. Tetapi apa boleh buat, saya ada pergi ke sebuah sekolah, saya tanya guru besar: "Kami, tidak cukup guru Yang Berhormat." Jadi, terpaksa guru itu mengajar subjek atau mata pelajaran yang bukan patut dia ajar tetapi oleh sebab guru tidak mencukupi dia akan ditugaskan sementara sahaja.

Jadi, saya rasa Kementerian Pendidikan mesti mengambil berat bahawa perkara ini atau yang kekurangan guru itu patutlah kita selesai pada masa sekarang, oleh sebab saya fikir ramai murid-murid kita yang berpelajaran tinggi sama ada yang lulus STPM, atau diploma atau degree dapat diambil untuk masuk maktab perguruan supaya mereka ini dapat ditugaskan untuk mengajar sama ada di luar bandar atau di bandar.

Tuan Yang di-Pertua, perkara yang saya ingin sentuh iaitu berkenaan dengan api elektrik luar bandar. Negeri Sarawak adalah negeri yang terbesar di Malaysia, misalnya kawasan saya Selangau, saya rasa dekat sebesar dengan negeri Perlis di mana 70% kawasan itu tidak ada kemudahan asas, bermakna tidak ada jalan raya, tidak ada api elektrik dan air paip yang bersih itu memang jauh sekali, mereka minum air sungai, oleh sebab aktiviti pembalakan yang begitu banyak di Sarawak iaitu aktiviti pembalakan haram, maklumlah air itu macam air milo, jadi mereka terpaksa minum air itu sebab tangki mereka tidak mencukupi.

Jadi, saya harap peruntukan bagi pembangunan luar bandar bagi negeri Sarawak kalau boleh dapat ditambahkan banyak lagi, oleh sebab kawasannya paling besar, kalau ditambah dua kali ganda dari Semenanjung, saya fikir Sarawak masih jauh ketinggalan pembangunan luar bandarnya, sebab saiz negeri Sarawak dekat sebesar Semenanjung Malaysia, kalau katakan ambil negeri Perlis, the same size, dengan izin.

Saya minta peruntukan bagi Kementerian Pembangunan Luar Bandar ditambahkan berlipat ganda lebih daripada tahun yang sudah. Kebanyakan rumah panjang

di kawasan luar bandar Sarawak terutama sekali di kawasan Selangau masih menggunakan 'gen sets', ada juga solar tetapi maulumlah orang rumah panjang atau kampung-kampung kalau pakai 'gen sets' banyak masalahnya, setahun dua, belum ada menimbulkan masalah, selepas empat atau lima tahun minyaklah tidak cukup, kalau enjin tidak berapa baik lagi kemudian mereka tidak dapat mengutip wang daripada penghuni-penghuni rumah panjang. Inilah masalahnya.

Jadi, kalau SESCO atau elektrik dapat disambung kepada kawasan luar bandar dengan secepat mungkin dengan adanya jalan raya atau infrastruktur, saya rasa masalah seperti ini dapat kita kurangkan kalau sekiranya tidak dapat dihapuskan sama sekali dengan secara jangka pendek.

Bagi generator set juga, peruntukan ahli-ahli Parlimen atau Ahli-ahli Yang Berhormat mungkin tidak mencukupi sebab kebanyakan peruntukan untuk Ahli-ahli Yang Berhormat itu disalurkan untuk memperbaiki rumah panjang dan peruntukan itu daripada District Officer atau Pegawai Daerah, jadi tidak cukup, jadi kalau Kementerian Pembangunan Luar Bandar ada peruntukan khas untuk membekalkan 'gen sets' atau api elektrik atau enjin api elektrik itu, kalau ada peruntukan sendiri untuk menambahkan peruntukan yang diberi oleh pegawai daerah atau Ahli Yang Berhormat di kawasan itu, saya fikir itu lebih baik lagi sekiranya kampung-kampung/rumah panjang ini belum ada kemudahan api elektrik.

Perkara yang lain saya ingin sentuh bagi kawasan luar bandar ialah berkenaan dengan telefon awam. Telefon awam iaitu oleh sebab kebanyakan rumah panjang seperti yang saya katakan tadi kampung-kampung di luar bandar kemudahan asasnya memang kurang sekali, kalau peruntukan di luar bandar dapat membekalkan telefon yang menggunakan saluran 011 atau yang menggunakan wireless telephone, system grid kalau dapat diberi kepada rumah-rumah panjang, sebab sekarang di luar bandar masalahnya kalau tidak ada telefon semasa kecemasan atau semasa mereka memerlukan pesanan kepada kawan-kawannya dan masalahnya tidak ada komunikasi antara satu sama lain, kecuali mereka yang ada menggunakan radio.

Tuan Yang di-Pertua, sekarang saya beralih kepada perkara kesihatan luar bandar. Di kawasan saya Selangau ada dua buah klinik yang telah dijanjikan oleh kerajaan semenjak tahun 1995 tetapi sekarang pun tidak ada berita. Jadi, sebab pilihan raya kita, boleh jadi sama ada tahun ini atau tahun depan, saya harap dua buah klinik yang telah dijanjikan oleh kerajaan, kalau bolehlah, akan dibina sebelum pilihan raya yang akan datang, kerana kita sebagai wakil rakyat atau kerajaan yang bertanggungjawab membela rakyat mesti menunaikan janji. Yang kita janji mesti tunaikan janji kita. Saya harap bukan sahaja di kawasan Selangau, apa-apa sahaja janji yang telah dibuat oleh Kerajaan Barisan Nasional kita harap dapat ditunaikan sebelum pilihan raya yang akan datang. Ini menunjukkan kita tegas dan begitu prihatin kepada rakyat kita, lebih-lebih lagi di kawasan luar bandar.

Begitu juga dua buah klinik di kawasan saya iaitu sebuah klinik di Nanga Sangan dan sebuah klinik di pekan Selangau yang masih di tahap klinik desa di mana penduduk sekarang telah bertambah begitu ramai. Saya minta dua buah klinik itu dinaikkan taraf kepada dispensary atau junior hospital. - ditambahkan facilities perubatan, katil dan saya telah difahamkan bahawa land cruiser atau ambulans pun tidak cukup. Macam Klinik Nanga Sangan, staff atau HA pun tidak cukup - seorang sahaja. Kalau boleh saya minta seorang doktor itu untuk part-timekah, dua orang pegawai atau tambahkan lagi staff nurse di tempat itu. Juga kalau boleh Kementerian Kesihatan membekalkan bot-bot yang laju macam ambulans untuk membawa pesakit emergency ke hospital di bandar atau di daerah

Tatau kerana sekarang tidak ada bot-bot yang laju untuk membawa pesakit-pesakit seperti luka dan sebagainya yang memerlukan rawatan perubatan dengan segera.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mengambil kesempatan di sini untuk menyentuh sedikit sebanyak berkenaan dengan program PPRT – program untuk membantu rakyat termiskin kita di luar bandar. Apa yang saya telah difahamkan atau diterima bahawa senarai yang telah dikemukakan atau disebutkan oleh rakan saya Yang Berhormat dari Sri Aman tadi bahawa kebanyakan senarai itu daripada Pejabat Kebajikan Masyarakat di mana sesuatu kawasan tidak begitu ramai, misalnya tadi Lubok Antu hanya seorang sahaja. Saya fikir di kawasan Lubok Antu tidak patutlah seorang yang miskin, paling kurang ada seratus atau dua ratus orang sebab saya tahu itu kawasan Yang Berhormat Jawah Gerang. Jadi, macam kawasan saya Selangau, kalau saya tidak silap tidak sampai dua ratus orang sebab mengikut golongan rakyat termiskin (GRT) bahawa kalau anaknya lima orang dan pendapatan mereka RM516, masih dikatakan dalam taraf kemiskinan atau dalam golongan GRT. Kalau anaknya kurang daripada lima dan pendapatan mereka kurang daripada RM250 memanglah dalam core group itu iaitu di bawah paras kemiskinan, itu termasuk dalam program PPRT.

Kita telah sedia maklum bahawa kebanyakan mereka yang tinggal di rumah panjang ialah pekebun-pekebun kecil tidak ada income atau pendapatan bulanan dan kadang-kadang ramai daripada mereka kurang daripada RM200 atau RM516 bagi yang ada anak lima orang. Jadi, kalau dapat KEMAS atau agensi-agensi atau jabatan-jabatan kerajaan lain dapat cuba tolong buat lebih sedikit terperinci di mana pegawai-pegawai itu bersama wakil rakyat pergi ke rumah panjang, selidik dengan baik, itu ini. Pintu rumah satu – katakan rumah panjang ada beberapa pintu, berapa orang anaknya, berapa pendapatan mereka, apa kerja mereka, adakah mereka orang cacatkah, orang butakah dalam itu. Ini lebih senang lagi. Jangan kita hanya hantar list dari pejabat kebajikan, itu tidak berapa betul.

Yang saya tahu list atau senarai daripada Kebajikan Masyarakat untuk mereka yang tidak ada suami atau tidak ada isteri lagi bagi mereka itu, tidak ada anak yang bertanggungjawab untuk melihat orang-orang tua. Kebanyakan senarai daripada Kebajikan Masyarakat ialah orang-orang tua belaka. Jadi, pada pendapat saya, tidak kira tua atau muda, sekiranya mereka kurang pendapatan daripada RM200 lebih atau kalau anaknya lima orang dan pendapatannya kurang daripada RM516 mereka dapat disenaraikan dalam program PPRT supaya program ini dapat menolong mereka untuk membina rumah dan juga program ini dapat memberi mereka saham dengan percuma dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, perkara yang lain saya ingin sebut di sini iaitu berkenaan dengan KEMAS. Saya ingin menyentuh berkenaan tabika atau KEMAS. Di kawasan Selangau misalnya saya ingin bertanya kepada Kementerian Pembangunan Luar Bandar, setakat ini adakah program dengan terperinci mengenal pasti kawasan-kawasan di luar bandar di mana rumah-rumah panjang atau kampung-kampung katakan lima buah rumah panjang atau kampung itu belum ada tabika atau belum ada tadika dari pihak sekolah. Kalau mereka buat program yang terperinci supaya kita Ahli-ahli Parlimen atau wakil rakyat tahu supaya dapat bekerjasama dengan KEMAS untuk menubuhkan tabika kerana ini sangat penting. Kata orang Melayu “kalau kita hendak melentur buluh mesti daripada rebungnya” kerana anak orang rumah panjang atau kampung-kampung bila dia pergi ke Tahun Satu, hendak pegang pensil pun tidak tahu manakala anak-anak orang di bandar, oleh sebab mereka semasa berumur empat tahun sudah dihantar ke sekolah tadika atau tabika. So, anak-anak orang di bandar itu memanglah sudah pandai – bahasa Inggeris sudah tahu, hendak menghitung satu sampai sepuluh sudah tahu tetapi bagi anak orang

rumah panjang di kampung-kampung itu hendak pegang pensil pun tidak tahu. Bagaimana kuat pun kita berlari, kalau dua tiga tahun tinggal kebelakangan memang tidak dapat ikut walaupun orang itu tidak cepat.

Jadi, saya rasa ini sangat penting. Kita hendak lihat anak-anak bangsa kita yang berilmu mengikut falsafah pendidikan negara kita. Kita mahu Malaysia sebagai pusat yang tercemerlang di rantau ini bagi pendidikan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat, masa cukup ya.

Tuan Joseph Mauh Anak Ikeh: Sedikit lagi ya. Jadi, satu perkara saya hendak sentuh, saya harap Ahli-ahli Parlimen pun bersetuju – mengenai dengan pencen Ahli Parlimen tetapi saya fikir Ahli-ahli Parlimen memang tidak berani, bagi saya tidak ada hal sebab saya full time politician. Ahli-ahli Parlimen mendapat pencennya sehingga umur 50 tetapi bagaimana pula Ahli-ahli Parlimen, katakan dia masih muda, 32 tahun kemudian satu penggal sahaja kemudian dia berhenti. Kalau dia tidak ada elaun, bagaimana? Business pun tidak ada, macam saya ini tetapi ini saya bercakap bukan tentang saya, sebab saya sudah 49 tahun, next year 50, I can get my pension sekiranya saya berhenti. Saya ini bercakap bagi pihak Ahli-ahli Parlimen yang dahulu masih muda, sekarang tidak ada kerja, anak berapa orang, business pun tidak ada. Saya haraplah, sama ada satu penggalkah atau berapa penggalkah, berilah dia pencen, tidak kiralah umurnya 50 tahun, kalau tidak ada alternatif lain. Kalau ini tidak dapat dipertimbangkan, okay ada alternatif, berilah dia pinjaman atau modal daripada bank suruh dia berniaga dan sebagainya, sebab kita jangan lupa bagi wakil rakyat sama ada ADUNkah atau Parlimen, dia telah berjasa kepada rakyat kita.

Akhir sekali saya tertarik berkenaan dengan Dasar Pertanian kita. Saya harap sebab tanah di negeri Sarawak, banyak, luas dan besar – mintalah RISDA, FELCRA datang ke negeri Sarawak untuk membuka tanah yang luas supaya tanaman seperti kelapa sawit, buah-buahan, jagung dan sebagainya dapat dibuka secara komersil dan besar-besaran di negeri Sarawak sebab kita tahu hampir RM10 bilion kita untuk mengimport barang-barang makanan dari luar negara. Jadi semalam atau kelmarin Kementerian Pertanian telah memberi taklimat kepada Ahli-ahli Parlimen. Saya harap dasar baru itu akan dapat dipercepatkan lebih-lebih lagi negeri Sarawak yang masih mempunyai tanah yang luas dan banyak.

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali saya ucapkan berbanyak-banyak terima kasih kerana diberi peluang bercakap di Dewan ini dan saya menyokong dan memberi peluang kepada rakan-rakan yang belum berucap. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Baram.

4.22 ptg.

Tuan Jacob Dungau Sagan [Baram]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, kerana memberi saya peluang untuk menyokong Usul Menjunjung Kasih kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong yang telah memberi Titah Diraja di Dewan yang mulia ini pada 5 April 1999 yang lalu. Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk merafak sembah dan menjunjung kasih kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Tuanku Jaafar Ibn Almarhum Tuanku Abdul Rahman kerana berjaya memerintah negara dalam keadaan aman dan harmoni selama Baginda menjadi Yang di-Pertuan Agong yang kesepuluh.

Di dalam Titah Diraja Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, telah menyentuh betapa pentingnya rakyat di Malaysia berada di dalam keadaan terjamin, stabil

dan aman dan Baginda seterusnya menasihatkan kepada kita semua supaya mengekalkan keadaan yang kita telah perolehi itu pada masa depan walaupun setakat ini kita berada dalam kegawatan ekonomi.

Tuan Yang di-Pertua, Titah Diraja itu jelas menunjukkan betapa Baginda mengambil berat dalam hal ehwal rakyat dan kesejahteraan negara yang kita sayangi ini. Sebagai rakyat yang bertanggungjawab kita perlu memelihara kesejahteraan negara kita serta juga menjaga keharmonian yang telah tercapai di kalangan masyarakat Malaysia. Kita tidak sekalipun menganggap perkara ini sebagai "things we take for granted", dengan izin, kerana pembangunan di negara ini dan kebolehan negara kita bersaing dalam arena ekonomi dengan negara-negara antarabangsa berasas daripada pencapaian kesejahteraan negara.

Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana saya tidak berpeluang untuk berucap dalam perbahasan usul Kertas Putih pada minggu yang lalu, maka saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Dato Seri Dr. Mahathir Mohamad, Perdana Menteri Malaysia yang kita sayangi atas pembentangan Kertas Putih mengenai status ekonomi Malaysia setakat ini serta juga kepada Yang Amat Berhormat Dato' Seri Abdullah Ahmad Badawi, Timbalan Perdana Menteri yang telah membentangkannya untuk dibahaskan dalam Dewan yang mulia ini pada minggu yang lalu. Saya sebagai wakil rakyat dari komponen Parti Barisan Nasional, iaitu Parti SNAP menyokong penuh pembentangan Kertas Putih itu kerana betapa perlunya kerajaan menjelaskan langkah-langkah yang diambil bagi menangani krisis kewangan yang melanda negara kita serta rasionalnya di samping itu juga menerangkan kedudukan sebenar ekonomi Malaysia setakat ini dan prospeknya.

Tindakan ini penting supaya beberapa golongan tertentu dalam masyarakat Malaysia serta juga warga asing yang menganggap langkah-langkah yang diperkenalkan ini tidak begitu sesuai dan mencukupi akan mendengar dengan jelasnya langkah-langkah dan usaha-usaha yang diambil oleh kerajaan bagi menangani krisis kewangan ini. Saya mengucapkan syabas kepada semua ahli MTEN kerana sejak ia ditubuhkan pada 7 Januari 1997, MTEN telah berusaha dengan sesungguhnya menilai situasi dan ciri-ciri sosio-ekonomi Malaysia yang unik serta berunding dengan pelbagai kumpulan masyarakat dan telah berjaya menyediakan Pelan Pemulihan Ekonomi Negara (PPEN) yang menyeluruh dan perakuannya kini sedang dalam pelbagai peringkat pelaksanaan.

Tuan Yang di-Pertua, daripada langkah yang telah dilaksanakan itu setakat ini, kita telah melihat petunjuk kesan positif serta pengembalian keyakinan pelabur-pelabur dan orang awam kepada ekonomi kita. Laporan daripada ekonomis di rantau ini pun telah bertukar corak dan telah memberi keyakinan mereka bahawa ekonomi Malaysia akan pulih semula. Dengan izin, *'Mr. Tim Condon, a principal of global investment house Morgan Stanley recently said, "economists believed that most of the impact of downturn were felt last year and the Malaysian economy was now set for recovery". Mr. Condon said, "Morgan Stanley itself expects the Malaysian Economy to grow by two percent this year. International rating agency Standard and Poor revised its outlook on Malaysia to stable from negative'.*" Laporan dari *New Straits Times* pada 13 April 1999 kelmarin juga menunjukkan bahawa *"Group of senior US executives acknowledges signs of recovery"*.

Tuan Yang di-Pertua, kesemua petunjuk tersebut menunjuk bahawa betapa jelasnya ekonomi kita akan pulih semula. Oleh sebab itu, kita rakyat negara ini perlulah memberi sokongan yang padu kepada langkah-langkah dan usaha-usaha yang diambil oleh kerajaan bagi menangani krisis kewangan ini termasuklah semua Yang Berhormat, kawan-kawan kita daripada parti pembangkang yang sentiasa mengkritik dan merendah-rendahkan imej negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, saya beralih kepada suatu perkara yang lain. Pada awal bulan April ini, "a self-proclaimed environmental activist", dengan izin, Bruno Manser telah memasuki negeri Sarawak secara haram dengan menggunakan nama palsu beliau 'Bahler Markus' dan seterusnya menjalankan operasi beliau untuk memperolok-olokkan kerajaan. Mengikuti laporan dari Encik Mohd. Jamal Kamdi, Immigration Deputy Director Manser ini dipercayai masuk ke Sarawak dari Balik Papan di Kalimantan Timur, Indonesia dan dipercayai pergi ke Ulu Baram sebelum meneruskan perjalanan beliau ke Miri dan Kuching. Apabila di Kuching, Manser memakai suatu motorised paraglider untuk cuba masuk ke kawasan kediaman Ketua Menteri Sarawak di Jalan Bako, di mana beliau ditangkap oleh pegawai-pegawai Imigresen dan pada hari tersebut juga dihantar ke Kuala Lumpur untuk dibuang negeri.

Tuan Yang di-Pertua, insiden seperti ini telah memberi suatu tunjuk ajar kepada kita bahawa kita mempunyai kelemahan dalam usaha kita menjaga negara kita dari ancaman orang luar. Persoalannya ialah bagaimanakah seorang aktivis asing yang telah dibuang negeri beberapa tahun dahulu boleh masuk kembali ke negeri Sarawak secara haram dan seterusnya mempengaruhi orang-orang tempatan bekerjasama dengan beliau bagi menjalankan tujuan dan niat yang tidak baik itu? Saya ingin menyoalkan apakah tindakan yang diambil oleh kerajaan bagi mengelak seorang aktivis seperti Manser ini kembali lagi ke negeri Sarawak secara haram pada masa depan?

Tuan Yang di-Pertua, tindakan aktivis seperti Manser ini menunjukkan bahawa orangnya memang benar-benar biadap seperti juga tingkah laku yang ditunjukkan oleh Al Gore, Naib Presiden Amerika Syarikat apabila beliau memberi ucapan beliau semasa mesyuarat APEC tahun yang lalu. Sikap kurang ajar orang seperti ini langsung tidak menghormati undang-undang Malaysia, tidak menghormati pemimpin-pemimpin negara kita serta adat dan tradisi kita Malaysia. Mereka ini percaya mereka boleh buat apa sahaja di negara kita.

Saya menyatakan dengan jelasnya bahawa niat jahat seperti ini langsung tidak diterima kerana ia akan menjejaskan pembangunan dan kesejahteraan rakyat di Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, kesan dari perbuatan penghasutan Manser ini serta juga orang-orang pengikutnya di negeri Sarawak jelas sekali khususnya kepada kaum Penan di mana mulai dari tahun 1980-an beliau menghasut kaum Penan membuat "road-blockages against the timber logging firms", dengan izin, dan sampai sekarang pun kaum Penan di kawasan Long Lamai Ulu Baram masih lagi menunjukkan perasaan mereka begitu juga, iaitu sentimen anti-logging yang masih kuat dan jelas juga sekarang ini sentimen ini bukannya hanya tertumpu kepada sentimen anti-logging sahaja tetapi sentimen antikerajaan dan antipembangunan.

Tuan Yang di-Pertua, pada pendapat saya jelas sekali orang seperti Manser 'the so-called environmental activist and champion of the small indigenous groups' mempunyai tujuan yang hendak melihat kaum Penan kita ini ketinggalan zaman. Mereka ingin menggunakan kita sebagai suatu museum piece untuk dilihat dunia sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, as I see it these activist and so-called champion of the indigeneous people go all out to discourage our Penan Community from going to schools by encouraging them to continue to live in the jungles forever. Tuan Yang di-Pertua, as one of the leaders from the Orang Ulu Community I will stand firm against the clandestine activities of these people to ensure that the Penan Community does not get marginalised from the mainstream of development and that the Penan must benefit fully from the fruits of our independence like any other communities in this beloved land of ours.

Tuan Yang di-Pertua, dengan sikap yang sama, kerajaan negeri Sarawak yang dipimpin oleh Yang Amat Berhormat Datuk Patinggi Tan Sri Haji Abdul Taib bin Mahmud telah menubuhkan suatu jawatankuasa sepuluh tahun yang lalu khususnya bagi merancang dan menjaga jal ehwal orang Penan di Negeri Sarawak. Dengan adanya jawatankuasa ini kaum Penan telah mendapat manfaat dari pembangunan beberapa Penan Service Centre di kawasan Baram dan Belaga. Kerajaan telah membangunkan service centre di Batu Bungan di Mulu, sebuah lagi di Long Kevok, Sg. Apoh, sebuah lagi di Long Jekitan di Sg. Silat hulu Baram dan sebuah di Lesong Laku di Belaga. Tiap-tiap service centre ini mempunyai sekolah, klinik desa, pejabat pertanian dan lain-lain kemudahan khususnya bagi kaum Penan sahaja. Kerajaan juga merancang untuk membuka banyak lagi service centre seperti ini untuk menolong orang Penan menikmati mutu kehidupan yang moden.

Oleh sebab itu, Tuan Yang di-Pertua, saya menyeru kepada pihak yang tertentu yang telah dipengaruhi oleh activist seperti Manser ini supaya menukarkan sikap mereka dan seterusnya bersama-sama bekerja dengan kerajaan untuk melaksanakan projek yang telah disediakan itu bagi kebaikan kaum Penan dan rakyat jelata dalam melinium yang akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin sentuh sedikit hal petani padi bukit di negara ini khususnya di negeri Sarawak. Dalam keadaan krisis ekonomi yang melanda negara kita setakat ini, sektor pertanian akan semakin penting bagi mengurangkan bil import makanan negara kita yang telah meningkat ke RM10 bilion pada tahun 1997.

Saya mengucapkan tahniah kepada Kementerian Pertanian kerana mengemukakan Dasar Pertanian Negara Ketiga yang bertujuan untuk mempertingkatkan produktiviti dan daya saingan di peringkat antarabangsa, mengeratkan pertalian dengan sektor-sektor lain dan juga menerokai bidang-bidang baru, memelihara dan mengguna sumber asli secara mampan. Jikalau dasar DPN3 ini dilaksanakan dengan sesungguhnya, saya yakin Malaysia boleh mengurangkan bil import itu ke tahap yang rendah. Jika kita meneliti bahan-bahan yang diimport itu, bil import corn (jagung) berjumlah hampir RM1 bilion, beras RM537,000, gula RM875,000, sayur-sayuran RM769,000, buah-buahan RM500,000 dan juices RM250,000. Kesemua bahan makanan yang diimport berjumlah kurang lebih RM4 bilion ini boleh dikeluarkan di negara kita ini tanpa masalah teknikal. Bahan makanan yang lain itu terpaksa kita mengimportkan kerana pengeluarannya hanya sesuai ditanam diiklim yang sejuk.

Oleh sebab itu, import substitution yang berjumlah nilainya RM4 bilion ini boleh digunakan di dalam negara bagi membeli pengeluaran bahan makanan tempatan dari petani-petani dan pekebun-pekebun kita sendiri.. Ini bermakna petani-petani dan pekebun-pekebun negara kita bermanfaat. Strategi seperti ini bukan sahaja mengurangkan bil import akan tetapi memperkukuhkan mata wang negara dan mengawasi kenaikan inflasi.

Tuan Yang di-Pertua, iklim di negara kita sangat baik dan tidak mempunyai iklim yang extreme jika dibanding dengan negara-negara yang lain. Oleh sebab itu banyak tumbuhan-tumbuhan seperti kelapa, koko, kopi, getah, kelapa sawit dan berbagai-bagai jenis buah-buahan yang boleh tumbuh di negara kita. Masalah yang kita hadapi ialah kita mempunyai sikap di mana kita anggap bahawa jenis-jenis tumbuhan ini kurang baik dan tidak memberi hasil yang lumayan kepada pekebun-pekebun. Sikap seperti ini langsung tidak merangsangkan kita. Misalnya, penanaman kelapa. Oleh kerana harga buah kelapa rendah pada tahun yang lampau maka pekebun-pekebun tinggalkan sahaja kebun kelapa mereka. Apabila permintaan kelapa itu naik seperti yang telah berlaku pada awal tahun ini, harganya pun naik akan tetapi negara kita sudah tidak mengeluarkan kelapa dengan mencukupi dan terpaksa mengimportnya dari negara jiran. Keadaan ini menunjukkan

bahawa kita tidak merancang jenis-jenis tumbuhan pertanian yang dianggap sebagai security crop misalnya seperti kelapa, padi dan buah-buahan tempatan. Oleh yang demikian, saya menyarankan supaya security crop seperti padi ini diberi status yang tinggi oleh kerajaan walaupun kita berusaha untuk membangunkan negara ini berasas kepada pembangunan industri kita.

Tuan Yang di-Pertua, sejak kita merdeka 35 tahun dahulu, negara kita telah mencapai kemajuan pesat, kadar pertumbuhan ekonomi kita tidak kurang dari 8% setahun dalam jangka sepuluh tahun yang lalu dan pendapatan percapita telah meningkat dari RM8,024 pada tahun 1993 ke RM11,835 dalam tahun 1998. Apa yang saya ingin sentuh di sini dan yang mengkhawatirkan kita ialah kesedihan yang dialami oleh pihak petani padi bukit ataupun "the hill paddy shifting cultivators" di negara ini khususnya di negeri Sarawak dan Sabah yang tiap-tiap tahun menebas, menebang, membakar, menanam jenis padi bukit, mengetam padi mereka dan akhirnya kawasan itu ditinggalkan dan pada tahun baru mereka mengulang lagi menebas, menebang dan lain-lainnya di kawasan yang baru.

Mereka ini bekerja keras tiap-tiap musim padi tetapi kadang-kadang hasil padi yang didapati dari usaha mereka itu langsung tidak mencukupi untuk keperluan keluarga mereka setiap tahun. Kadangkala pada musim yang tidak baik, hasil padi itu hanya cukup untuk perbelanjaan mereka dalam masa lima atau enam bulan sahaja dan sesudah itu mereka terpaksa mencari makanan dari sumber yang lain seperti ubi kayu, sago ataupun mencari kerja sendiri di sini sana untuk membeli beras.

Tuan Yang di-Pertua, masalah mereka ini akan berterusan pada masa yang akan datang jika kerajaan tidak ambil tindakan untuk menghadapi kesusahan mereka. Oleh yang demikian, saya minta supaya kerajaan membuat kajian atas masalah yang ada pada "hill paddy shifting cultivators" ini, dengan izin, dan mencari strategi yang sesuai untuk membawa mereka bersama-sama dalam arus pembangunan negara.

Tuan Yang di-Pertua, dari pandangan saya kita perlu mencari strategi yang tepat bagi membantu petani padi bukit ini sebelum mereka ditinggalkan zaman. Oleh yang demikian, saya menyokong penuh dengan tindakan kerajaan negeri Sarawak untuk membuka tanah pusaka ataupun tanah NCR bagi tanaman kelapa sawit yang bertujuan untuk menambah lagi pendapatan mereka ini dan mempertingkatkan lagi mutu kehidupan mereka dalam masa yang akan datang. Saya ucapkan syabas kepada kerajaan kerana memperkenalkan satu dasar yang berani dan berpandangan jauh bagi rakyat luar bandar khususnya di negeri Sarawak. Walaupun dari mulanya dasar ini tidak difahami oleh beberapa penduduk tempatan khususnya pihak pembangkang akan tetapi baru-baru ini kita telah mendengar suara mereka sudah berubah dan bercorak positif. Saya yakin bahawa ramai penduduk ataupun tuan punya tanah NCR di kawasan saya di Baram telah bersetuju dengan polisi pembangunan NCR ini secara komersial. Oleh sebab itu saya minta supaya kerajaan melaksanakan dasar ini dengan sesungguhnya dan begitu juga kepada pihak tuan punya tanah supaya bekerjasama dengan kerajaan untuk menjayakan usaha projek pembangunan tanah NCR ini.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada pembangunan tanah mereka ini secara komersial saya juga mencadangkan kepada kerajaan supaya mereka yang mempunyai tanah NCR lebih kurang 4 hektar besar yang berdekatan dengan kilang-kilang kelapa sawit diberi bantuan secara geran ataupun biji benih yang baik untuk ditanam dengan kelapa sawit secara small holdings.

Saya ucapkan begitu, Tuan Yang di-Pertua, kerana mereka ini tidak ada usaha yang lain untuk mencari pendapatan yang lumayan bagi menampung keperluan keluarga mereka dengan harga fresh fruit bunch (FFB) dengan izin, yang baik sekarang ini

sekeluarga pekebun yang mengusahakan 4 hektar kelapa sawit boleh mendapat hasil dari RM4,000 hingga RM5,000 sebulan. Ini sangat baik sekali. Jadi usaha ini sangat lumayan sekali bagi pendapatan mereka.

Oleh yang demikian, saya minta Kementerian Pertanian sekali lagi supaya membantu mereka yang mempunyai tanah NCR yang berdekatan dengan kilang kelapa sawit ini secara skim geran ataupun membuat peruntukan di bawah skim tanaman kelapa sawit, khususnya untuk mereka yang minat menanam kelapa sawit di tanah NCR mereka.

Tuan Yang di-Pertua, getah ialah satu komoditi yang penting bagi penduduk-penduduk negara yang tinggal jauh di kawasan pedalaman di mana mereka tiada pilihan yang lain, hanya bergantung kepada penoreh getah untuk mencari wang tunai bagi menampung keperluan asas mereka dari sehari ke sehari. Bagi pihak 'hill paddy shifting cultivators' ini tadi kebun getah menjadi satu 'bank' bagi mereka kerana apabila mereka menggunakan wang tunai, mereka hanya pergi ke kebun getah mereka untuk menoreh.

Komoditi ini sangat sesuai dengan traditional life style yang mereka amali. Oleh sebab itu saya ingin bertanya, apakah rancangan yang disediakan oleh kementerian bagi membantu petani-petani khususnya penanam-penanam padi bukit ini yang masih bergantung kepada tanaman getah sebagai sumber pendapatan wang tunai mereka. Adakah kerajaan mencadang untuk melaksanakan banyak lagi projek mini estet getah, khususnya bagi mereka yang tinggal jauh di pedalaman dan tidak berpeluang untuk mendapat manfaat dari skim kelapa sawit berkomersial itu.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya mengakhiri ucapan saya, saya juga ingin minta dengan Kementerian Tenaga, Komunikasi dan Multimedia meneliti beberapa perkara dalam kawasan saya di Baram. Pertama, di Pekan Marudi, Baram kerajaan telah membuka sebuah perkhidmatan post office di mana pegawai di pejabat itu hanya tumpu kepada satu orang sahaja. Saya minta supaya kementerian menempatkan lagi seorang pegawai di pejabat tersebut kerana permintaan di pejabat ini semakin bertambah dan pelanggan terlalu lama menunggu untuk membeli satu atau dua keping setem sahaja.

Saya juga minta supaya kementerian ini membuat satu kajian untuk memperbaiki sistem pos di kawasan Baram kerana jika kita hendak kirim surat di kawasan saya di Baram, surat tersebut mengambil masa yang terlalu lama kadang-kadang kita menunggu berminggu-minggu barulah surat itu boleh sampai ke tempat orang yang menerimanya.

Yang kedua, saya juga minta supaya kementerian membuat satu kajian bagi memperbaiki sistem telefon dan komunikasi bukan sahaja di kawasan saya Baram tetapi di seluruh negeri Sarawak, saya rasa di mana kita minta sistem telekomunikasi itu perlu ditempatkan di tempat yang strategik di mana susah untuk penduduk-penduduk di sana berhubung dengan bandar-bandar ataupun pekan-pekan yang berdekatan. Di kawasan saya di Baram, saya minta kalau boleh kementerian menempatkan telefon awam seperti Atur 011 ataupun solar powered telephone di tempat yang strategik seperti di Long San, Long Anap, Long Jeeh, Long Moh, Lio Matu, Long Bangga, Long Lellang di Ulu Baram dan juga di Long Pana dan Long Tebanyi di Ulu Tinjar dan juga di Long Seridan di Ulu Sungai Apoh dan di Long Tebangan di Sungai Akah.

Sistem telefon ini sangat perlu di kawasan tersebut dari segi penjagaan keselamatan kita dan untuk berhubung dengan Pejabat Kesihatan semasa kecemasan, jikalau penduduk di kawasan tersebut kena sakit dan lain-lain masalah. Tuan Yang di-Pertua, dengan ucapan yang demikian saya memohon menyokong. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Tumpat

4.51 ptg

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood [Tumpat]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Semenjak dari pagi lagi tidak dapat, sekarang baru dapat. Sebagai mukadimah ucapan saya, saya hendak menyampaikan rasa sedih, rasa terharu yang amat sangat di atas keputusan mahkamah terhadap brothers Anwar dihukum selama 6 tahun penjara. Itulah adat dunia, barangkali yang bersalah kadang-kadang terlepas, kadang-kadang yang tidak bersalah itu kena, kadang-kadang yang bersalah itu kena. Wallahualam, Tuhan sahajalah yang mengetahui. Siapakah yang bertanggungjawab di atas perkara ini? Saya rasa Tuhan Rabbuljalil lah akan menentukan di akhirat nanti, pada Allah-lah kita berserah.

Yang kedua, saya hendak mendoakan supaya Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita cepat-cepat sembuh. Kita nampak Yang Amat Berhormat telah pun pergi ke Langkawi untuk berehat di sana walaupun perjalanannya tidak sebagaimana biasa. Biasanya cergas tetapi sekarang agak slow sedikit dan kita berdoalah supaya Perdana Menteri kita cepat-cepat sembuh supaya beliau dapat masuk pejabat dan dapat ke Kelantan sebagaimana yang dijanjikan. Terasa rindu juga hendak dengar ucapan Perdana Menteri selepas daripada dia sakit dan kembali daripada Mekah. Apakah masih seperti dahulu ataupun ada perubahan. Saya mengambil kesempatan juga mengucapkan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang telah memberi pinjaman secara mudah kepada kerajaan Kelantan untuk mengatasi masalah isu air yang merupakan salah satu isu yang telah digunakan oleh penceramah-penceramah Barisan Nasional bagi menghentam kerajaan negeri Kelantan.

Yang ketiga, saya hendak sebut kepada penceramah-penceramah UMNO yang sering mendakwa sekiranya Kelantan mahu maju, pilihlah Barisan Nasional. Saya dengan segala hormatnya menjemput penceramah-penceramah ini untuk melawat ke Sarawak, melihat bagaimana hebatnya pembangunan yang dilakukan di Sarawak sebagaimana yang disebut oleh Yang Berhormat daripada Ranau sekejap tadi bahawa di kawasan beliau, pembangunan yang dibuat oleh Barisan Nasional semenjak kerajaan Barisan Nasional mengambil alih pemerintahan di Sarawak ialah cuma 30% sahaja, 70% belum lagi membangun.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengambil kesempatan ini untuk membahas ucapan terima kasih kepada Yang di-Pertuan Agong. Saya ingin memberi gambaran dan pandangan serta saranan kepada kerajaan agar memahami dan bertindak segera ke atas pelbagai perkara dan isu yang amat memerlukan perhatian sewajarnya. Saya berpendapat, sehingga kini kerajaan gagal dalam perkara yang bersangkutan dengan sensitiviti rakyat terhadap beberapa perkara yang saya akan kemukakan ini.

Tuan Yang di-Pertua, akhir-akhir ini banyak jabatan kerajaan yang telah digunakan sebagai kuda tunggangan. Barangkali tidak semua, oleh pihak-pihak tertentu untuk mencapai matlamat politik mereka dengan berselindung di sebalik alasan demi keselamatan negara. Sebagai contohnya, apa yang berlaku ke atas bekas Ketua Polis Negara (KPN) Tan Sri Rahim Noor, dalam keterangan beberapa orang saksi terhadap Suruhanjaya Diraja bahawa beliau telah bertanggungjawab terhadap kecederaan Dato' Seri Anwar Ibrahim semasa berada dalam lokap polis. Beliau sendiri juga telah secara sukarela mengakui akan perbuatan kejam (sadist) itu, tetapi malangnya hingga ke hari ini tidak ada report ke atas Rahim Noor tentang tangkapan dan pendakwaannya di mahkamah.

Tuan Yang di-Pertua, hingga ke hari ini kita tidak tahu apakah cadangan Suruhanjaya Diraja dan apakah cadangan-cadangan yang dikemukakan kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong bagi diserahkan kepada Peguam Negara. Kita

berharap hasil siasatan itu akan diumumkan kepada umum atau di dalam Parlimen ini. Walaupun keputusan sama ada ianya hendak diumumkan ataupun tidak, menjadi budi bicara Yang di-Pertuan Agong, tetapi menjadi hak orang ramai untuk mengetahui hasil siasatan itu. Tidak ada gunanya siasatan itu kalau ianya tidak diumumkan kepada orang ramai, orang akan tertanya-tanya, orang ramai tidak dapat mengetahui sejauhmanakah ianya benar atau sebaliknya.

Tuan Yang di-Pertua, kalau seorang bekas Timbalan Perdana Menteri boleh diperlakukan begitu sekali, apa pula jaminan keadilan kepada rakyat marhaen di dalam hal ini. Apakah polis boleh diharap untuk menjamin keselamatan rakyat di masa-masa akan datang? Adalah sangat jelas kegagalan menangkap dan mendakwa bekas KPN itu menunjukkan institusi polis yang baru merayakan hari jadi yang ke-47 tahun, sudah terjejas, sekali lagi polis bertindak double standard. Selain daripada isu bekas KPN itu, masih banyak lagi contoh dan bukti menunjukkan bahawa institusi itu makin dipertikaikan. Langkah KDN menjalankan program "Mesra Rakyat" menunjukkan betapa institusi polis semakin tidak dihormati lagi.

Gambaran dan laporan yang kita terima bagaimana polis menggari penunjuk perasaan, membuktikan betapa polis telah bertindak ala Mosad sepertimana yang pernah didakwa oleh bekas TPM, Dato' Seri Anwar Ibrahim adalah benar. Kalau dahulu kekasaran polis terhadap orang ramai kita saksikan di negara-negara lain, tetapi kini sudah menular ke negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, saya berharap Peguam Negara tidak akan teragak-agak mendakwa bekas KPN dengan tuduhan serius seperti kesalahan bawah Seksyen 304 Kanun Keseksaan yang melibatkan cubaan dan dibaca dengan Seksyen 511 Kanun Keseksaan yang boleh dipenjarakan 10 tahun atau setidak-tidaknya di bawah Seksyen 325 Kanun Keseksaan dengan cubaan atau membawa hukuman 7 tahun penjara. Saya yakin keraguan rakyat kepada institusi polis akan berkurangan jika bekas KPN yang sudah pasti bersalah itu diambil tindakan. Di samping kesalahan serius dan berat bekas KPN itu, kita juga melihat bagaimana siasatan polis yang dijalankan tidak lagi menunjukkan profesionalisme, terutama dalam menentukan adakah sesuatu siasatan perlu dimulakan atau tidak perlu.

Perkara ini banyak dilihat dalam keterangan yang dikemukakan dalam kes perbicaraan bekas TPM, misalnya sehinggakan bulu atas bantal pun dapat dikenal pasti dan begitu juga air mani serta lendir perempuan atas tilam dapat dikenali. Sebaliknya sebagai seorang warganegara Bukit Aman yang memukul orang gagal dikesan oleh penyiasat khas.

Inilah yang aneh dan berlaku di dalam institusi kepolisian di negara kita. Pihak polis hanya nampak kuman di seberang laut tetapi tidak nampak gajah di pelupuk mata.

Tuan Yang di-Pertua, selain Jabatan Polis satu lagi jabatan yang berteduh di bawah bumbung Jabatan Perdana Menteri yang telah terjejas kerana wibawa dan peribadi ketuanya yang tidak profesional dan lemah ialah Jabatan Peguam Negara. Kita persoalkan kepada laporan perubatan bekas Timbalan Perdana Menteri daripada beberapa orang doktor dihantar kepada doktor A. Rahman Yusof dan diteliti oleh beliau sedangkan ini bukan kes jenayah yang telah diputuskan dan mendedahkan segala bentuk peribadi orang lain atau rakyat lain kepada orang lain.

Keizinan bekas Timbalan Perdana Menteri tidak pernah diminta, banyak affidavit yang memburukkan bekas Timbalan Perdana Menteri tetapi pembuktiannya tiada disumpah oleh Peguam Negara. Tetapi bila tiba pendakwaan, tiada bukti, yang lebih melucukan lagi bagaimana pihak pendakwa telah mengemukakan tilam sebagai barang bukti, kata orang Jepun, 'tilam sakti'. Tompokan mani dan sebagainya, tetapi selepas itu dimansuhkan begitu sahaja oleh mahkamah. Apakah tujuan tilam dan tompokan mani itu

dibawa ke mahkamah. Nampaknya ianya sengaja untuk memalukan tertuduh, Yan tak ada, tak ada tak apa. Jelas sekali apa yang berlaku ini telah menunjukkan kelemahan pihak Peguam Negara dan orang yang bertanggungjawab di jabatan itu seolah-olah seperti mahkamah budak-budak. Saya menyarankan di masa akan datang kerajaan berhati-hati untuk melantik Peguam Negara kerana ia menggambarkan maruah negara tercinta ini sebuah negara yang berdaulat itu ialah apabila undang-undang dan pelaksanaan undang-undang dapat berfungsi dengan baik.

Tuan Yang di-Pertua, hari ini fitnah sudah menjadi suatu mainan yang menyeronokkan, fitnah sudah menjadi satu ancaman baru, ia menjadi senjata yang ampuh oleh pihak-pihak tertentu dengan niat tertentu. Fenomena ini suatu yang mendukacitakan kita. Fitnah bukan sahaja terhadap pemimpin parti pembangkang tetapi termasuk juga fitnah ke atas agama dan Nabi Mohammad s.a.w dan para ulama dan institusinya dan paling baru dan masih hangat ialah ke atas bekas Timbalan Perdana Menteri, Dato' Seri Anwar bin Ibrahim dan ke atas pemimpin parti PAS.

Tuan Yang di-Pertua, fitnah ke atas agama yang bertujuan untuk memecahkan perpaduan ummah Islam adalah sangat merbahaya. Ia tidak syak lagi dilakukan oleh mereka yang anti-Islam, secara langsung ataupun tidak langsung. Suatu masa dulu tersebar kaset yang mengandungi ucapan pemimpin negara ini yang memfitnahkan Nabi Muhammad s.a.w yang mengkritikkan soal sunnah menyimpan janggut. Kata pemimpin itu mengapa Nabi Muhammad s.a.w. menyimpan janggut ialah kerana di zaman itu tidak ada pisau cukur atau gillet, dengan izin, masya-Allah

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Point of order, Tuan Yang di-Pertua. 36(1) menuduh Perdana Menteri memfitnahkan Rasul, ini....

Tuan Yang di-Pertua: Dia tak kata Perdana Menteri.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Dia kata menuduh Perdana Menteri memfitnahkan Rasul. Ini sudah di luar politiklah ini, jangan menuduh seorang Perdana Menteri kita, memfitnah. Ini luarlah, tumpulah kepada perbahasan biasa, jangan bawa isu-isu begini.

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Saya minta Yang Berhormat daripada Rompin supaya dengar baik-baik ucapan saya.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Cuba ulang, betul tak katakan Perdana Menteri memfitnahkan Rasul s.a.w. Kalau ada tolong tarik balik.

Tuan Yang di-Pertua: Tidak, kalau sekiranya Perdana Menteri kata begitu, ia bukanlah satu perkara...

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Dia kata dia kata menuduh Perdana Menteri memfitnahkan Rasul. Apa!

Tuan Yang di-Pertua: Sila teruskan.

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Pada masa yang sama juga pemimpin itu telah memfitnahkan seorang tokoh ulama, katanya dia menjual air sejuk untuk mendapatkan rezeki. Siapa yang makan lada dialah yang akan merasa pedasnya. Selain daripada fitnah-fitnah itu, yang terbaru ialah fitnah ke atas Dato' Seri Anwar bin Ibrahim, ini adalah satu fitnah yang paling kejam di abad ini bagi bangsa Melayu.

Selepas dilemparkan fitnah ke atas Dato' Seri Anwar, menyusul pula satu lagi fitnah ke atas parti pembangkang iaitu dakwaan parti pembangkang bertanggungjawab

mengedarkan kaset ucapan untuk membunuh Perdana Menteri, Dato Seri Haji Mahathir bin Mohamad yang kita cintai. Kes yang dikemukakan oleh Senator Timbalan Menteri tersebut masih dalam siasatan Polis. Saya berharap Polis dapat menjalankan siasatan secara profesional untuk mengenal pasti siapakah yang bertanggungjawab mengedar dan membuat kaset yang berkenaan.

Saya telah dengar kaset itu dan saya check tidak adapun seorang PAS yang bersuara seperti itu. Barangkali itu adalah ceramah yang kita biasa mendengar, boleh mendengar suaranya tetapi tidak boleh melihat wajahnya. Itulah fitnah-fitnah yang berlaku sekarang ini. Ia adalah suatu yang sungguh mendukacitakan kita, mengesalkan dan adakalanya meloyakan kita. Fitnah ini malangnya pula mendapat dokongan yang meluas daripada media massa. Kerajaan hendaklah mengambil tindakan terhadap mereka yang melakukan fitnah ini, mereka hendaklah dihukum dengan hukuman yang sewajarnya. Tidak syak lagi fitnah boleh mendatangkan keburukan kepada manusia dan negara. Bagaimana pula dengan pembuat fitnah tersebut. Kerajaan janganlah memilih bulu untuk bertindak ke atas penabur fitnah itu, janganlah pula kalau ianya saksi datang daripada pembangkang maka segera arahan polis untuk menyiasatnya, tetapi kalau di kalangan pemimpin sendiri, ianya dilupakan begitu sahaja. Setahu saya tidak ada apa-apa siasatan yang dikemukakan terhadap orang yang memfitnah Nabi Muhammad s.a.w mengenai janggut, baik oleh pihak polis ataupun pihak penguasa undang-undang. Fitnah itu terlalu banyak, di dalam Parlimen ini pun kita mendengar dan melihat orangnya yang telah menaburkan fitnah, saya sengaja mendiamkan diri. Antara lain fitnah yang telah dilemparkan...

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis : *[Bangun]*

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Sabar, nanti orang yang pemarah itu pendek umurnya, kena sabar. Fitnah yang dilemparkan yang dikatakan terhadap Presiden PAS misalnya. Saya rasa apa yang diucapkan oleh Presiden PAS mengenai Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri kita, saya rasa apa yang dikatakan itu tidak sama dengan apa yang disebut oleh Presiden PAS. Saya dapat sebut saja di sini di mana Presiden PAS telah menyebut dalam kasetnya ini, saya bawa kasetnya, insya-Allah saya akan beri kepada Tuan Yang di-Pertua supaya dengar apa yang Presiden PAS kata. Di mana dia secara tidak langsung sebelum dia mengakhiri ucapan ini, dia telah menyebut bahawa dalam sejarah, dia kata "*Orang Badwi di Negeri Arab memelihara unta tetapi di negara kita ini ada anak cucu orang Badwi tetapi dia tidak pelihara unta tetapi dia menjadi Pengerusi babi*". Itu sahaja.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Minta penjelasan sedikit.

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Ini boleh saya hendak serah...

Tuan Yang di-Pertua: Dia minta penjelasan.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Boleh saya minta penjelasan, kalau boleh, adakah itu tidak menghina? Kalau itu tidak menghina, saya minta penjelasan, apa lagi? Bila menuduh seseorang itu betul tetapi bila orang menuduh kita, katanya fitnah. Inilah double standard PAS, bila kena ke hidung sendiri - fitnah, bila menuduh orang lain - kenyataan. Ha, inilah PAS!

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Ini betul, Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri menjadi Pengerusi Jawatankuasa JE ini betul, tak salah, dan tak salahlah Presiden PAS kata begitu. Dia bukan, salah apa dia mengata begitu. Tidakkah Timbalan Perdana Menteri menjadi Pengerusi bagi JE ini?

Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal : *[Bangun]*.

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Tidak. Ini persoalan, jangan bangun, masa tidak mengizinkan.

Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan [Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal]: Takut ya, minta sedikit penjelasan. Saya ingin minta sedikit penjelasan daripada Yang Berhormat, perbezaan antara penyakit yang hendak diatasi dengan benda yang terlibat dalam keadaan ini yang sehingga Presiden PAS menyebut bahawa Jawatankuasa Pengerusi babi dengan Jawatankuasa untuk mengatasi pelbagai masalah yang ada hubung kaitnya dengan binatang. Tidakkah penyakit itu menjadi unsur yang merebak yang boleh membinasakan umat rakyat yang tidak mengira agama, bangsa itu menjadi masalah utama. Bukan masalah babi, tetapi mengapa Presiden PAS menyebut Jawatankuasa sehingga dalam surat khabar menyatakan diakui oleh Presiden PAS - Menteri babi, Pengerusi babi.

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Saya rasa itu, kalau kita bercakap di hadapan orang awam, saya rasa tidak salah, istilah itu satu benda yang kita kata macam secara benda yang tidak ada apa-apa, sengaja dibesar-besarkan. Sebagaimana ulasan di dalam akhbar yang saya lihat jauh dengan kaset ini. Ini surat khabar yang cuba mengeksploitasikan lagi berita itu. Sebenarnya yang pendek sahaja ucapannya, tidak sampai satu second tetapi diperpanjangkan dalam akhbar, saya baca sampai suku jam baru habis ulasannya.

Tuan Yang di-Pertua: Hulu Langat bangun.

Tuan Haji Badrul Hisham bin Abdul Aziz: Minta penjelasan sedikit. Yang Berhormat kata, akhbar panjang-panjangkan, putar belit. Saya hendak tanya keesokan hari akhbar yang sama membuat kenyataan Dato' Fadzir Noor yang mengaku apa yang dia kata. Itu putar belit jugakah itu? Presiden Yang Berhormat sendiri yang mengaku apa yang dia cakap. Adakah itu juga putar belit?

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Yang dia mengaku bukan yang akhbar katakan itu, yang dia mengaku yang dia kata di dalam ini *[mengangkat kaset]*.

Tuan Yang di-Pertua: Tidak apalah Yang Berhormat, Yang Berhormat bercakap yang lainlah.

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Tuan Yang di-Pertua, mahu kaset ini?

Tuan Yang di-Pertua: Saya tidak mahulah.

Beberapa Ahli: *[Ketawa]*

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, soalnya bukan masalah perkara itu satu saatke? Sepuluh jam? Masalahnya, dia mengatakan bahawa Timbalan Perdana Menteri pengerusi babi, bukannya pengerusi jawatankuasa yang menangani penyakit berpunca daripada babi yang boleh membawa mudarat kepada seluruh rakyat. Itu kenapa tidak bercakap macam itu, walaupun satu second, tidak menjadi soalan, masalahnya percakapan itu adalah percakapan yang menghina yang tidak patut keluar daripada Presiden daripada sebuah parti yang berlabel Islam.

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Orang Melayu, macam itulah. Kalau orang tanya saya, apa Yang Berhormat Pengerusi Babi itu, saya akan jelaskan macam itulah. Macam Yang Berhormat hendak, tapi kita secara bersyarah boleh bercakap 'pengerusi babi' orang tanya kita boleh jelaslah, jawatankuasa mencegah penyakit babi ini daripada merebak yang diamanahkan oleh Perdana Menteri kepada

Timbalan Perdana Menteri, bolehlah hendak bersyarah. Panggil saya beri taklimat pun tidak apa. Insya-Allah, saya boleh beri taklimat masalah ini.

Tuan Yang di-Pertua, apa yang timbul persoalan kepada saya sekarang ini, apakah sebelum daripada pihak kerajaan melantik Timbalan Perdana Menteri sebagai pengerusi bagi mencegah penyakit babi ini, sebelum daripada itu beliau telah bertanyakan kepada Majlis Fatwa. Apakah boleh seorang Islam itu menjadi Pengerusi bagi mencegah penyakit babi? Ini important, most important, dengan izin, ini hendak bertanya Majlis Fatwa sama ada bolehkah atau tidak boleh? Ini penting dan amat penting, kita sebagai orang Islam – hendak ditimbulkan. Saya pernah suatu masa dengar ceramah daripada Senator Datuk Ibrahim bin Ali, masa dia di dalam S46 dahulu. Dia bantai bekas Ketua Polis Negara, Tan Sri Haniff jadi Pengerusi Genting dan banyak wakil-wakil rakyat kita telah berulang kali bercakap disini. Mengapa seorang Islam boleh jadi Pengerusi Genting sedangkan Syarikat Genting itu adalah merupakan syarikat judi. Begitu juga dalam soal babi ini, kita tahu, saya rasa bagi orang Islam, bagi sayalah secara peribadi, saya bukan ulama, saya rasa orang Islam tidak sopan menjadi pengerusi mencegah penyakit babi ini. Saya rasa lebih baik kita beri kepada orang-orang lain, orang MCA, MIC dan saya rasa lebih bersopan, lebih berakhlak, lebih bermoral.

Tuan Yang di-Pertua: Bukit Mertajam, bangun.

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Ini jadi panjang pula.

Dr. Tan Chong Keng: Penjelasan, penjelasan. Tuan Yang di-Pertua, saya hendak tanya Yang Berhormat, mengikut Presiden PAS, Fadzil Noor berkata jikalau pakatan pembangkang parti PAS berjaya dalam pilihan raya di masa akan datang, dia akan tubuhkan kerajaan yang bergaya Islam. Berasaskan pandangan yang diberi oleh Yang Berhormat tadi, mengatakan Timbalan Perdana Menteri tidak boleh jadi pengerusi menangani masalah penyakit JE. Nampaknya PAS ini tidak mahu memberi perhatian yang tertumpu seperti Timbalan Perdana Menteri bagi perhatian yang cukup-cukup terhadap satu penyakit yang melanda negara kita. Ini masalah negara, bukan masalah perkauman ataupun agama. Nampaknya PAS memakai satu tinjauan yang sangat sempit, sampai masalah negara dipandang daripada pandangan agama sahaja. Bersetuju atau tidak?

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Saya hendak jelas, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Sebenarnya penjelasan itu perlu dengan panjang lebar tetapi saya dengan ringkas dapatlah saya jelaskan di sini bahawa Islam itu tidak melarang untuk kita mencegah sebarang penyakit dan Nabi sendiri ada bersabda di dalam Hadisnya iaitu setiap penyakit itu ada ubatnya. Ini dijelaskan ada ubatnya.

Tuan Mohamed Khaled bin Nordin: Minta penjelasan sedikit boleh?

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Nanti dulu.

Tuan Yang di-Pertua: Nanti, bagi dia jelaskan hal yang di bawa keluar oleh Bukit Mertajam. Yang Berhormat ada tiga minit lagi, Yang Berhormat.

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Tiga minit lagi, masih panjang lagi, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, ya.

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Nanti kita hendak perhabiskan, sebab ini adalah penting juga. Jadi, Islam tidak melarang orang yang bukan orang Islam makan babi, tidak larang, hendak buat macam mana, pelihara babi pun tidak larang, no problem – boleh dibuat, tapi bagi orang Islam hendak makan babi tidak bolehlah. Dia hukumnya haram, itu mengikut hukum, Islamic law you know, Islamic law? You know Islamic law.....

Tuan Yang di-Pertua: Tidak apalah Yang Berhormat, dia faham, Yang Berhormat dia faham.

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Jadi susah, itu yang saya kata mengambil waktu panjang. Orang Islam tidak boleh, kalau hendak makan juga lain pasallah, tetapi dari segi hukumnya tidak boleh. Dari segi hukum Islamic law tidak boleh. Ini persoalannya.

Tuan Haji Abdul Hamid bin Abdul Rahman: Minta penjelasan sedikit, boleh?

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Hendak terangkan di sini supaya Yang Berhormat Profesor kita ini faham. Dia profesor di bidang lain, bukan profesor di bidang ini, dari segi hukum Islam.

Tuan Yang di-Pertua: Dia tak beri jalan, Yang Berhormat Sungai Benut.

Tuan Haji Abdul Hamid bin Abdul Rahman: Minta sikit penjelasan, tak boleh?

Tuan Haji Wan Mohd Jamil bin Wan Mahmood: Saya rasa, jangan. Kalau PAS memerintah Malaysia pun tiada masalah - hendak pelihara babi, makan babi, tetapi orang Islam tidak bolehlah.

Dr. Tan Chong Keng: Penjelasan lagi.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, beri jalan ke?

Tuan Haji Wan Mohd Jamil bin Wan Mahmood: Last one, ya.

Dr. Tan Chong Keng: Apa yang saya tanya tadi, sekarang ini Timbalan Perdana Menteri yang cuba menangani masalah penyakit berkaitan dengan industri khinzir, sudah dimarah oleh PAS. Kalau PAS jadi kerajaan macam mana? Semua penternak khinzir akan diberhentikan business, dengan izin.

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Oh, bukan begitu. [Ketawa].

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Kita tidak ada masalah, seperti yang saya katakan tadi, kita akan benar semua tetapi yang jadi persoalan sekarang ini orang Islam menjadi pengerusi dan kita minta dan mencadangkan supaya pihak kerajaan lebih sopan melantik pemimpin-pemimpin kita yang kita kasihi daripada MCA – boleh, tidak ada masalah untuk menangani penyakit. Nabi Muhammad (my Prophet Muhammad) sendiri menyatakan telah menyebut bahawa setiap penyakit itu ada ubatnya, tidak ada masalah. Macam profesor sebagai seorang doktor, saya rasa layak menjadi pengerusi itu.

Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan [Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal]: Bukankah itu satu kesalahan dalam konteks Islam, mengurus dan mengeluarkan lesen untuk menternak babi seperti apa yang dalam tanggapan Yang Berhormat ini, adakah salah dalam Islam

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Tidak salah kepada orang yang bukan Islam.

Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal: untuk mengurus masalah penyakit yang berhubung kait dengan babi ataupun kalau besok tidak mungkin PAS akan menjadi pemerintah yang baik, kalaulah pihak PAS menjadi pemerintah, lepas itu mengeluarkan lesen kepada peniaga Cina untuk menternak babi tetapi lesen yang diurus oleh PAS itu adalah lesen yang tidak halal seperti apa Yang Berhormat nyatakan itu.

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Tidak boleh kepada orang bukan Islam.

Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal: Tetapi tadi Yang Berhormat menafikannya.

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Itulah saya rasa perlu pada taklimat yang panjang, ini tidak perlu kepada ulama, saya sendiri boleh beri taklimat.

Tuan Yang di-Pertua: Cukuplah, Yang Berhormat

Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal: Yang Berhormat sengaja tidak hendak faham tentang perbezaan antara binatang yang menjadi sumber penyakit ini dengan penyakit yang hendak diurus.

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Ia menjadi pengerusi lain dan mengubati itu lain. Itu dua aspek yang berbeza.

Timbalan Menteri Kewangan [Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz]: Saya hendak bertanya Yang Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua: Cukuplah Yang Berhormat, masa dia sudah cukup. Cukuplah!

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Hendak minta penjelasan sahaja sebab dia Ahli Parlimen Tumpat sahaja, fasal dia hendak cerita dia hendak memerintah, kalau PAS memerintah jadi saya hendak tanyalah kalau Nik Aziz kawan syaitan ini dia punya pandangan dalam hal ini macam mana? Nik Aziz kawan syaitan ini, saya hendak tanya.

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Ini lain pula.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, ya, cukuplah Yang Berhormat, tolong gulungkanlah.

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Biar saya jawab.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, tolong gulungkan ya.

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Yang Berhormat Tok Guru Nik Aziz kata kawan syaitan ini, dia kata dalam

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Apa beza dengan 'menteri babi', serupalah.

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Yang dia katanya, kalau syaitan mahu tolong kita pun, kita terima.

Beberapa Ahli: Oh, oh, oh!

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Ada, tidak ada masalah apa-apa, kalau syaitan hendak tolong kita pun, kita terima. Pernah dalam sejarah Islam, ini Nabi Sulaiman.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, ya.

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Nabi Sulaiman ini, dia King of the King, Tuan Yang di-Pertua.

Seorang Ahli: Masa itu al-Quran belum turun.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, cukuplah Yang Berhormat. *[Ketawa]* Masa Yang Berhormat sudah cukup. Kita tidak mengadakan kelas agama di sini ya. Cukuplah Yang Berhormat, cukuplah.

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Nabi Sulaiman ini, dia Raja bagi segala Raja

Tuan Yang di-Pertua: Cukuplah Yang Berhormat Tumpat, cukup.

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Dia boleh mengarahkan sama ada jin Islam atau*[Pembesar suara ditutup]*

Tuan Yang di-Pertua: Cukuplah Yang Berhormat, cukuplah. Saya ingat sudahlah itu.

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: *[Menyampuk]*

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, cukuplah, cukuplah.

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Saya nasihatkan pemimpin-pemimpin*[Pembesar suara ditutup]*

Tuan Haji Noh bin Omar: Sudahlah, PAS pun tidak faham, duduklah, mengelirukan rakyat sahaja! Duduk, duduk!

Tuan Yang di-Pertua: Ya, ya, Seremban.

5.24 ptg.

Dato' Hon Choon Kim [Seremban]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana memberikan saya peluang untuk berucap menyokong satu Usul yang telah dibawa oleh Ahli Yang Berhormat dari Sipitang, Menjunjung Kasih ke atas Titah Ucapan Seri Paduka Baginda tempoh hari.

Tuan Yang di-Pertua, saya tadi mendengar ucapan daripada Ahli Yang Berhormat dari Tumpat ini, saya pun kelirulah tentang cara PAS itu mengendalikan urusan hal ehwal negara kita itu.

Saya rasa memang PAS itu telah menghina seorang pemimpin negara kita yang cuba untuk menyelamatkan nyawa, satu wabak yang begitu dahsyat tetapi PAS mempunyai sikap yang begitu negatif dan biasanya seolah-olah memainkan isu ini untuk mendapatkan political mileage. Jadi, saya ingin minta ahli-ahli PAS janganlah menggunakan isu ini untuk mendapatkan political mileage. Apa yang penting sekali ialah nyawa. Nyawa manusia, nyawa rakyat Malaysia yang telah mati berpunca daripada satu kuman, satu virus yang dibawa oleh khinzir atau babi itu.

Jadi, saya pun tidak faham bagaimana caranya untuk menangani masalah jika PAS memerintah negara kita ini. Saya rasa mungkin ramai rakyat akan mati ekoran daripada sikap PAS tentang caranya untuk menangani masalah ini.

Jadi, saya rasa cukuplah PAS, janganlah menggunakan isu ini untuk mendapat sokongan atau mengelirukan rakyat Malaysia tentang cara kerajaan kita untuk mencegah wabak yang sekarang ini menyerang negara kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, Kampung Baru Sungai Nipah merupakan sebuah kampung baru yang cukup indah, sebenarnya kampung ini telah muncul sebagai johan dalam pertandingan dari segi keindahan peringkat kebangsaan, di antara hampir 400 buah kampung baru yang terdapat di negara kita ini, Kampung Baru Sungai Nipah merupakan sebuah kampung yang terindah sekali dan muncul bukan satu kali, dua kali dan tiga kali sebagai johan dari segi keindahan kampung. Tetapi sekarang ini, kampung ini memang mengalami banyak masalah dan nama baik itu telah digunakan untuk menamakan satu virus baru, satu virus yang telah mengorbankan sebanyak 96 nyawa di negara kita ini.

Jadi, saya rasa cukup sedih hal ini dan peristiwa ini berlaku di negara kita dan berlaku di sebuah kampung yang begitu cantik, yang begitu indah, sekarang ini kampung itu pun telah kosong, semua penduduk pun telah berpindah dan telah terpaksa berpindah daripada kampung itu, satu nyawa pun tidak ada, cuma askar yang berani masuk untuk menjalankan operasi pemusnahan babi yang sedia ada itu, tetapi kerja itu pun hampir habis dan saya tidak tahu bila agaknya kampung itu boleh hidup semula seperti biasa.

Jadi, inilah satu peristiwa yang cukup sedih bagi saya sebagai seorang anak Negeri Sembilan, seorang rakyat Malaysia peristiwa telah berlaku menimpa di Kampung Baru Sungai Nipah ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin ucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada kerajaan, kepada Kementerian Kesihatan dan juga pegawai perubatan serta semua kakitangan Pejabat Kesihatan dan pegawai daripada Jabatan Haiwan Negeri Sembilan atas usaha mereka dalam menangani masalah ini sejak wabak ini mula berlaku di Kampung Wong Sin Chow, Jabatan Kesihatan Negeri Sembilan sudah memberi suntikan secara percuma kepada penduduk-penduduk di kawasan itu.

Di samping itu, program seperti menyembur kabus juga diadakan di semua ladang dan di kawasan rumah-rumah penduduk. Pegawai perubatan juga memberi ceramah kepada penduduk-penduduk tentang cara mengelakkan diri daripada gigitan nyamuk culex. Di Dewan yang mulia ini, saya ingin menyatakan bahawa mereka telah menjalankan tugas mereka dengan penuh dedikasi dan harus dipuji.

Tuan Yang di-Pertua, kepada Menteri Kesihatan, saya juga ingin mengucapkan banyak terima kasih kepada beliau, Yang Berhormat Menteri telah banyak kali datang ke kawasan yang berkenaan untuk melawat dan mengadakan beberapa perbincangan dengan doktor-doktor dan pegawai perubatan di hospital dan secara hand on, dengan izin, menolong mengatasi masalah ini.

Sebenarnya, beliau telah lima kali melawat Hospital Besar Seremban dan dua kali melawat kawasan Bukit Pelandok. Sebenarnya, kalau kita lihat Yang Berhormat Menteri Kesihatan, badan dia pun telah kurus dan tidak cukup tidur kerana masalah wabak yang sedang menyerang negara kita ini.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, masa sudah cukup. Minta sambung besok.

Dato' Hon Choon Kim: Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, Mesyuarat ditangguhkan hingga jam 10.00 pagi esok.

Dewan ditangguhkan pada pukul 5.30 petang.